

Jilid II
Bil. 10



Hari Rabu
13hb Mei, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2213]

RANGUNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)

Jawatankuasa—

Jadual Pertam a:

- Maksud B. 25 [Ruangan 2336]
- Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 2347]
- Maksud B. 28, B. 30 dan B. 32 [Ruangan 2354]
- Maksud B. 33 [Ruangan 2374]
- Maksud B. 34 [Ruangan 2374]
- Maksud B. 36, B. 39 dan B. 40 [Ruangan 2380]
- Maksud B. 43 [Ruangan 2434]
- Maksud B. 45 [Ruangan 2437]
- Maksud B. 47 [Ruangan 2443]
- Maksud B. 51 [Ruangan 2472]
- Maksud B. 52 [Ruangan 2479]
- Maksud B. 53 [Ruangan 2487]

KANDUNGAN—(*Samb.*)

Maksud B. 54 [Ruangan 2487]

Maksud B. 56 dan B. 57 [Ruangan 2488]

Jadual Kedua:

Maksud B. 26 [Ruangan 2347]

Maksud B. 28, B. 29 dan B. 30 [Ruangan 2354]

Maksud B. 45 [Ruangan 2437]

Maksud B. 52 [Ruangan 2479]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1991:

Jawatankuasa—

Maksud P. 28 [Ruangan 2354]

Maksud P. 43 [Ruangan 2434]

Maksud P. 44 [Ruangan 2437]

Maksud P. 54 [Ruangan 2487]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bit. 1) 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P. 42 [Ruangan 2380]

Maksud P. 47 [Ruangan 2443]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2413]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., 5.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONO SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah),

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

„ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Perlua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)

Timbalan Menteri Tenaga, Tclekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD, GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

• Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINII HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

• Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BRNTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa).
- Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC (Saratok).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T, (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong),

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perikanan, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Seliausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang),

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

„ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S..S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchung).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN Au (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Pctani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelcbu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU Hoi.CHEW (Sibu).

TUAN LEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

„ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIH (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.I.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.I., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.H.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Inlan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Sclangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Seiian).

PUAN ROHANI BINTI AsD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN HAJI AiiMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.H.S. (Gua Musang).

„ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).

„ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TOAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAHAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

„ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

„ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Pcnolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberán.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 13hb Mei, 1992***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

**(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)**

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JALAN SIMPANG LUBOK ANTU
KE PEKAN BETONG,
SARAWAK—PENURAPAN**

1. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah kerja menurapkan jalan raya daripada simpang Lubok Antu ke Pekan Betong, Sarawak akan siap;
- (b) bilakah jalan raya daripada simpang Lubok Antu ke Hidro Batang Ai daparditurap dan sama ada prioriti boleh diberikan kepada jalan raya tersebut memandangkan Kerajaan akan membina hotel yang bertaraf antarabangsa di kawasan Ampangan Hidro Lubok Antu tidak lama lagi; dan
- (c) bilakah jalan raya daripada Pekan Engkilili (kanan) ke Pekan Lubok Antu akan dapat dibina.

**Timbalan Menteri Kerja Raya
(Datuk Peter Tinggom anak
Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja penurapan jalan daripada simpang Lubok Antu ke simpang Pekan Betong dijangka akan siap pada bulan Julai 1992.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan gravel (*jalan batu*) daripada simpang Lubok Antu ke Hidro Batang Ai telah siap dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sejauh 1.5 km telah diturap dari simpang Jalan Antu ke arah Hidro Batang Ai. Pada masa sekarang, jalan ini diberi keutamaan rendah. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji keutamaan jalan ini semasa kajian penggal Rancangan Malaysia Keenam memandangkan sebuah hotel antarabangsa dicadang dibina di kawasan empangan tersebut.
- (c) Projek jalan daripada Pekan Engkilili tebing kanan mudik ke Pekan Lubok Amu tidak disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keenam kerana keutamaannya rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ataupun Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini JKR Sarawak sedang membina jalan dari Lubok Antu ke Nanga Bulu iaitu mengikut jajaran yang disebut oleh Yang

Berhormat sejauh 10 km di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, berkenaan dengan soalan (a), saya telah difahamkan bahawa jalanraya tersebut haruslah disiapkan pada Julai tahun lalu tetapi sampai sekarang jalan tersebut masih belum diturapkan dan saya hendak tahu apakah tindakan-tindakan yang sedang dijalankan atau yang diambil oleh Kerajaan kerana kontraktor tersebut tidak dapat menurapkan jalan dalam tempoh-tempoh yang tertentu.

Berkenaan dengan (b) Pekan Lubok Antu akan juga dibanjiri oleh pelancong-pelancong yang datang dari negara-negara luar dengan pembinaan hotel bertaraf antarabangsa seperti yang dikatakan tadi, dan saya amatlah terkejut sekali mendengar jawapan dari Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa keutamaan yang sangat rendah adalah diberi untuk menurapkan jalan-jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tanya soalan sahaja.

Tuan Jawah anak Gerang: Saya amatlah merayu di sini bahawa saya rasa keutamaan haruslah diberi kepada jalan-jalan tersebut memandangkan Lubok Aniu menghasilkan hasil yang terbanyak sekali dibandingkan dengan bandar-bandar yang lain seperti kawasan hydro dan jika jalan ke Pekan Lubok Antu tidak diturap, ini adalah membawa gambaran yang tidak begilubai kepada pelancong-pelancong dari negara luar. Jadi, bolehkah saya di sini merayu sekah lagi supaya jangan memberikan keutamaan yang sangat rendah untuk menurapkan jalan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu. (*Ketawa*)

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, di antara ... sebab-sebab mengapa kontraktor-kontraktor tidak mengikut jadual asal untuk menyiapkan bahagian jalan utama negeri Sarawak dari simpang Lubok Antu ke simpang Betong ialah yang pertama oleh kerana masalah pihak kontraktor sendiri.

Yang kedua ialah berkenaan dengan jalan yang melintasi kawasan yang mempunyai tanah asal "NCR Land". Begitu juga tuntutan-tuntutan yang tidak berpatutan pada permulaannya, sesudah itu dapat juga berubah oleh kerana saya sendiri dalam tahun 1991 telah berjumpa dengan penduduk-penduduk di situ, pihak JKR sendiri dan kontraktor, malahan dalam tahun ini pun saya telah melawat sekali lagi. Jadi, oleh kerana itu penurapan jalan ini akan dapat disiapkan dalam bulan Julai, 1992.

Jadi, mengenai soalan bahagian kedua, berkenaan dengan jalan dari simpang Lubok Antu ke Hidro Batang Ai, memang benar dari awal semasa Rancangan Malaysia Keenam, keutamaannya adalah rendah, Tetapi seperti saya telah sebutkan tadi, Kerajaan akan mengkaji keutamaan jalan ini semasa kajian Penggal Rancangan Malaysia Keenam memandangkan sebuah hotel bertaraf antarabangsa dicadangkan akan dibina di kawasan empangan tersebut. Jadi, sekarang keutamaannya sudah naiklah, tidak macam dua atau tiga tahun dahulu. Jadi, begitulah keadaannya dan Kerajaan akan mengkaji ini dalam penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada simpang jalan-jalan di kawasan Lubok Antu yang belum lagi diturapkan, saya ingin tahu dari Timbalan Menteri Kerja Raya berapakah simpang jalanraya-jalanraya di Sarawak yang belum lagi diturap. Dan berapa yang telah diturap dan bilakah penurapan jalan raya itu dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan terlampau am. Gulung semua negeri Sarawak itu. Boleh jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri? Boleh atau tidak?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini adalah keluar dari jawapan asal tetapi saya cuba memberitahu iaitu jalan utama negeri Sarawak ialah sepanjang 927 kilometer dari Kuching ke Miri. Kedudukan jalan utama ini memang tidak kurang dari 80% telah sudah diturap sekarang.

Jadi, saya sedar di kawasan Yang Berhormat dari Selangau iaitu sekarang kontraktor telah mulai bekerja di kawasan Oya iaitu dari Ulu Oya sampai Ulu Mukah panjangnya 27 kilometer. Dan di kawasan antara Miri dengan Bintulu iaitu dari Sungai Suai ke Sungai Niah, 27 kilometer juga, sekarang kontraktor sudah mutai bekerja.

IKLAN PALSU/ MENGELIRUKAN

2. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada sedar aktiviti kebanyakan iklan-iklan barangan lebih banyak menipu pengguna-pengguna dan sering mengamalkan mailamat tidak sihat. Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian mencegah iklan-iklan barangan yang menipu pengguna? Kalau tidak, apakah Kementerian mempunyai program menghapuskan amalan yang tidak sihat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedar adanya iklan-iklan yang disiarkan bertujuan menipu pengguna. Di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, adalah

menjadi satu kesalahan kepada sesiapa yang menyiarkan apa-apa iklan yang palsu atau mengelirukan. Dalam hubungan ini, Kementerian ada menerima beberapa aduan daripada orang ramai. Walau bagaimanapun, tidak semua iklan yang dikatakan palsu itu menunjukkan bahawa ianya berujuan untuk mengelirukan pengguna. Dalam tahun 1991, Kementerian telah menerima 42 aduan berhubung dengan iklan palsu dan dari jumlah ini berjaya menghasilkan 6 kes. Dalam tahun 1992, iaitu sehingga 4hb Mei 1992, Kementerian telah menerima 32 aduan dan menghasilkan 5 kes.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa terdapatnya iklan-iklan yang mengelirukan dan palsu, Kementerian mengambil beberapa langkah bagi mengatasi perkara ini. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (a) menyemak dan meneliti iklan-iklan yang disiarkan melalui media massa, "brochure", katalog, "pamphlet" dan sebagainya bagi menentukan kesahihan setiap iklan itu;
- (b) mengadakan ceramah dan dialog dengan Persatuan-Persatuan Perniagaan dan Syarikat-Syarikat Pengiklanan untuk menjelaskan kehendak dan peruntukan undang-undang berhubung dengan pengiklanan;
- (c) menganjurkan seminar dan pameran bertujuan menerangkan kepada pengguna akan hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna; dan
- (d) menyiasat semua aduan yang diterima dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan,

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:

- (a) Apakah langkah yang akan diambil untuk menyiasat dan

memastikan bahawa barang yang diiklan sebagai environmental friendly adalah betul-betul environmental friendly dan bukan saiu penipuan sahaja. Adakah apa-apa perbincangan telah dijalankan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya hal baru ini akan dikendalikan?

- (b) Adakah pihak Kementerian berkenaan pernah menyiasat iklan-iklan yang dicetak di dalam suratkhbar tempatan seperti iklan yang dikeluarkan oleh lelaki di luar negeri untuk mencari perempuan Malaysia untuk jadi "bini-bini" mereka (*Ketawa*) sebab ini pernah jadi masalah di Pilipina. Ataupun, ubat-ubat tertentu yang mendakwa mempunyai kualiti atau mutu tertentu. Ini satu perihal bukan satu hal untuk bergurau sahaja tetapi ianya serius untuk pertindungan hak-hak asasi consumer.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Berkenaan soalan tambahan:

- (a) Kememerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memang sedar bahawa kami juga mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa barangan-barangan yang diiklankan sebagai environmental friendly mesti juga ditentukan sebagai sah. Akan tetapi kami belum memulakan apa-apa perbincangan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar walaupun ada keinginan untuk mengadakan perbincangan dalam perkara ini.

- (b) Apa yang dikawal oleh Kementerian ini, pada masa sekarang kebanyakan adalah berkaitan dengan iklan-iklan barangan. Jadi, berkenaan iklan-iklan yang menawarkan perkhidmatan untuk "pasangan antara lelaki dengan perempuan", maka pada masa ini kami tidak ada apa-apa yang boleh menentukan. Walau bagaimanapun, kha juga mengambil perhatian tentang iklan-iklan yang mengelirukan dari segi perkhidmatan seperti tindakan yang diambil terhadap institusi-institusi pengajian dan pendidikan swasta. Berkaitan dengan perkara yang ada berkenaan dengan barangan-barangan ubat memang ini di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kod etika pengiklanan bagi mengelakkan penipuan kepada penggunaan-pengguna?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah tindakan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Yang Berhormat telah menjalankan pemeriksaan ke atas institusi-institusi pendidikan swasta berdasarkan maklumat dalam iklan akhbar?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian ini mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa perbahasaan yang digunakan dalam iklan-iklan akan mengikut kehendak-kehendak Kementerian ini. Yang kedua, saya minta maaf oleh kerana saya tidak mempunyai angka-angka yang tepat untuk menjawab soalan yang kedua iaitu berkaitan dengan apakah tindakan-

tindakan yang berhasil, yang diambil terhadap institusi-institusi pendidikan yang memberi pengiklanan yang mengelirukan.

MUZIK/FILEM TEMPATAN DAN ASING—PENGAWALAN

3. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerianya akan mewujudkan satu badan mengawal mutu muzik tempatan dan asing sebelum dicadangkan untuk pendengaran umum. Adakah Kementerian itu juga bercadang menggubal kod serta etika perilaku seniman tanahair untuk mengawal cara hidup mereka supaya mereka merasa bangga mengamalkan budaya hidup Malaysia yang sopan dan berlamaddun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan pada dasarnya menggalakkan para pengamal seni muzik dan filem supaya mengamalkan gaya hidup yang sopan dan bertertib. Namun demikian, Kementerian tidak berhasrat untuk mengadakan peraturan undang-undang atau mewujudkan kod etika perilaku mereka di luar masa pertugasan mereka kerana ianya akan mencampuri hak asasi mereka. Di samping itu mereka juga perlu memupuk kreativiti mereka dan diberikan 'freedom of expression', dengan izin, asalkan mereka tidak melampaui budaya resam tempatan.

Bagi para artis yang berminat untuk muncul dalam program -RTM, mereka adalah tertakluk kepada kod etika penyiaran dan disiplin para artis yang dikenakan kepada mereka oleh RTM. Ini adalah bertujuan untuk membantu memupuk para artis yang lebih berdisiplin dan membuat persembahan yang boleh membantu mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab, maju dan bersikap positif.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Perbadanan Kemajuan Pilem Nasional Malaysia (PINAS) Kementerian Penerangan sedang mengambil langkah untuk menyediakan satu Rang Undang-undang yang akan dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengawal industri muzik. Dengan itu PINAS akan diperluaskan bidangnya untuk berfungsi sebagai badan pengawal dan penggalak kepada pertumbuhan seni muzik di samping bertanggungjawab memajukan industri perfileman negara.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam konteks ukuran yang dikatakan muzik baik dan tidak baik, sama ada tempatan ataupun asing. Kerana muzik ini salah satu perkara yang abstrak. Apakah yang dikatakan muzik yang slow itu baik ataupun muzik yang kuat itu tidak baik ataupun bergantung kepada seni kata? Saya dapati ada juga lagu-lagu ataupun seni kata yang baik tetapi oleh kerana persembahannya oleh mereka dari segi pakaian dan rambul yang panjang, maka itu dianggap satu muzik yang tidak baik.

Soalan kedua, saya ingin bertanya, apakah Kementerian akan menambah lagu-lagu yang berunsur nasyid tetapi senikata yang penuh semangat, kerana lagu-lagu seumpama ini boleh memberi mesej dan ketenangan moral dan akhlak kepada masyarakat, memandangkan muzik sekarang ini terlalu banyak unsur-unsur yang sedih, yang bercinta, tetapi kalau yang kuat itu pula bagaikan hendak rak. Jadi, kita hendak mencari jalan yang sederhana kerana muzik itu juga satu proses pembentukan kebudayaan bangsa.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai muzik, separuh orang mengatakan ianya, dengan izin, "food for the soul". Shakespeare mengatakan

"If music be the food for love, play on, let me have access of it". Itu yang saya tahu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, muzik, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat memanglah satu perkara yang subjektif yang digalakkan tetapi tidak dapat disekatkan. Ia adalah muzik yang mengandungi sepertimana Yang Berhormat katakan tadi lirik-lirik yang dapat membantu dan membentuk minda dan akhlak yang baik. Jadi, dari segi form muzik itu ianya adalah subjektif. Itu memang diakui. Kerana bukan semua yang rancak itu tidak baik dan bukan semua yang slow itu baik. Kadangkala perkataan itu mempunyai pengertian yang lebih besar daripada the form of music itself, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah Kementerian Penerangan tidak mahu menggalakan apa yang dikatakan budaya rock. Budaya rock berlainan dengan muzik yang bercorak rock. Rock ini ialah suatu rentak irama macam rentak masri, asli dan sebagainya. Budaya rock adalah perkara yang berlainan, iaitu budaya yang berasal daripada lagu-lagu muzik rock, yang bermula dari 'Woodstock'—minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja—pada tahun 60an dan ketika itu digalakkan budaya berambut panjang dan mendengar kepada muzik. Liberalism in sex or towards sex freedom dan kemudian beralih kepada dadah, homosexuality dan lesbianism. Itu yang hendak dibendungkan oleh Kerajaan dan inilah yang kita meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat jelata supaya menyokong kita dalam usaha-usaha sedemikian,

Kita setujulah dengan pandangan dari Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya muzik itu memainkan peranan dalam pembentukan akhlak dan minda rakyat. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Periua, di antara negara-negara yang maju dan membangun

seperti di Britain dan Singapura, ada negara-negara yang menjaga perkembangan budaya mereka dan sudah lama mengadakan stesen radio dan televisyen yang secara khasnya ada muzik-muzik dan perlungkapan-pertunjukan yang lebih serius seperti klasikal dan jazz ataupun kalau di kawasan sini dipanggil muzik nusantara, muzik klasik Cina, Muzik Tamil dan sebagainya.

Tetapi di dalam setiap stesyen Radio di Malaysia ini bila ditekan Radio 1—pop Melayu—Barat, tekan Radio 2—Pop Melayu—Barat, tekan Radio 3—Pop Cina dan Radio 4—Pop bahasa Inggeris dan lain-lain. Semuanya pop sahaja. Maka bilakah Kementerian Penerangan akan mengkaji untuk mewujudkan di dalam stesen-stesen Radio dan Televisyen secara khasnya muzik-muzik klasik dan juga stesen-stesen yang boleh menyampaikan program-program dokumentari, forum dan sebagainya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari DAP ini, timingnya masa menekan butang itu semuanya semasa pop. Sebenarnya radio kita ini 'is a multi-use radio' dengan izin, dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dengar pop muzik, lagu asli, lagu langgam, ceramah-ceramah doktor, doktor gigi, doktor kulit dan sebagainya. (*Ketawa*) Itu ada di dalam radio, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyetujui sesiapa. Jadi, semuanya ada, misalnya cara-cara hendak beranak, cara-cara hendak menjaga anak dan sebagainya. Jadi saya tahu, masa dia tekan itu mungkin masa pop.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya boleh bersetuju ialah penggunaan rangkaian radio ini bagi muzik-muzik klasik. Ini memang Kementerian merasakan ada vacuum ataupun kekosongan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ber-

cadang untuk menambahkan lagi rangkaian-rangkaian radio, termasuk televisyen untuk kita accomodate, dengan izin, mereka yang sophisticated, yang high brow music lovers, dengan izin, dan kita berhasrat untuk menambahkan rangkaian radio dan televisyen supaya mereka ini juga diambil kira kehendak dan nafsu mereka. Terima kasih.

**PIHAK BERKUASA
TEMPATAN—PENYATA
KEWANGAN**

4. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan;

- (a) jumlah penyata kewangan pihak berkuasa tempatan yang belum dikemukakan untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan;
- (b) sebab-sebab kelambatan tersebut berlaku dan jumlah pihak berkuasa tempatan yang terlibat; dan
- (c) jumlah geran (balancing grant) yang telah ditahan oleh Kementerian oleh kerana kelambatan pihak berkuasa tempatan mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Setakat 31hb Mac, 1992 hanya terdapat 20 penyala kewangan pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 1989 kebelakang yang masih belum dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dalam menyiapkan akaunnya ialah kesukaran mengumpulkan maklumat yang lama, Walau bagaimanapun, hampir kesemua pihak berkuasa tempatan berkenaan didapati mempunyai tunggakan penyata

akaun bagi tempoh kurang daripada 3 tahun. Hanya Majlis Perbandaran Kangar sahaja yang belugn mengemukakan Penyata Akaun untuk tempoh 7 tahun. Jumlah pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat ialah 9 buah sahaja. Jumlah grant tahunan yang telah ditahan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana kelewatan pihak berkuasa tempatan mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit ialah sejumlah S9,034,125.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, adakah di dalam perancangan Kementerian untuk mengkomputerisekan keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan supaya dengan sistem ini akan memudahkan untuk mengemaskinikan Penyata Kira-kira dan kutipan hasil mereka supaya sentiasa bcrada dalam keadaan up-to-date, dengan izin?

Kedua, adakah disebabkan bahawa kekurangan kakitangan menyebabkan kelewatan Penyata Kira-kira di kebanyakan Kerajaan Tempatan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan lagi jentera-jeniera Kerajaan yang terdapat di pihak Berkuasa Tempatan, Ini termasuklah untuk menyediakan perkhidmatan komputer. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sudah terdapat beberapa buah pihak Berkuasa Tempatan yang telahpun menggunakan komputer ini, khususnya, Majlis-majlis Perbandaran yang mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk mengadakan pusat komputer ini.

Selain daripada itu juga, memanglah kita dapati bahawa terdapat di Majlis-majlis Tempatan dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan di mana

pendapatannya tidaklah begitu banyak dan memang terdapat kekurangan kakitangan-kakitangan, khususnya kakitangan-kakitangan yang mahir, profesional. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang membincangkan perkara ini dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam supaya kakitangan-kakitangan yang diperlukan dapat dipinjamkan "kepada Majlis-majlis Tempatan ini bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan mereka.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, menurut soalan asal (c), mengenai jumlah grant daripada Kerajaan Persekutuan, saya hendak tahu sama ada belul atau tidak grant-grant yang telah diberi kepada Kerajaan Tempatan adalah lermasuk seperti grant projek, grant pelancaran, grant tahunan ataupun grant keseimbangan, grant penyelenggaraan jalan dan caruman bantu kadar dan juga termasuk bantuan kewangan untuk menampung perbelanjaan mengurus dan juga caruman bantuan kadar. Adakah ini benar? Kalau ini benar, berapakah jumlah ataupun nisbah yang telah diberi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Juga adakah benar atau lidak bahawa sesuatu Kerajaan Tempatan tidak akan menerima apa-apa Pederal grant jika kedudukan kewangan bagi Kerajaan Tempatan itu adalah kukuh. Adakah benar atau tidak?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan sentiasa memberi sumbangan bantuan kewangan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Walau pun kebanyakan bantuan ini adalah di atas tajuk seperti yang Saudara Yang Berhormat nyatakan tadi, tetapi selain daripada itu Kerajaan, melalui Jabatan-jabatan lain juga, memberi bantuan "in kind", dengan izin, kepada Majlis-

majlis Tempatan dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan dan services yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Mengenai nisbah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ada angka-angkanya di sini kerana saya ingat itu adalah terkeluar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, saya ingin memohon notis.

Tuan Lau Dak Kee: Jawapan kepada soalan ini mengelirukan Dewan ini kerana ketiga-tiga projek bantuan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh hendak minta apa? Hendak minla jalan? Dalam Soal Jawab tidak boleh minta jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan minta jalan, tctapi saya hendak membetulkan Dewan ini..

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana hendak betulkan Dewan? (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Sebab ketiga-tiga jawapan itu sudah salah. (*Ketawa*)

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, grant yang dipersoalkan ialah 'balancing grant' iaitu cuma satu daripada peruntukan yang kita berikan sebagai sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Tempatan alau Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, kalau Yang Berhormat minta berapa jumlah nisbah seluruh peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan (Pusat) kepada pihak Berkuasa Tempatan, memanglah kita memerlukan satu notis. Bagi soalan kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudahpun menjawab itu. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Terima kasih.

**LEBUHRAYA KUALA
LUMPUR—IPOH DAN
TAIPING—BUTTERWORTH—
KESESAKAN**

5. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar bahawa Lebuhraya KL/Ipoh dan Taiping/Butterworih sangat sibuk dan sesak:

- (a) apakah Lebuhraya Utara/Selatan dalam pembinaan itu akan dapat mengatasi kesesakan itu;
- (b) jikalau tidak, ada apa rancangan untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) sebelum Lebuhraya Utara/Selatan dan lain rancangan dilaksanakan ada apa-apa rancangan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Lebuhraya tersebut buat sementara.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Perlu, saya akan menjawab soalan Yang Berhormat dalam bahagian (a), (b) dan (c) secara sekali gus.

Pihak Kerajaan memang sedar bahawa jalan raya yang sedia ada iaitu dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan Taiping ke Butterworth adalah sesak terutamanya pada hari cuti umum. Walau bagaimanapun, dengan siapnya projek Lebuhraya Utara/Selatan pada awal tahun 1994, dan pelaksanaan beberapa projek untuk memulihkan jalan di bahagian-bahagian tertentu dari Kuala Lumpur ke Butterworth di bawah Rancangan Malaysia Keenam, keadaan sesak di jalan sedia ada akan berkurangan. Ini oleh kerana pengguna-pengguna jalan ada dua alternatif ke arah Utara ialah Lebuhraya Utara/Selatan yang mempunyai dua lorong dua hala dan yang satu lagi ialah jalan yang sedia ada, iaitu Jalan Persekutuan

I. Di samping mengurangkan kesesakan jalan berkenaan, masa perjalanan juga dijangka dapat dikurangkan sebanyak satu jam bagi bahagian jalan dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan sebanyak lebih kurang setengah jam bagi bahagian-Taiping ke Butterworth dengan siapnya Lebuhraya Utara/Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, disamping pembinaan Lebuhraya Utara/ Selatan dan pemulihan Jalan Persekutuan I, Kerajaan juga telah dan sedang mengambil beberapa langkah yang sesuai untuk mengurangkan kesesakan pada musim perayaan seperti berikut:

- (a) penerangan melalui media massa tentang laluan alternatif yang boleh dilalui di lokasi yang tertentu;
- (b) mengarahkan semua kerja-kerja pembaikan jalan semasa musim perayaan diberhentikan; dan
- (c) mengadakan rondaan jalan semasa musim perayaan untuk mengesan kesesakan lalulintas di samping memindahkan kereta-kereta yang rosak dan yang mengganggu perjalanan lalulintas.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah Kerajaan akan memastikan Lebuhraya Utara-Selatan akan siap dibina pada tahun 1994, boleh atau tidak? Dan akan tepat atau tidak? Kalau tidak, mengapa? Dan juga Kerajaan telah melancarkan projek-projek untuk melebarkan lebuhraya-lebuhraya atau Federal road di merata-rata tempat untuk menjadikan jalan dua hala. Dan apakah hasilnya setakat ini dalam pembinaan untuk melebarkan Lebuhraya Utara-Selatan ini?

Dan juga saya dapati bahawa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah, sudah dua soalan itu.

Tuan Lau Dak Kee: Ada tiga, empat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: Tak apa, terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya telah terangkan tadi memang tujuan Kerajaan. Kerajaan ada mempunyai jadual, iaitu mengikut jadual iaitu tahun 1994 jalan Lebuhraya Utara-Selatan akan siap. Kalau belum siap, belumlah saya dapat memberilahu pada masa ini.

Yang kedua, iaitu apa hasil ataupun apa beza kita sudah ada Lebuhraya Utara-Selatan, saya rasa barangkali Yang Berhormat hendak tahu yang sudah siap. Sungguhpun saya di sini ada melawat Lebuhraya Utara-Selatan dan tiga minggu dahulu saya melawat negeri Perak sampai ke Gerik, sampai sempadan Perak dan Kelantan. Apabila saya menerusi jalan Lebuhraya Utara-Selatan yang sudah siap, saya rasa banyak selesa sekali. Apabila saya sampai di jalan yang belum siap, memang saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Tak selesa.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: . . . lcrganggu, rasa tidak selesa. Kepada saya, perasaan saya jalan yang sudah siap itu memang memberi hasil yang cukup baik kepada rakyat.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menjawab bahawa Lebuhraya Utara-Selatan itu akan mengurangkan atau mengatasi kesesakan di jalan raya Ipoh-KL dan Taiping-Butterworth. Saya hendak tanya, sebelum Lebuhraya Utara-Selatan itu disiapkan pada tahun 1994, adakah apa-apa rancangan buat sementara untuk mengurangkan

kesesakan di jalan raya dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan Taiping ke Butterworth. ,

Kedua, saya hendak tahu dari Timbalan Menteri, tadi beliau telah mengatakan selain daripada Lebuhraya Utara-Selatan, ada juga projek-projek sampingan untuk mengurangkan atau mengatasi kesesakan lebuhraya itu. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah projek-projek sampingan itu?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, projek pembaikan laluan dari Kuala Lumpur ke Butterworth yang saya sebut awal tadi, dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah seperti berikut:

- (a) projek baikpulih Laluan 1 dan 5 di Selangor;
- (b) melebarkan Laluan 1 Selangor;
- (c) memperelokkan Jalan, Butterworth ke Ipoh dari kilometer 19 sampai kilometer 24 Pulau Pinang;
- (d) Jalan Tapah-Bidor, Perak;
- (e) Jalan Gopeng ke Kuala Kangsar, Jambatan Sungai Pinji; dan
- (f) melurus Jalan Kuala Lumpur-Tanjong Malim-Kalumpang kilometer 6 Selangor.

KEBAKARAN TERMINAL I LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

6. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian akibat kebakaran di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) di Subang;

- (b) apakah sebab utama berlakunya kebakaran tersebut dan apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang dan akan diambil bagi memastikan kejadian tersebut tidak akan berulang di masa-masa akan datang;
- (c) berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan bagi kerja-kerja membaikpulih dan bilakah LTAB ini dapat digunakan sepenuhnya.

28-4-92

54. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan dalam penyiasatan dalam kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Adakah khianat menjadi sebabnya.

7-5-92

70. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah punca sebab kebakaran di Lapangan Antarabangsa Subang pada 6hb April 1992 di mana 3 pegawai keselamatan terkorban;
- (b) apa sebabnya 3 orang pegawai keselamatan itu tidak dapat diselamatkan; dan
- (c) adakah satu laporan akan dikeluarkan untuk memberitahu rakyat sebab-sebab kejadian ini.

72. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar dakwaan dari orang ramai bahawa peristiwa kebakaran yang berlaku di Lapangan Antarabangsa Subang baru-baru ini adalah disebabkan alat pemadam api yang ada di lapangan tersebut tidak dapat digunakan walaupun kebakaran bermula dari api yang kecil. Adakah benar bahawa alat-alat pencegah kebakaran tersebut tidak pernah diuji

dan jika pernah dilakukan ujian kepada semua peralatan tersebut bolehkah Menteri menyatakan tarikh ujian terakhir dibuat. Adakah benar pendapat dari orang ramai bahawa pihak Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak pernah menjalankan latihan menghadapi kebakaran dalam tempoh beberapa tahun ini.

77-5-92

15. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementeriaannya sedar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah dilengkapi dengan peralatan yang canggih dari segi pengawalan keselamatan. Akan tetapi apabila berlaku sedikit kebakaran mengapakah tidak dapat dicegah dengan serta-merta sehinggakan melibatkan suatu kebakaran besar yang merosakkan bangunan terminal dengan nilai berjuta-juta ringgit.

Sehubungan dengan peristiwa ini adakah Kementerian telah memperolehi apakah yang menyebabkan kebakaran ini berlaku. Adakah benar pendapat dari orang ramai bahawa kawalan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak rapi seperti yang terdapat di negara-negara lain.

72-5-92

1. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah punca yang menyebabkan berlakunya kebakaran di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini; dan
- (b) berapakah perbelanjaan sebenar yang dianggarkan bagi membaiki pulih kerosakan tersebut.

68. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kejadian dan kemalangan telah berlaku

di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sejak mula operasi hingga setakat ini, sebutkan kecederaan dan pampasan yang dihadapi masing-masing. Apakah langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk mengelak kejadian yang tidak diinginkan itu berulang lagi.

74-5-92

15. Dato' Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab dan hasil siasatan kebakaran di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, baru-baru ini. Adakah kebakaran ini berpunca daripada perbuatan sabotaj;
- (b) nilai kerosakan yang dianggarkan di dalam kebakaran tersebut;
- (c) adakah pihak bomba bercadang untuk mengetatkan peraturan bomba bagi tempat-tempat penting dan strategik negara seperti di Lapangan Terbang; dan
- (d) adakah kebakaran ini memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi negara.

68. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang mengakibatkan kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau di atas lapangan terbang lain supaya kebakaran tidak berlaku lagi. Sila berikan butir-butirnya.

79-5-92

69. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab sebenar berlakunya kematian di Lapangan Terbang

Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama berulang lagi;

- (b) adakah beliau puashati dengan sistem pengawalan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang;
- (c) bilakah kerja-kerja pemulihan ruang yang telah terbakar akan siap dan boleh digunakan; dan
- (d) berapakah anggaran perbelanjaan pemulihan, dari mana sumber perbelanjaan dan siapakah telah dipertanggungjawabkan serta syarikat-syarikat manakah yang telah diberi kontrak untuk memperbaiki lapangan terbang tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang menyentuh mengenai kebakaran di Terminal 1, yang dikemukakan pada tarikh-tarikh berikut dan di antaranya telah pun lcpas, tetapi masih boleh dijawab, iaitu:

Y. B. Tuan R. Karpal Singh pada 28 April, 1992;

Y. B. Tuan Ong Tin Kim pada 7 Mei, 1992;

Y. B. Tuan Saidin bin Adam pada 7 dan 11 Mei, 1992;

Y. B. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah pada 12 Mei, 1992;

Y. B. Tuan Lau Dak Kee pada 12 Mei, 1992;

Y. B. Tuan Wee Choo Keong pada 14 Mei, 1992;

Y. B. Dato' Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis pada 14 Mei, 1992; dan

Y. B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain pada 19 Mei, 1992.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menubuhkan satu Lembaga, iaitu Lembaga Siasatan Kebakaran Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dengan tujuan:

- (i) menyiasat punca kebakaran Terminal I, dan
- (ii) mencari jalan pencegahan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini dari berlaku lagi.

Lembaga Siasatan ini dianggotai oleh wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Kimia dan Polis DiRaja Malaysia. Setakat ini Lembaga Siasatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan telah bermesyuarat sebanyak lapan kali, iaitu pada 14 April, 15 April, 18 April, 22 April, 25 April, 28 April, 5 Mei dan 9 Mei, 1992. Di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan itu, Lembaga Siasatan telah diberi penerangan oleh wakil-wakil dari Jabatan-jabatan yang menjadi anggota Lembaga mengenai siasatan terperinci yang dilakukan oleh Jabatan masing-masing. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan mendalam termasuk menemubual (questioning) individu-individu tertentu yang dirasai boleh membantu Lembaga dalam tugas-tugasnya. Laporan lengkap Lembaga dijangka dapat disediakan pada akhir bulan Mei, 1992 ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana siasatan masih lagi berjalan, saya tidak dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci.

Berhubung dengan perkara mengenai keselamatan, kos membaik-pulih Terminal dan kerugian yang dialami, sukacita dimaklumkan iaitu berhubung peraturan keselamatan, sememangnya soal keselamatan sentiasa dititikberatkan oleh pihak pengurusan Lapangan Terbang.

Mengenai kos membaik-pulih Terminal 1, oleh kerana kerja-kerja pembersihan dan baik-pulih masih lagi berterusan, maka kos sebenar belum dapat dipastikan sekarang. Begitu juga dengan kerugian yang dialami, ianya masih lagi dinilai oleh pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu Yang Berhormat dari Labis, pernah mengadakan atau menghadiri satu fire drill, dengan izin, yang dijalankan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Kalau ya, bolehkah sebutkan bila kerana ini akan sedikit-sebanyak memastikan sistem pencegahan kebakaran sama ada berkesan atau tidak.

Yang kedua, apakah pampasan yang dibayar oleh pihak Kerajaan kepada tiga orang yang terkorban dalam kebakaran tersebut? Adakah ini masih dianggap sebagai takdir seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawabannya ke atas soalan yang ditimbulkan oleh saya dalam perbahasan Mehjunjung Titah DiRaja pada minggu yang lepas.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri memang belum pernah menghadiri fire drill, tetapi memang kami tahu bahawa fire drill diadakan dari satu masa ke satu masa oleh pengurusan Lapangan Terbang untuk

kakitangan mereka. Kalau hendak adakan untuk penumpang-penumpang, susahlah. Hendak adakan selalu sangat pun susah juga kerana penumpang-penumpang begitu ramai pada sepanjang masa.

Yang keduanya, mengenai pampasan yang dibayar belum dapat kita memutuskan apakah bentuk pampasan, jumlah pampasan kerana penyiasatan ini belum lagi selesai, seperti yang telah saya jawab tadi, Yang Berhormat tentulah tidak perlu percaya kepada takdir kerana Yang Berhormat bukan orang Islam. Kita percaya kepada takdir tetapi tidak hanya menyerah kepada takdir, itu Yang Berhormat tidak dengar dahulu bila saya cakap itu. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar fire drill yang terakhir telah dijalankan pada 14hb Disember tahun lepas dan saya dibcriteh bahawa lebih 100 kakitangan telah terbabit di dalam drill ini? Kalau begitu, mengapa drill seperti ini tidak berkesan? Adakah ini bermakna DCA perlu mengadakan sistem yang lebih baik untuk membuat fire drill ini dan berapa kedai di situ yang sebenarnya terbabit di dalam kebakaran ini dan pada pengetahuan Yang Berhormat, tiap-tiap bulan berapakah jualan mereka sama ada \$10 juta ataupun \$20 juta sebulan? Daripada jualan mereka, berapa peratus dibcriteh kepada DCA dan daripada ini bolehlah kita anggarkan berapa kerugian yang ditampung oleh pihak pekedai-pekedai?-

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, fire drill memang diadakan, tetapi larikh 14hb Disember itu saya kurang pasti, tidak dapat saya menegaskan. Yang Berhormat sendiri pun tahu sekurang-kurangnya 100 orang kakitangan mesti terlibat dalam mana-mana fire drill.

Mengenai berapa buah kedai, kalau tak silap saya ada 18 buah kedai yang terlibat dan tiap-tiap bulan jualan saya tidak ada angkanya di sini, dan Jabatan Penerbangan Awam bukan mendapat peratus daripada jualan, tetapi dibayar sewa.

Dr Tan Seng Giaw: Memang dibayar sewa, Tuan Yang di-Pertua, 10% daripada jualan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, saya tak benarkan begilu, Yang Berhormat.

ADUAN DARI MAT ISA BIN TALIB—SIASATAN POLIS

7. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau mendapat maklumat bahawa pegawai polis yang bertugas di Balai Polis Langgar, Alor Selar tidak memberi layanan yang sewajarnya kepada seorang bapa Mat Isa bin Talib yang datang untuk mengadukan kes anaknya Shukri yang kulit pehanya disiat oleh pihak yang tidak dikenali;
- (b) jika tidak, adakah perkara ini akan disiasat dan laporannya dibuat di Dewan ini dalam sidang yang akan datang. Jika ada, apakah yang sebenarnya berlaku hingga pengadu sukar mendapat layanan;
- (c) adakah suatu hal yang biasa bagi pegawai-pegawai polis bertengkar dan mengherdik orang yang hendak mengadu sebelum menerima aduan. Jika tidak, apakah langkah dan jaminan supaya hal seperi itu tidak berulang; dan
- (d) adakah polis sudah menyiasat aduan yang dikatakan Shukri bin Mat Isa 10 tahun telah disiat

kulit pehanya oleh orang-orang beruniform di asramanya di Sekolah Pendidikan Khas (Sekolah Cacat) di Kedah suatu tengah malam menjelang hari Tahun Baru Cina yang lalu dan apakah hasil siasatan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ada menerima maklumat bahawa Mat Isa bin Talib telah membuat aduan polis di Balai Polis Langgar pada 12hb Pebruari 1992 jam 8.15 malam berhubung dengan kecederaan di peha yang dialami oleh anaknya. Dalam kejadian ini pihak Polis telah memberi layanan yang sewajarnya kepada pengadu.
- (b) Pengaduan daripada orang ini telah diterima oleh pihak Polis dan seterusnya borang rawatan, Pol-59 telah dikeluarkan uniuik anaknya mendapat rawatan hospital. Polis seterusnya telah menjalankan penyiasatan dan kes tersebut telah dijeniskan di bawah Seksyen 324 Kanun Kesiksaan. Siasatan mendedahkan bahawa kecederaan dilakukan oleh seorang rakannya dengan menggunakan benda yang panas.
- (c) Kuasa dan Tatacara Polis menerima aduan daripada mana-mana orang yang membuat aduan dijelaskan di bawah Seksyen 107 Kanun Acara Jenayah. Dalam kes ini, pengadu telah ditemubual oleh Ketua Polis Balai untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai kejadian yang dilaporkan. Soal herdik-mengherdik menjadi satu hal yang biasa adalah tidak timbul. Memang adalah menjadi objektif Kerajaan untuk mem-

beri perkhidmatan kaunter yang cemerlang kepada pelanggan-pelanggan sambil menentukan matlamat terakhir sistem dan peraturan yang dilaksanakan juga turut tercapai. Namun begitu, jika masih berlaku kejadian melanggar etika kerja disebabkan sikap individu dan kelemahan manusia, siasatan berasingan akan dijalankan dan jika terbukti pelanggaran disiplin telah berlaku, tindakan tata tertib akan diambil terhadap pihak yang terlibal.

- (d) Polis telah menyiasat laporan yang dibuat oleh Mat Isa bin Talib yang melibatkan anaknya Shukri bin Mat Isa. Siasatan menunjukkan bahawa dakwaan Shukri bin Mat Isa yang telah disiat kulitnya oleh orang-orang beruniform di asrama di Sekolah Pendidikan Khas ataupun Sekolah Cacat adalah tidak benar. Punca kejadian ini adalah akibat Shukri bin Mat Isa telah terkena satu benda yang panas yang disebabkan oleh seorang rakannya. Shukri bin Mat Isa telah mendapat rawatan di Hospital Alor Setar dan mengikut laporan awal perubatan, ia telah diberi rawatan pesakit luar kerana kecederaan yang dialaminya adalah tidak serius.

**HOSPITAL DI LONG LAMA,
BARAM—PEMBINAAN**

8. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan tanah bagi tujuan pembinaan hospital di Long Lama. Bilakah pelan terperinci untuk hospital ini dijangka siap. Bilakah hospital ini akan dibina di Long Lama, Baram;

- (b) apakah nisbah klinik, jururawat, doktor dan doktor pakar dengan penduduk Sarawak amnya dan Baram khususnya. Apakah nisbah doktor swasta dengan penduduk di negeri Sarawak; dan
- (c) berapa banyakkah hospital yang telah dibina di peringkat bahagian dan daerah di seluruh Sarawak. Berapakah jumlah daerah yang belum mempunyai hospital di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa sekarang Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk membina sebuah hospital di daerah Long Lama. Projek perolehan tanah dan mereka bentuk Hospital Daerah Long Lama telah di-cadangkan semasa penyediaan perancangan Malaysia Keenam tetapi belum diberi keutamaan kerana keperluan projek-projek lain negeri Sarawak yang lebih mendesak. Perkara ini akan dikaji semula semasa Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keenam.
- (b) Nisbah doktor dengan penduduk Sarawak pada tahun 1991 secara amnya ialah 1 orang doktor untuk 4,087 orang penduduk dan bagi daerah Baram khususnya ialah 1 orang doktor untuk 23,156 orang penduduk. Bagi doktor swasta sahaja nisbahnya dengan penduduk Sarawak ialah 1 orang doktor untuk 8,353 orang penduduk. Nisbah jururawat dengan penduduk Sarawak pula ialah 1 orang jururawat untuk 1,719 orang rakyat, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai nisbah klinik dengan penduduk.

- (c) 17 daerah dari seluruh negeri Sarawak telahpun mempunyai hospital daerah. Pada masa ini ada 8 daerah di Sarawak yang tidak mempunyai hospital daerah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbangkit daripada soalan 8(b), saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pembinaan klinik di luar bandar. Mengikut jawapan bertulis yang telah diberi kepada saya, mengatakan klinik tidak akan dibina di satu kawasan oleh kerana penduduk di sana hanya 800 orang, tetapi saya ingin bertanya memandangkan keadaan yang besar dan tempat yang jauh ke dalam di negeri Sarawak, adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan angka penduduk untuk membina klinik ataupun keperluan penduduk itu diberi keutamaan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang melihat keperluan di seluruh negeri Sarawak dan jika sekiranya keperluan itu timbul, maka kita akan cuba membawanya semula dalam Mid-Term Review, tetapi jika sekiranya tidak, mungkin kita akan memberi perkhidmatan melalui doktor-doktor yang bergerak ataupun mobile doctors ataupun perkhidmatan bergerak.

Tuan Harrison Ngau Laing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa ada sebilangan kecil doktor-doktor yang bertugas khususnya di pekan-pekan kecil seperti Marudi yang selalu mereka pergi minum dan kadang-kadang mabuk semasa mereka 'on call service', iaitu selepas habis waktu pejabat. Walaupun bilangan ini kecil sahaja, tetapi kita khuatir sebab jika ada kes kecemasan dan doktor itu mabuk dan dipanggil untuk misalnya membuat pembedahan, ini akan membahayakan nyawa pesakit. Jika

belum sedar, saya harap siasatan dan tindakan dapat dibuat terhadap keadaan ini dengan segera.

Soalan nombor dua, sekurang-kurangnya 80% bangunan-bangunan klinik desa di kawasan saya, iaitu Baram adalah didirikan oleh penduduk-penduduk rumah-rumah panjang sendiri secara gotong-royong. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kesihatan dapat memberi peruntukan kepada mereka ini untuk tujuan yang berkenaan sebab di bandar kita tidak tahu penduduk-penduduk tidak disuruh mendirikan klinik atau hospital di kawasan mereka secara gotong-royong. Jadi, saya rasa tidak adil kalau kita harap orang di luar bandar mendirikan klinik mereka sendiri begitu sahaja. Saya harap Kerajaan dapat memberi pertimbangan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan periana mungkin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah terlalu khusus. Walau bagaimanapun, jika sekiranya seseorang itu sudah habis tugasnya terpulanglah kepada dirinya untuk menggunakan masanya, minum ataupun beriadah, tetapi jika sekiranya timbul kes-kes tertentu yang sedemikian, dan sekiranya ia 'On Call', jika perkara ini berlaku saya berharap Yang Berhormat dapat membuat aduan yang khusus untuk kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk soalan kedua, pada umumnya di seluruh Malaysia, bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk meminta orang ramai di kampung-kampung pedalaman membina ataupun membuat klinik mereka secara gotong-royong, tetapi di Sarawak dan Sabah kadang-kadang timbul keadaan di mana keperluan untuk mengadakan klinik di tempat-tempat pedalaman seperti yang telah saya lawati satu dua tempat didapati kadang-kadang terlalu jauh untuk kita pergi ke situ. Oleh kerana itu, kita meminta jika sekiranya orang ramai

di situ mahupun perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan, maka kita minta mereka menyediakan satu tempat di mana doktor ataupun jururawat boleh pergi melawat melalui perkhidmatan mobile yang saya sebutkan tadi. Tetapi jika sekiranya penduduk-penduduk di situ tidak mempunyai cara bagaimana mencari bahan-bahan untuk membinanya, Kementerian boleh menimbangkan untuk membantu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(Soalan No. 9 Y. B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)

PROGRAM LITERASI KOMPUTER—SEKOLAH TERLIBAT

10. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauhmanakah program komputer ke sekolah-sekolah telah dapat dijalankan setakat ini; dan
- (b) berapakah bilangan sekolah yang terlibat dalam program ini dan bagaimana pecahannya mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, mulai sesi persekolahan 1991/1992 ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Program Literasi Komputer kepada 60 buah sekolah percubaan. Program dua tahun ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan I di sekolah-sekolah percubaan tersebut.

Bilangan sekolah yang terlibat seperti yang saya nyatakan tadi ialah 60 buah sekolah dan pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) 3 buah sekolah di setiap negeri di Perlis dan Pulau Pinang.

- (ii) 4 buah sekolah di negeri Melaka.
- (iii) 5 buah sekolah di setiap negeri di negeri-negeri lain.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapa buahkah sekolah luar bandar yang telah mendapat Program Komputer ini, dan apakah Kerajaan akan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dalam program ini kita memang menawarkan sebahagian besar daripada komputer tersebut kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Contohnya di Semenanjung, sekolah-sekolah di luar bandar yang telah diambil kira dalam program ini adalah Sekolah Menengah Benut di Pontian, Sekolah Menengah Tanah Merah di Kelantan, Sekolah Menengah Kerajaan Daun Kusi di Kota Belud, Sabah dan di Sekolah Menengah Saratok, di kawasan Saratok, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat. Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut lelak cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 11 hingga 77 adalah diberi di bawah ini)

PERLANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS TEMPATAN— PERTUKARAN SISTEM

9. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk kembali kepada pilihanraya Majlis-majlis Tempatan sebagai mengganti perlantikan ahli-ahli Majlis Tempatan dalam memelihara inti dan semangat proses demokrasi. Jika tidak, sila berikan sebab-sebab mengapa tidak.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa sistem pemilihan Ahli-ahli Majlis secara lantikan oleh Pihakberkuasa Negeri telah diamalkan sekian lama dan didapati bahawa sistem ini berjalan dengan baik tanpa menimbulkan sebarang masalah. Di samping itu, sistem perlantikan ini juga dapat memperlihatkan prestasi yang baik kepada Ahli-ahli Majlis berkenaan.

Memandangkan hal demikian, Kementerian perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang mengesyorkan agar sistem perlantikan Ahli-ahli Majlis ditukarkan ke sistem pilihanraya.

TAHUN MELAWAT ASEAN—PERUNTUKAN PERBELANJAAN

11. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia khas untuk kegiatan-kegiatan Tahun Melawat ASEAN (Visit Asean Year) dan bagaimanakah peruntukan wang ini membawa manfaat untuk negara kita dari segi jumlah pelancong-pelancong yang datang melawat Malaysia tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Bagi melaksanakan program Tahun Melawat ASEAN 1992, sebagaimana yang telah dipersetujui, setiap negara anggota ASEAN menyumbang sebanyak US\$500,000. Sumbangan ini disalurkan kepada ASEAN TOURISM INFORMATION CENTRE yang beribu pejabat di Kuala Lumpur untuk melaksanakan usaha-usaha promosi bagi meningkatkan ASEAN sebagai destinasi pelancongan sempena dengan Tahun Melawat ASEAN 1992.

Selain daripada sumbangan tetap berjumlah US\$500,000 seperti di atas, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah memperuntukkan kos perbelanjaan sebanyak \$3.9 juta yang mana sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah disalurkan sebagai bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, swasta dan persatuan bagi melaksanakan sebanyak 32 acara yang telah disenaraikan untuk dilaksanakan sepanjang Tahun Melawat ASEAN 1992 tersebut.

Daripada jumlah perbelanjaan yang telah disumbang serta lain-lain peruntukan bagi penganjuran acara yang tersebut bersempena dengan Tahun Melawat ASEAN 1992, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berharap akan dapat terus meningkatkan ketibaan pelancong-pelancong ke Malaysia. Program Tahun Melawat ASEAN 1992 merupakan suatu kempen menjadikan seluruh rantau ASEAN sebagai suatu destinasi pelancongan yang menarik, dan diharap mana-mana pelancong yang melancong ke rantau ini akan menjadikan negeri kita sebagai salah satu negeri yang akan dilawati.

PROJEK PEMBANGUNAN DAN INPRASTRUKTUR DI KAWASAN PADAS

12. Tuan Radin Malleh minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah projek pembangunan dan infrastruktur yang telah, sedang dan akan dirancang dan seterusnya dilaksanakan oleh Kementerian khususnya di kawasan pilihanraya P. 149 Padas di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1991, terdapat 7 projek pembinaan jalan kampung di kawasan Parlimen Padas yang telah

dilulus dan dilaksanakan melibatkan peruntukan berjumlah \$375,474.00. Bagi tahun 1992 pula, sebanyak \$936,000.00 telah diluluskan untuk program Bekalan Elektrik Luar Bandar yang melibatkan dua buah kampung iaitu Kampung Jalan Malalia dan Kampung Sungai Tiga.

Bagi tahun 1993, 1994 dan 1995, Kementerian masih lagi merancang dan mengkaji senarai projek-projek di kawasan ini dan kebiasaannya jumlah peruntukan dan projek-projek akan diputuskan pada awal tahun bagi tahun-tahun berkenaan.

ALAM SEKITAR— GARISPANDUAN

13. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah garispanduan telah ditetapkan untuk memberi perlindungan alam sekitar dalam aspek pembangunan masyarakat, perhutanan, perumahan, perkilangan, pengangkutan, kehidupan manusia, haiwan dan tanaman. Apakah penekanan telah membawa kesan yang diharapkan untuk mencapai matlamat tersebut dan apakah kesulitan atau halangan yang dihadapi setakat ini dan masa depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sememangnya mengambil perhatian berat ke atas perlindungan kepada alam sekitar. Dalam hubungan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah merangka garispanduan-garispanduan alam sekitar dalam bidang-bidang tertentu di mana kawalan melalui undang-undang tidak dapat dilaksanakan. Tujuannya ialah untuk memastikan kawalan pencemaran dan pengurusan alam sekitar dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, garis panduan-garis panduan telah digubal bagi kumpulan-kumpulan sasaran tertentu, misalnya industri kelapa sawit dan kayu di sektor perkilangan supaya industri-industri ini dapat mematuhi undang-undang alam sekitar.

Bagi bidang-bidang alam sekitar di bawah bidang kuasa agensi-agensi Kerajaan yang lain tetapi aktiviti-aktiviti mereka mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung kepada alam sekitar, garis panduan-garis panduan juga telah digubal. Tujuannya ialah untuk membantu agensi-agensi ini mengambilkira faktor-faktor alam sekitar dalam aktiviti-aktiviti atau projek-projek mereka, misalnya dalam sektor perumahan, pembangunan infrastruktur, penjaan kuasa dan pengurusan sampah sarap yang banyak mempunyai kesan secara langsung terhadap alam sekitar. Garis panduan-garis panduan yang telah disediakan telah membantu perancang, Penguasa-penguasa Tempatan dan agensi-agensi lain untuk mempertingkatkan kawalan pencemaran dan pengurusan alam sekitar.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidaklah dapat menafikan akan wujudnya masalah-masalah dalam melaksanakan usaha-usaha melindungi alam sekitar, umpamanya kekurangan tenaga kerja profesional dan teknikal. Walau bagaimanapun, masalah-masalah tersebut adalah sentiasa diberi perhatian dengan serius oleh Kerajaan dan diatasi dari semasa ke semasa mengikut kesesuaiannya.

KEKURANGAN BEKALAN PADI—LANGKAH MENGATASI

14. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil

untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang beras kepunyaan bukan bumiputera di negeri Kedah atas kekurangan bekalan padi akibat Dasar Lembaga Padi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah dijawab pada 30hb April, 1992 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan asal.

BANK NEGARA MALAYSIA— TANGGUNGJAWAB DALAM SISTEM KEWANGAN

15. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah peranan dan tanggungjawab yang telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia dalam mempengaruhi sistem kewangan di Malaysia;
- (b) adakah Bank Negara Malaysia diberi tanggungjawab khusus ke arah pelaksanaan Sistem Kewangan Islam; dan
- (c) sekiranya ya, sila nyatakan peringkat pelaksanaannya dan sekiranya tidak, apakah halangan-halangannya.

**Timbalan Menteri Kewangan
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**

- (a) Tanggungjawab utama Bank Negara Malaysia ialah untuk memastikan kestabilan dan kemajuan sistem kewangan negara. Bagi melaksanakan tanggungjawab itu, Bank Negara memainkan peranan secara langsung dalam melaksanakan dasar kewangan negara. Ini termasuklah pengawalan secara langsung ke atas institusi-institusi kewangan yang berkesan di bawah Akta

Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK). Di dalam keadaan-keadaan yang tertentu, Bank Negara Malaysia juga boleh mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengawalselia mana-mana institusi-institusi kewangan terjadual dan tidak terjadual di dalam mewujudkan kestabilan kewangan negara.

- (b) Sebagai bank pusat, Bank Negara Malaysia adalah bertanggungjawab ke atas semua institusi-institusi kewangan yang berlesen termasuk Bank Islam dan Syarikat Takaful bagi memastikan sistem kewangan-nya sentiasa berada di dalam keadaan yang kukuh dan stabil. Mengenai sistem kewangan Islam, Bank Negara Malaysia di bawah kuasa yang diberi oleh Akta Bank Islam 1983 mengawal secara langsung aktiviti Bank Islam Berhad. Di samping itu, aktiviti insurans secara Islam pula adalah tertakluk kepada Akta Takaful 1984. Walau bagaimanapun, kejayaan Sistem Kewangan Islam adalah bergantung kepada penerimaan masyarakat terhadapnya.

- (c) Pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia bermula apabila Bank Islam Malaysia ditubuhkan pada tahun 1983 dan diikuti oleh Syarikat Takaful pada tahun 1985. Selain dari itu, pelbagai alat kewangan yang berdasarkan prinsip Islam telah diwujudkan. Ini termasuklah Sijil Pelaburan Kerajaan (Government Investment Certificate) yang telah dikeluarkan mengikut prinsip-prinsip Islam sejak tahun 1983 lagi, dan Malaysia adalah negara pertama mengeluarkan bon-bon korpo-

rate secara Islam yang telah mula didijalankan pada tahun 1990 dan pengeluaran bil-bil penerimaan secara Islam (Islamic bankers acceptances) serta kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport secara Islam pada, tahun 1991. Kerajaan juga sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk membenarkan institusi-institusi kewangan menubuhkan kaunter Islam sebagai tambahan kepada aktiviti perniagaan mereka yang sedia ada sekarang,

Setakat ini tidak wujud halangan terlentu ke arah pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia. Kejayaan dan kemajuan sistem itu adalah bergantung ke atas penerimaan dan sambutan masyarakat ke atas sistem itu. Kejayaan yang dicapai oleh Bank Islam setakat ini membuktikan kepada masyarakat umum bahawa sistem bank secara Islam bukan sahaja berkembang maju tetapi juga dapat bersaing dengan sistem bank konvensional.

PROJEK PENYAMBUNGAN HOSPITAL KAPIT—TENDER

16. Tuan James Jimbun Anak Punga minta Menteri Kerja Raya menyatakan nama pertender yang telah berjaya bagi membina projek penyambungan Hospital Kapit (Extension of Kapit Hospital) dan apakah kelambatan untuk menawarkan tender ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat nama pertender yang berjaya bagi membina projek penyambungan Hospital Kapit ialah M/S Pembinaan Hashim & Ismail Sdn. Bhd.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender bagi projek ini terpaksa dipanggil semula kerana kontraktor enggan melanjutkan tempoh sah laku tender yang berakhir pada 25hb November, 1990. Tawaran semula telah dipanggil dalam bulan Februari 1991 di mana penender yang berjaya ialah M/S Pembinaan Hashim & Ismail Sdn. Bhd.

TAHUN MELAWAT ASEAN— PROMOSI PELANCONGAN

17. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan . menyatakan adakah bertambahnya pelancong datang ke negara kita sejak pelancaran 'Visit ASEAN Year'. Apakah usaha promosi yang dibuat supaya negara kita bertanding dengan negara jiran bagi menarik minat pelancong.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Untuk Tahun Melawat ASEAN '92 kedatangan pelancong ke Malaysia telah bertambah sebanyak 11. 7% bagi butan Januari dan Februari 1992 jika dibandingkan dengan bulan yang sama pada tahun 1991.

Promosi-promosi untuk tahun 1992 Kementerian melalui agensinya Pelancongan Malaysia (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia) akan memberi lebih tumpuan kepada 'Primary Market' yang meliputi negara Jepun, Hong Kong, Thailand, Korea Selatan, United Kingdom, Australia, Perancis, Jerman, Taiwan dan Amerika (West Coast). Di samping itu, beberapa aktiviti-aktiviti promosi juga dirancang untuk 'Secondary Market' dan pasaran-pasaran baru yang berpotensi seperti Kanada, New Zealand, Brunei, Itali, Negara-negara Timur Tengah dan India. Aktiviti-aktiviti promosi yang diperlukan termasuklah penyertaan dalam seminar, workshop dan pameran khusus ditujukan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan di pasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan usaha promosi pelancongan, sebanyak 31 acara pelancongan negara telah dikenalpasti sepanjang Tahun Melawat ASEAN '92 sebagai memberi kesedaran supaya menarik minat pelancong untuk melancong ke Malaysia di masa-masa akan datang.

JUNTA TENTERA MYANMAR— SEKATAN EKONOMI

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia telah atau bercadang untuk mengambil inisiatif rantau dan antarabangsa untuk mencadangkan sekatan ekonomi dan sekatan-sekatan lain terhadap junta tentera Myanmar kerana pencerobohan hak-hak asasi manusia yang nyata terhadap rakyatnya sendiri, seperti dalam penindasan 200,000 Muslim Rohingya, penahanan yang berterusan ke atas Ketua Pembangkang Myanmar dan pemenang Hadiah Keamanan Nobel, Aung San Suu Kyi dan keengganan untuk menerima keputusan pilihanraya dan memulihkan pemerintahan awam.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan): Malaysia tidak berhasrat mengambil inisiatif serantau atau antarabangsa untuk mengadakan sekatan ekonomi dan sekatan-sekatan lain terhadap Myanmar kerana kita masih berharap satu penyelesaian melalui rundingan antara pemerintah Myanmar dengan parti-parti politik berkenaan dapat diadakan. Pendirian Malaysia ini juga adalah selaras dengan pendirian negara-negara ASEAN dalam mengamalkan hubungan secara konstruktif dengan Myanmar. Melalui dasar ini, kita berharap dapat mempengaruhi pihak-pihak berkenaan di Myanmar menyelesaikan masalah yang mereka hadapai secara aman.

**INPRASTRUKTUR LUAR
BANDAR—PERUNTUKAN
PEMBANGUNAN**

19. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan untuk pembangunan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6);
- (b) jumlah kampung tradisional dan jumlah mereka yang boleh dikira dalam keadaan daif atau yang lermiskin sekali dan perlukan perhatian khas;
- (c) jumlah 'kampung baru' di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan mengapa ia tidak dipindah ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- (d) apakah jumlah peruntukan yang ditetapkan di bawah RM6 untuk pembangunan kampung baru tersebut dan kampung termiskin atau daif.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:
Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) jumlah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6) adalah seperti berikut:

<i>Nama Program</i>	<i>Jumlah Peruntukan</i> RM6 (\$ juta)
Bekalan Elektrik Luar bandar	\$759.090
Bekalan Air Luar Bandar	\$500.260
Jalan Luar Bandar	\$550.580
Pemodenan Kampung:	
01 Penempatan Semula Kampung Tradisional	\$20.000

Nama Program

Jumlah Peruntukan
RM6 (\$ juta)

02 Pusai Pertumbuhan Desa	\$21.087
03 Program Keindahan Kampung	\$15.000
04 Kampung Aias Air	\$15.890
Jumlah Pemodenan Kampung	\$ 71.977
Projek Jalan Kampung	\$500.000
Jalan Kesban (termasuk jalan keselamatan)	\$235.440
Program Pemulihan Rumah	\$ 91.000
Program Peningkatan Ekonomi Kampung	\$ 21.160
Jumlah Besar . .	\$2,729.507

- (h) Jumlah kampung tradisional di seluruh negara ialah sebanyak 22,403 buah.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'Kampung Baru' telah dipindahkan dari Kementerian ini ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun begitu, Kerajaan pada penghujung tahun 1990 memutuskan bahawa 'Kampung Baru' yang terletak di luar kawasan Pihakberkuasa Tempatan akan menerima peruntukan pembangunan di bawah sektor luar bandar iaitu melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, manakala 'Kampung Baru' yang terletak di dalam kawasan Pihak berkuasa Tempatan akan menerima peruntukan pembangunan bagi sektor bandar iaitu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan ini, peruntukan bagi 'Kampung Baru' di luar kawasan Pihak berkuasa Tempatan adalah dipohon kepada Kementerian

Pembangunan Luar Bandar melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerima maklum daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa jumlah 'Kampung-kampung Baru' yang terletak di luar Pihakberkuasa Tempatan adalah sebanyak 34 buah.

- (d) Selaras dengan keputusan tersebut juga, peruntukan Kampung Baru telah dimasukkan dalam peruntukan luar bandar yang telah saya sebutkan tadi.

Mengenai peruntukan kepada kampung termiskin dan daif, ingin dijelaskan bahawa peruntukan yang disediakan seperti yang dinyatakan tadi adalah bagi maksud tersebut.

PINJAMAN PERUMAHAN KOS RENDAH/SEDERHANA OLEH BANK

20. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa bebrapa bank di negara kita enggan memberi kemudahan pinjaman kepada pembeli-pembeli yang berminat membeli rumah-rumah kos rendah dan sederhana dengan memberikan alasan kepada pemohon-pemohon bahawa peruntukan tabung bagi pinjaman rumah kos rendah dan sederhana telah digunakan dengan sepenuhnya dan oleh yang demikian, permohonan-permohonan mereka ini tidak dapat dipertimbangkan dan hanya pinjaman bagi rumah-rumah berharga MS100.000.00 ke atas sahaja

boleh ditimbangkan permohonan daripada peminjam yang layak diterima;

- (b) laporan media-massa baru-baru ini memberitahu bahawa sebab asas atas keengganan bank-bank meluluskan pinjaman-pinjaman bagi rumah-rumah kos rendah dan sederhana ialah jumlah keuntungan yang boleh didapati daripada urusan-urusan ini tidak begitu menarik, kerana kadar faedah yang boieh dikenakan atas pinjaman-pinjaman ini dikawal oleh Bank Negara Malaysia;
- (c) memandangkan lebih daripada 80% pembeli-pembeli rumah di negara ini hanya mampu membeli rumah-rumah kos rendah dan sederhana sahaja, adakah Menteri dapat menentukan supaya rakyat jelata diberi peluang mendapat sebuah rumah yang sesuai; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang Menteri akan laksanakan supaya institusi-institusi kewangan di negara ini tidak menafikan rakyat dari golongan pendapatan rendah dan sederhana memiliki rumahnya sendiri dengan cara menolak permohonan pinjaman perumahan mereka.

27-5-92

1. Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah bank-bank perdagangan enggan memberi pinjaman perumahan kepada pembeli-pembeli rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 hingga menyukarkan pembeli-pembeli ini yang sudah membayar deposit 10 hingga 20 peratus daripada harga rumah dan bakal-bakal pembeli yang ingin membeli rumah di bawah harga \$100,000 terpaksa mencari sumber

yang boleh membiayai baki harga rumah sebelum mereka bayar pendahuluan atau deposit 10 hingga 20 peratus ini, jika tidak, maka akan hanguslah deposit mereka. Apakah tindakan segera yang beliau akan ambil supaya pembeli-pembeli tidak mendcitra dan hilang deposit.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam yang dijadualkan dijawab pada 21hb Mei, 1992, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa terdapat beberapa bank dan syarikat kewangan di negara ini yang enggan memberi kemudahan pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah dan sederhana yang berharga \$100,000 dan ke bawah disediakan oleh bank-bank dan syarikat kewangan. Bank Negara telah mengeluarkan Garispanduan Pemberian Pinjaman 1992 bagi sektor-sektor utama ekonomi termasuk sektor perumahan. Di bawah garispanduan itu, bank-bank perdagangan adalah dikehendaki memberikan pinjaman perumahan untuk rumah kediaman berharga \$100,000 dan ke bawah sekurang-kurangnya 75,000 unit dengan nilai pinjaman sekurang-kurangnya \$4.5 ribu juta, manakala bagi syarikat-syarikat kewangan pula ia hendaklah sekurang-kurangnya 25,000 unit dengan jumlah pinjaman sekurang-kurangnya \$1.5 ribu juta. Kadar faedam maksimum yang ditetapkan ialah 9% setahun atau 1.75 mata peratusan di atas kadar pinjaman asas bagi masing-

masing bank atau syarikat kewangan yang mana lebih rendah. Tarikh pematuhan garis panduan tersebut ialah pada 31hb Mac, 1994. Walau bagaimanapun, separuh daripada jumlah kuota tersebut hendaklah dipatuhi pada 31hb Mac, 1993.

- (b) Faktor yang menyebabkan institusi bank kurang berminat memberi pinjaman perumahan bagi rumah berharga \$100,000 di mana kadar pinjamannya tidak tertakluk kepada kawalan di atas. Bagaimanapun, Kerajaan telah meminta bank-bank dan institusi-institusi kewangan sepertimana yang saya jelaskan tadi.
- (d) Bagi memastikan bank-bank dan syarikat kewangan mematuhi garispanduan itu, Bank Negara akan sentiasa mengawasi prestasi setiap bank dan syarikat kewangan melalui laporan-laporan yang dikemukakan oleh mereka dan pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawainya di bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dari masa ke semasa. Mereka yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan ini, penalti atau denda yang setimpal akan dikenakan ke atas mereka.

SRJK(C) DAN SRJK(T)— JUMLAH BANTUAN MODAL

21. Tuan Kong Kui Lun minta Menieri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sekolah dan kelas akan dibina dan dibuka bagi SRJK Cina dan Tamil dalam Selangor menjelang dua tahun akan datang. Jika ada, di manakah sekolah dan bilik darjah itu akan disiapkan; dan

- (b) berapakah jumlah bantuan Kerajaan kepada sekolah-sekolah Cina dan Tamil separa bantuan Kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam dalam Selangor. Jika ada, di manakah bantuan itu akan disalurkan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) pada masa ini terdapat sebanyak 100 buah SRJK(C) dan 101 SRJK(T) di negeri Selangor. Sekolah-sekolah tersebut boleh menampung keperluan murid-murid yang ada. Di samping itu, terdapat sebanyak 280 sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan yang juga boleh dimasuki oleh murid-murid oleh Cina dan Tamil. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina 130 bilik darjah dalam 19 projek bagi SRJK(C) manakala 48 bilik darjah dalam 8 projek bagi SRJK(T) di bawah RM6.
- (b) Jumlah bantuan modal yang diperuntukkan kepada SRJK(C) dan (T) akan disalurkan ke sekolah-sekolah berkenaan berdasarkan permohonan serta peruntukan kewangan yang disediakan. Pertimbangan akan diberi mengikut keutamaan dan keperluan sesuatu projek tersebut.

EKSPORT KAYU-KAYAN— PENCAPAIAN

22. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kedudukan eksport kayu tropika pada masa ini akibat dari gerakan-gerakan anti kayu tropika di negara-negara pengimport, dan apa pula pencapaian negara di dalam mengeluarkan barangan hiran dari kayu tropika pada masa ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Nilai eksport kayu-kayan negara menunjukkan aliran yang meningkat dari \$8.67 billion pada tahun 1991 kepada \$9.34 billion pada tahun 1991 meskipun gerakan-gerakan anti kayu tropika dilancarkan terhadap Malaysia. Walau bagaimanapun, isipadu eksport kayu-kayan negara telah menurun dari 27.31 juta meter padu kepada 25.195 juta meter padu. Penurunan ini adalah berpunca dari pengurangan eksport kayu gergaji sebanyak 6.6% kepada 4.93 juta meter padu berikutan pelaksanaan levi dan kuota (hanya untuk kayu getah) eksport ke atas kayu gergaji.

Pencapaian eksport barangan hiran kayu-kayan telah menunjukkan suatu peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 1992 eksport papan lapis telah meningkat sebanyak 17% kepada 1.2 juta meter padu, venir 43% kepada 0.5 juta meter padu berbanding tahun sebelumnya. Manakala nilai eksport kayu kumai dan perabol pula masing-masing meningkat sebanyak 11% kepada \$543 juta dan 78% kepada \$479 juta bagi tempoh yang sama. Peningkatan eksport kayu-kayan berproses ini adalah berpunca dari kesukaran pengimport untuk memperoleh bekalan kayu balak, penjimatan kos perkapalan dengan mengutamakan pembelian barangan berproses dan kurangnya tekanan dari golongan pencinta terhadap kayu berproses terutamanya perabot kayu getah.

BUTA HURUF DI KALANGAN PENDUDUK LUAR BANDAR

23. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pendidikan menyatakan lentang keputusan hasil kajian ITM baru-baru ini bertajuk 'Transformation of Students Toward Quality Workforce in Achieving Yision 2020' iaitu

mengenai taraf pendidikan secara keseluruhan tenaga pekerja di Sarawak adalah sangat rendah, terutama sekali di kalangan kumpulan pribumi, dan keadaan ini lebih meruncingkan dengan terdapatnya kadar tinggi buta huruf penduduk luar bandar (high rate of rural illiteracy). Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kertas kerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong itu adalah dapalan dari kajian yang pihak Kementerian Pendidikan tidak dapat maklumat yang lebih terperinci, seperti dalam aspek perkaedahan dan persampelan dalam kajian tersebut. Mungkin kajian ini tertumpu kepada kawasan tertentu sahaja. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk mendapat maklumat lanjut tentang perkara ini.

Walau bagaimanapun, telah menjadi amalan Kementerian Pendidikan mengadakan kemudahan pendidikan di seluruh negara termasuk di Sarawak terutama di kawasan luar bandar. Dengan semangat ini, Kementerian Pendidikan masih lagi mengekalkan perjalanan sekolah-sekolah kecil di seluruh negara demi kepentingan penduduk luar bandar supaya tidak buta huruf.

Di antara beberapa langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mengatasi keadaan ini ialah:

- (i) bagi pelajar-pelajar miskin yang tinggal di asrama termasuk asrama desa akan diperluaskan;
- (ii) bantuan kewangan dan bantuan pinjaman buku teks akan diteruskan;
- (iii) di bawah Rancangan Malaysia Keenam 18 buah sekolah rendah dan 8 buah sekolah menengah akan dibina;

- (iv) kemudahan peralatan pembelajaran akan dlpertingkatkan;
- (v) menghantar guru-guru terlatih yang berdedikasi ke sekolah-sekolah di luar bandar;
- (vi) bagi menambahkan guru terlatih di Sarawak, 2 buah lagi maktab perguruan akan dibina.

BANTUAN KEPADA PELARIAN ISLAM ROHINGYA

24. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu pelarian Islam Rohingya di Myanmar.

32. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan yang sebenar mengenai pelarian orang Islam Rohingya di Myanmar. Apakah benar mereka ini adalah pendatang haram seperti yang didakwa oleh Kerajaan Myanmar melalui duta mereka baru-baru ini;
- (b) adakah sokongan Kerajaan ke atas masalah pelarian Rohingya ini masih diteruskan; dan
- (c) apakah usaha-usaha dan bantuan Kerajaan di peringkat antarabangsa untuk membantu pelarian Rohingya-ini.

36. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan jelas mengenai:

- (a) pendirian negara berhubung dengan isu petarian rakyat Myanmar yang beragama Islam ke Bangladesh; dan
- (b) apakah tindakan diplomasi antarabangsa yang telah diambil oleh negara ini bagi menunjuk-

kan pendirian tegas negara terhadap tindakan kejam, ganas dan tidak berperikemanusiaan pihak Kerajaan Myanmar sekarang.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soalan mengenai Pelarian Myanmar atau lebih dikenali sebagai kaum Rohingya telah dua kali dikemukakan pada sidang kali ini, iaitu pada 28hb dan 30hb April, 1992. Seperti Yang Berhormat sedia maklum juga, kedua-dua soalan itu telahpun dijawab.

Lanjutan dari itu, saya juga telah menerima 7 lagi soalan-soalan yang berkaitan dengan isu Pelarian Myanmar ini dan memandangkan kesemua soalan-soalan tersebut adalah berkaitan, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan-soalan tersebut secara serentak.

Seerti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa yang lain telah mengambil pendirian yang tegas di dalam isu Pelarian Myanmar ini. Di sini ingin saya nyatakan bahawa ketegasan ini telah berjaya memujuk pihak-pihak yang terlibat di dalam isu ini, terutama sekali Kerajaan Myanmar untuk segera mencari jalan penyelesaian terhadap isu tersebut.

Kerajaan Myanmar telahpun mengutuskan Menteri Luarnya ke Bangladesh untuk berbincang dengan rakan sejawatnya. Di dalam hal ini, Kerajaan Malaysia merasa bersyukur kerana Kerajaan Myanmar telahpun mencembutkan pendiriannya dan bersetuju untuk mengambil semula pelarian-pelarian tersebut. Kerajaan Myanmar juga telah mengiktirafkan pelarian-pelarian tersebut sebagai sebahagian daripada rakyatnya dan telah berjanji untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pelarian-pelarian tersebut.

UNIYERSITI KELAPAN DI SARAWAK—PENUBUHAN

25. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kemajuan penyusunan sebuah universiti lengkap di Sarawak seperti:
 - (i) tarikh di mana Kerajaan akan mengumumkan secara rasmi kelulusan projek tersebut;
 - (ii) lokasi yang dicadang untuk universiti baru di Sarawak;
 - (iii) kursus yang ditawarkan;
 - (iv) jumlah pengambilan pelajar yang dianggarkan untuk 5 tahun pertama; dan
 - (v) tarikh di mana universiti baru tersebut dijadual untuk dibuka bagi membuat pendaftaran.

Dr Fong Chan Onn: Oleh kerana terdapat empat orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang sama iaitu mengenai penubuhan universiti kelapan di Sarawak, saya memohon supaya soalan ini dijawab serentak. Butir-butir Ahli-ahli Yang Berhormat dan tarikh dikemukakan soalan adalah seperti di bawah:

- (i) Yang Berhormat dari Sepang 7-5-1992
- (ii) Yang Berhormat dari Tanjung 11-5-1992
- (iii) Yang Berhormat dari Baram 11-5-1992
- (iv) Yang Berhormat dari Sibu 13-5-1992

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan bersetuju untuk menubuhkan universiti kelapan di Samarahan, Sarawak.

Universiti ini dijangka akan menelan belanja sebanyak \$780 juta untuk kos pembinaan bangunannya.

Pengambilan pelajar dijangka akan dijalankan pada sesi pengajian 1993/94. Manakala antara kursus yang akan ditawarkan sebagai persediaan ke arah mencapai Wawasan 2020 ialah Sains Gunaan, Sains Sosial, Kejuruteraan, Pengajian Gas Asli, Maritim, Teknologi Maklumat, Pendidikan dan Perubatan.

Setakat ini belum lagi dikenalpasti jumlah tenaga pengajar yang diperlukan. Keperluan tenaga pengajar yang akan diambil adalah bergantung kepada jumlah pelajar dan bidang-bidang pengajian yang akan diwujudkan serta perancangan perkembangan universiti tersebut dari masa ke semasa.

LANDASAN KERETAPI BARU— PROJEK PELAKSANAAN

26. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan memberitahu setakat manakah kemajuan dicapai mengenai pelaksanaan landasan keretapi baru di seluruh Malaysia.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Projek landasan yang baru ialah projek landasan berkembar yang meliputi kawasan Lembah Klang termasuk Rawang dan Seremban. Projek tersebut dibahagikan kepada beberapa pakej. Pakej-pakej tersebut dan perkembangan kerja-kerja adalah seperti berikut:

- (i) Pakej A adalah pembaharuan landasan sedia ada dan membina landasan kembar di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang. Kerja-kerja pembinaan sebanyak enam peratus telah disiapkan. Keseluruhan kerja-kerja dijangka siap pada bulan Ogos, 1993.

- (ii) Pakej B dan C adalah kerja-kerja pembinaan jambatan, underpasses dan terowong di antara Rawang dan Kajang serta Kajang dan Seremban. Seiakat ini sebanyak 51% kerja-kerja telah disiapkan. Keseluruhan kerja-kerja dijangka siap pada bulan Februari, 1993.

- (iii) Pakej D adalah kerja-kerja untuk sistem persemboyanan dan komunikasi di antara Rawang dan Seremban serta Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang. Kerja-kerja pakej ini telah ditawarkan dalam bulan Jun 1992. Keseluruhan kerja-kerja pakej ini dijangka siap pada bulan Mac, 1993.

- (iv) Pakej E adalah pembinaan landasan berkembar di antara Rawang dan Seremban. Sebanyak 49% pakej kerja-kerja telah disiapkan dan keseluruhan pakej ini dijangka siap pada bulan Pebruari, 1993.

- (v) Pakej F adalah projek elektrifikasi di tandasan berkembar KTM. Tender telah dikeluarkan pada 20hb Mac, 1992 dan dijangka ditutup pada 24hb Jun, 1992. Pakej ini dijangka disiapkan pada bulan Mei, 1995.

PEGAWAI DAGANG— JUMLAH

27. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah expatriat yang diberikan kebcnaran bekerja di negara ini;
- (b) apakah asas mereka dibcnarkan bekerja di sini; dan
- (c) bagaimanakah Kerajaan menentukan expatriat ini membantu dalam pindahan

teknologi kepada rakyat tempatan dan adakah sesuatu jangka masa diberikan sebelum expatriat ini tidak dibenarkan bekerja di negara ini.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Jumlah pegawai dagang (expatriates) yang diberi kebenaran bekerja di negara ini pada masa ini ialah seramai 7,208 orang.
- (b) Asas pertimbangan bagi pegawai dagang dibenarkan bekerja di negara ini ialah:
- (i) tidak adanya warganegara atau calon tempatan yang memiliki kemahiran atau kelayakan tertentu.
 - (ii) tugas jawatan memerlukan teknologi dan kemahiran tinggi seria khusus.
 - (iii) kehadiran pegawai dagang perlu bagi menjaga ke-peniingan pclaburan asing.
 - (vi) kehadiran pegawai dagang tidak menjejaskan kesejahteraan sosial, ekonomi dan keselamatan ncgara ini.
- (c) (i) Bagi menentukan pegawai dagang membantu dalam pemindahan teknologi kepada rakyat tempatan bebcrapa syarat tertentu dikcnakan kepada syarikat, diantaranya melantik calon 'understudy' dari kalangan warganegara tempatan dan mcnycdiakan program latihan dalaman dan 'on the job-iraining' kepada pekerja tempatan.
- (ii) Bagi mcastikan syarat-syarat ini dipatuhi, program lawatan atau naziran ke syarikat berkenaan di-

laksanakan oleh Jabatan Imigresen dari masa ke semasa. Sekiranya pihak syarikat enggan atau gagal mematuhi syarat-syarat ini, tindakan akan diambil termasuklah tidak melanjutkan pas kerja.

**JALANRAYA DARI SRI AMAN
KE MIRI—PEMBINAAN**

28. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah semua seksyen jalan raya dari Seri Aman ke Miri telah ditender untuk diturap dengan sepenuhnya, dan bilakah pembinaan ini akan siap. Jikalau tidak, kenapa tidak;
- (b) berapa kilometerkah jalan raya dirancang untuk dibina seluruh Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke Enam; dan
- (c) adakah Kerajaan membuat kajian menyeluruh untuk membina saluran paip air di negcri Sarawak. Dan adakah kajian dibuat untuk mencari sumber air untuk membekal air di kawasan Kampung Tebelu, Sebangon, Segali, Ladong, Tanjung Pisang, Sungai Apin, Selangking dan Pantong di Kawasan Parlimen Batang Lupar.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan raya utama dari Sri Aman ke Miri tclahpun ditawarkan dan dalam pelaksanaan. Jalan raya utama ini dijangka siap diturap pada awal 1994.
- (b) Ada cadangan daripada JKR Sarawak untuk membina sepanjang 200 km setahun (per year) dalam RM6, di mana

60%—80% daripadanya adalah untuk meningkatkan taraf jalan sedia ada.

- (c) Kajian menyeluruh untuk membina saluran paip di kawasan persisiran Sarawak telahpun dibuat. Kajian ini ialah Kajian Pelan Induk bagi Bekalan Air Luar Bandar di kawasan persisiran Sarawak yang telah selesai dijalankan pada tahun 1990. Kajian itu meliputi kawasan persisiran di barat dan tengah negeri Sarawak, iaitu di Bahagian Kuching, Smarahan, Sri Aman, Sarikei dan Sibul. Beberapa projek bekalan air yang telah dikenalpasti di dalam kajian itu telah dilaksanakan, manakala projek-projek bekalan air lain yang telah dikenalpasti sedang didalam pelaksanaan atau akan dilaksanakan pada masa depan.

Mengenai air ke Kampung Segali, Ladang, Tanjung Pisang, Sungai Apin, Selangking dan Pantong, ianya telah dimasukkan di dalam Kajian Pelan Induk tersebut dan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebagai skim penadahan air hujan ataupun projek sambungan paip air. Untuk Kampung Seban, sebuah loji pembersihan air sedang dibina dan dijangka siap pada akhir tahun 1993. Satu syarikat jurutera perunding telah ditauliahkan untuk menyiasat, mengukur dan mereka bentuk sistem bekalan air bagi Kampung Tebelu.

KAUM PENAN—BANTUAN KERAJAAN

29. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan yang tercapai dalam program "Tentera Masuk Desa" di kalangan kaum Penan;

(b) apakah jenis-jenis bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada kaum Penan ini; dan

(c) apakah jenis-jenis bantuan yang telah diberi oleh pencinta-pencinta alam dari luar dan dalam negeri kepada kaum Penan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

(a) Kejayaan gabungan dan kerjasama agensi pelaksanaan yang terdiri dari Angkatan Tentera Malaysia (Tentera Darat dan Tentera Udara Diraja Malaysia), Pejabat Residen Miri dan JKR Negeri Sarawak di bawah kelolaan Unit Perancangan Pembangunan Negeri Sarawak boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

(1) Pembinaan sebuah Pusat Perkhidmatan Kaum Penan yang mengandungi kemudahan-kemudahan yang berikut:

- (i) Berek Pertanian/Klinik/Pejabat
- (ii) Sekolah Rendah dan Asrama
- (iii) Rumah Masak dan Dewan Makan
- (iv) Bilik Mandi dan tandas
- (v) Rumah Janakuasa
- (vi) P e n d a w a i a n Elektrik

(2) Memenangi hati kaum Penan, terutamanya yang berada di kawasan pedalaman untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

(3) Memupuk kerjasama dan kesefahaman di antara pihak-pihak tentera, agensi Kerajaan dan rakyat yang mana merupakan satu daripada objektif utama projek Tentera Masuk Desa.

(4) M e m p e r b a i k i / mempertingkatkan imej Angkatan Tentera Malaysia dan Kerajaan Negeri di kalangan rakyat.

(5) M e m p e r t i n g k a t k a n kemahiran anggota tentera, terutamanya anggota Jurutera dan Platun Rintis Serang dalam kemahiran pembinaan.

(b) Bantuan yang dibcrican kepada kaum Penan termasuk pembinaan beberapa buah Pusat Perkhidmatan di kawasan Baram dan Belaga.

Pusat-pusat Perkhidmatan ini menyediakan kemudahan-kemudahan sekolah rendah, klinik kesihatan, stesen pertanian dan lain-lain perkhidmatan asas. Selain daripada itu, Kerajaan Sarawak dan juga syarikat-syarikat balak juga membina rumah panjang mereka. Setakat ini, Kerajaan Sarawak telah membelanjakan sejumlah \$5.5 juta untuk projek-projek yang bertujuan meninggikan taraf kehidupan kaum Penan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga mengadakan program suka-relawan Penan di mana belia Penan yang mempunyai kelulusan sekolah menengah dilatih dalam bidang pertanian,

pertukangan kayu, perubatan dan lain-lain kemahiran dan mereka ini dihantar kembali ke kampung halaman yang terpencil untuk memberi bimbingan asas dalam program kemajuan masyarakat khususnya di perkampungan Penan di mana mereka ditempatkan.

Bantuan keperluan asas kaum Penan seperti berikut juga disediakan:

(1) Bantuan memperbaiki rumah panjang;

(2) Pembinaan jeti/jambatan;

(3) Penyediaan bekalan air bersih melalui bekalan air graviti dan tangki air.

(4) Keperluan persekolahan anak-anak mereka.

(5) Dan lain-lain projek yang merupakan keperluan asas.

Untuk kaum Penan nomadik, Kerajaan Negeri telahpun menyediakan hutan-hutan dara asli di Ulu Baram seluas 8,000 hektar dan 5,000 hektar di Ulu Limbang supaya dapat digunakan untuk keperluan tradisi mereka. Selain dari itu, Taman Negara Mulu seluas 52,000 hektar dan Estet Hutan Tetap Melana melibatkan 22,000 hektar juga telah diberi kelonggaran untuk menggunakannya,

(c) Kementerian saya tidak menyedari mengenai dengan bantuan yang diberi oleh pencinta-pencinta alam sama ada dari dalam ataupun luar negeri kepada kaum Penan.

KTM—MENGGANTIKAN BANGUNAN LAMA

30. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pengangkutan menyatakan dengan pcnswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM) adakah bangunan stesen yang lama dan berkeadaan usang akan diganti dengan bangunan yang moden terutamanya di sepanjang laluan Kuala Lumpur ke Butterworth dan Kuala Lumpur ke Johor Bahru.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Beberapa buah bangunan stesen keretapi merupakan bangunan lama yang telah dikenalpasti untuk dikekalkan rekabentuknya kerana mempunyai nilai sejarah. Pengubahsuaian bangunan-bangunan tersebut yang tidak menjejaskan nilai sejarah ini dilakukan untuk melengkapinya dengan kemudahan-kemudahan pelanggan.

Dalam proses memperbadankan KTM, yang penting adalah untuk memastikan bahawa segala kemudahan untuk pelanggan disediakan dengan mencukupi di stesen-stesen, baik yang baru mahupun yang lama. Permodenan bangunan stesen lama yang lain hanya dapat dibuat secara berperingkat-peringkat.

PEKERJA ASING TANPA IZIN—PENDAFTARAN

31. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai buruh asing yang telah didaftarkan bekerja di negara ini;
- (b) apakah langkah Kerajaan jika didapati ada banyak lagi buruh asing yang masih tidak berdaftar walaupun tempoh pendaftaran telah tamat; dan

- (c) adakah Kerajaan bercadang memberi pertimbangan ke-masukan buruh-buruh asing untuk sektor-sektor lain daripada yang ditetapkan jika didapati perlu.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATO yang telah didaftar sehingga 15-4-1992 adalah seramai 88,634 orang;
- (b) PATI yang belum mendaftar selepas tempoh pendaftaran tamat akan diambil tindakan undang-undang. Majikan yang memberi perlindungan kepada mereka juga akan diambil tindakan undang-undang; dan
- (c) Kerajaan bersedia mengkaji keperluan pekerja asing dalam sesuatu sektor dan perlimbangan akan dibuat mengikut merit masing-masing.

KELUARGA TERMISKIN— BILANGAN

33. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan anggota keluarga termiskin di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri berdasarkan perangkaan terkini;
- (b) adakah tindakan Kerajaan terhadap laporan bahawa beribu-ribu anggota keluarga termiskin tercicir daripada menerima bantuan menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Berapakah bilangan mereka mengikut pecahan negeri-negeri; dan
- (c) memandangkan bahawa menjadi tanggungjawab beberapa agensi Kerajaan untuk bertindak

mengenalpasti keluarga termiskin ini, bagaimanakah keciciran ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi kelemahan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Sehingga kini, seramai 106,964 telah didaftar dalam Daftar Asas Keluarga Termiskin di negeri-negeri dan pecahan adalah seperti berikut:

Johor	5,186
Kedah	19,197
Kelantan	22,693
Melaka	6,196
Negeri Sembilan	3,295
Pahang	5,585
Pulau Pinang	4,106
Perak	18,050
Perlis	3,062
Selangor	3,700
Terengganu	15,894

- (b) Program bagi membasmi kemiskinan akan mengambil masa untuk mencapai matlamatnya. Dalam hubungan PPRT, terdapat dua bentuk bantuan, iaitu bantuan sosial yang berupa sementara bagi meringankan beban kemiskinan seperti bantuan kebajikan perumahan dan sebagainya. Manakala bidang ekonomi, ianya bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan seterusnya mengeluarkan diri mereka dari golongan termiskin, Ini bermakna pelaksanaan PPRT dijalankan secara berperingkat-peringkat. Adalah dijangka pada tahun 1995 bilangan isi rumah termiskin dapat dikurangkan kepada 88,800 dan kepada 1,200

pada tahun 200. Di jangka bilangan yang masih termiskin ini adalah terdiri daripada kes-kes kebajikan sahaja. Dalam melaksanakan program ini Kerajaan sentiasa mengawasi supaya semua keluarga-keluarga termiskin yang berdaftar ditawarkan bantuan yang mereka layak menerima berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

- (c) Mengenai tohmahan bahawa berlakunya keciciran adalah ditegaskan di sini bahawa isu ini tidak timbul kerana tempoh melaksanakan program ini masih berterusan dan mereka yang belum menerima bantuan, insya Allah akan ditawarkan bantuan mengikut kelayakan mereka.

**KEGIATAN MENENTANG
PEMBALAKAN DI SARAWAK—
JUMLAH TANGKAPAN**

34. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah rakyat Malaysia yang ditahan hingga sekarang berikutan dengan bantahan terhadap pembalakan di Sarawak. Nyatakan alasan-alasan penahanan mereka; dan
- (b) berapa ramaikah rakyat asing yang ditahan atau diusir dari Sarawak berkaitan dengan isu tersebut. Nyatakan alasan-alasan tindakan Kerajaan itu.

74-5-92

16. Tuan James Jimbun Anak Punga minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes jenayah berkenaan dengan orang asing yang terlibat dengan "Ami Pembalakan di

Malaysia" dan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan uniuk mengawal perkara berkenaan.

29. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bitangan rakyat asing mengikut kewarganegaraah yang dapat dikesan terlibat dalam kegiatan menentang pembalakan di Sarawak; apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Nilam Puri bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Kuala Krai dan Yang Berhormat dari Kapit yang sepatutnya dijawab pada hari esok (14. 5. 1992) memandangkan soalan-soalan ini berkaitan.

- (a) Dari tarikh 1-2-1987 hingga 29-2-1992, seramai 587 orang rakyat Malaysia telah ditangkap kerana mendirikan benteng-benteng di kawasan-kawasan pembalakan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Daripada jumlah ini, seramai 512 orang telah dihadapkan ke mahkamah di mana 39 orang telah didapati bersalah dan dipenjarakan. Mereka telah dituduh di bawah Seksyen 143, 341 dan 384 Kanun Kesiksaan, Seksyen 90(b) Ordinan Perhutanan dan Seksyen 27 Akta Polis.
- (b) Hingga kini seramai 8 orang rakyat asing telah terlibat dalam kegiatan menentang pembalakan di Sarawak. Kesemua mereka telah ditangkap dan telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman atas kesalahan pencerobohan jenayah (criminal trespass). Mereka telah diusir daripada Malaysia setelah tamat menjalani hukuman penjara.

(c) 8 orang warganegara asing tersebut adalah terdiri daripada warganegara berikut:

Warganegara British	2 orang
Warganegara Amerika	2 orang
Warganegara Australia	1 orang
Warganegara German	2 orang
Warganegara Sweden	1 orang

PILIHANRAYA KECIL BUKIT PAYONG—PENEMPATAN ANGGOTA POLIS

35. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Memeri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah keperluan Yang Berhormat Menteri mengumumkan supaya langkah-langkah keselamatan yang drastik dalam menghadapi pilihanraya kecil Bukit Payong, Tercngganu;
- (b) tidakkah kenyataan seperti itu boleh menakutkan pengundi-pengundi dan ia mempengaruhi mereka supaya mengundi calon parti pemerintah; dan
- (c) dapatkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa kenyataan seperti itu tidak akan dibuat lagi dalam menghadapi pilihanraya di masa depan.

Tuan Ong Ka Ting: Saya telahpun menjelaskan dengan panjang lebar tentang keperluan penugasan anggota-anggota Polis di kawasan Pilihanraya Bukit Payong baru-baru ini ketika menjawab soalan yang hampir sama oleh Yang Berhormat Kota Bharu pada 4-5-1992 yang lalu. Oleh itu, saya tidak berhasrat untuk menambah kecuali

hanya untuk menegaskan bahawa penempatan anggota-anggota Polis itu adalah semata-mata untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan para pengundi dan memastikan bahawa pilihanraya berjalan dengan lancar dan bebas tanpa rasa takut dan gerun. Penempatan anggota-anggota Polis dalam kawasan-kawasan pilihanraya di masa-masa akan datang akan terus diberi pertimbangan oleh Kerajaan berdasarkan keadaan ketenteraman awam dan keselamatan di kawasan-kawasan yang berkenaan.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—PEMALSUAN

37. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah Kerajaan dalam membasmi dan mengatasi pemalsuan dokumen rasmi Kerajaan yang mempunyai hubungan dengan pengeluaran pasport Antarabangsa;
- (b) implikasi yang akan timbul daripada masalah tersebut; dan
- (c) tindakan Kerajaan terhadap pegawai-pegawai yang terbabit serta usaha dalam mengetatkan lagi disiplin pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen seluruh negara.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Bagi membasmi dan mengatasi pemalsuan pengeluaran Pasport Antarabangsa Malaysia, Jabatan Imigresen mewujudkan sistem bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi menentukan ketulenan dokumen pengenalan diri yang dikemukakan oleh pemohon. Selain daripada itu, Jabatan Imigresen semiasa berusaha mempertingkatkan keupayaan dan kepakaran kakitangan di dalam mengecam dokumen-dokumen palsu.

(b) Penggunaan dokumen perjalanan Malaysia yang palsu boleh menjejaskan nama baik negara di kalangan masyarakat dunia, manakala penggunaan dokumen perjalanan asing yang palsu untuk masuk ke Malaysia boleh membawa ancaman kepada keselamatan negara.

(c) Kerajaan telah mengambil tindakan yang tegas terhadap pegawai-pegawai yang terbabit dengan mengenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan-peraturan yang ada. Selain daripada itu, ada juga di kalangan mereka yang diambil tindakan undang-undang.

KWSP—MENAIKKAN KADAR CARUMAN PEKERJA/MAJIKAN

38. Tuan Joseph Voon minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau EPF daripada 9% kepada 11% manakala majikan dari 11% kepada 14% demi untuk menggalakkan pelaburan atau simpanan di kalangan pekerja memandangkan skim gaji baru SSB.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar caruman KWSP telah dinaikkan beberapa kali dari 5% bagi pekerja dan majikan pada tahun 1952 kepada kadar sekarang sebanyak 9% bagi pekerja dan 11% bagi majikan. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan lagi kadar caruman. Namun demikian, mengikut Seksyen 43, Akta KSWP 1991, seseorang pekerja atau majikan boleh memilih untuk membayar caruman bulanan pada kadar yang melebihi dari kadar caruman yang telah ditetapkan itu.

**KAD PENGENALAN
BARU—MAKLUMAT PALSU**

39. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Dalam Negeri bilangan pemohon kad pengenalan baru yang telah dikenakan tindakan mahkamah oleh Jabatan Pendaftaran Negara atas kesalahan memberi maklumat palsu diri semasa membuat permohonan.

Tuan Ong Ka Ting: Sehingga ini belum ada pemohon kad pengenalan baru yang dikenakan tindakan mahkamah atas kesalahan memberi maklumat palsu semasa membuat permohonan.

**PERBADANAN KEMAJUAN
EKONOMI NEGERI—
KEUNTUNGAN/KERUGIAN
ANAK SYARIKAT**

40. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah bilangan anak-anak syarikat yang mencapai keuntungan setiap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri;
- (b) berapakah jumlah syarikat yang berjaya yang telah diswastakan bagi setiap PKEN;
- (c) berapakah bilangan anak-anak syarikat PKEN yang sedang mengalami kerugian dan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian untuk memulihkan syarikat tersebut; dan sejauh manakah tindakan telah diambil oleh Kementerian bagi melatih pegawai PKEN dalam bidang pengurusan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Sehingga akhir tahun 1990, sejumlah 133 buah syarikat anak

PKEN-PKEN telah mencatat keuntungan. Pecahan bilangan anak-syarikat tersebut mengikut agensi adalah seperti berikut:

<i>AGENSI</i>	<i>BILANGAN</i>
PKEN Perlis	3
PKEN Kedah	18
PKEN Pulau Pinang	7
PKEN Perak	18
PKEN Selangor	2
PKEN Negeri Sembilan	2
PKEN Melaka	6
PKEN Johor	26
PKEN Pahang	6
PKEN Terengganu	15
PKEN Kelantan	10
PKEN Sabah	6
PKEN Sarawak	14

- (b) Sehingga akhir tahun 1990, sejumlah 124 buah syarikat anak PKEN-PKEN telah diswastakan. Pecahan bilangan mengikut agensi adalah seperti berikut:

<i>AGENSI</i>	<i>BILANGAN</i>
PKEN Perlis	2
PKEN Kedah	8
PKEN Pulau Pinang	2
PKEN Perak	49
PKEN Selangor	5
PKEN Negeri Sembilan	17
PKEN Melaka	2
PKEN Johor	8
PKEN Pahang	1
PKEN Terengganu	0
PKEN Kelantan	0
PKEN Sabah	6
PKEN Sarawak	24

- (c) Sehingga akhir tahun 1990, sejumlah 74 buah syarikat anak PKEN-PKEN telah mencatat

kerugian. Pecahan bilangan mengikut agensi adalah seperti berikut:

<i>AGENSI</i>	<i>BILANGAN</i>
PKEN Perlis	2
PKEN Kedah	6
PKEN Pulau Pinang	6
PKEN Perak	3
PKEN Selangor	1
PKEN Negeri Sembilan	4
PKEN Melaka	6
PKEN Johor	14
PKEN Pahang	7
PKEN Terengganu	4
PKEN Kelantan	7
PKEN Sabah	6
PKEN Sarawak	8

- (i) Bagi syarikat yang rugi ini, Kementerian Perusahaan Awam sentiasa mengingatkan PKEN-PKEN supaya mengambil tindakan bagi memulihkan prestasi kewangannya seperti memperkemaskan lagi pengurusan kewangan, pemasaran, mengadakan program kemajuan keuntungan (Profit Improvement Programme) dan sebagainya.
- (ii) Latihan pegawai-pegawai PKEN adalah dilaksanakan oleh agensi masing-masing. Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Awam sentiasa memaklumkan tentang kursus-kursus yang sesuai kepada PKEN-PKEN dari masa ke semasa.

TENTERA UDARA ASING—PENCEROBOHAN RUANG UDARA

41. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah pihak tentera bagi

menghalang pencerobohan lentera udara asing khususnya daripada Amerika Syarikat yang berpangkalan di Sirigapura.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Setakat ini tiada terdapatnya sebarang pencerobohan ruang udara negara oleh Tentera Udara Asing yang berpangkalan di Singapura. Sebagaimana yang telah saya jelaskan sekian kalinya di Dewan yang mulia ini, Angkatan Tentera Malaysia mempunyai keupayaan untuk mengesan sebarang pencerobohan oleh pesawat tentera asing yang cuba mencrobohi ruang udara negara.

POLIS TENTERA/TENTERA DARAT DI KAMPUNG BARU-BARU, TUARAN— MENEMPATKAN

42. Datuk Monggoh Orow minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menempatkan kembali perkhidmatan Polis Tentera di Kampung Baru-Baru, Tuaran, kerana sebelum 1985 pasukan keselamatan ada terdapat berkhidmat di tempat tersebut untuk menjaga keselamatan penduduk di Kampung itu khasnya dan Tuaran amnya. Di samping menjaga keselamatan, Pasukan Keselamatan itu juga dapat mengawal dan mencegah kemasukan warganegara Pilipina yang datang secara haram ke Sabah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Pihak 5 Briged telah memberi pengesahan bahawa pihak Polis Tentera alaupun lain-lain unit Tentera Darat tidak ada ditugaskan di kawasan Kampung Baru-Baru, Tuaran. Dewasa ini pasukan 5 Kompeni KPT yang berpangkalan di Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu hanya ditugaskan di Markas 5 Briged (Kem Lok Kawi), 5 Kumpulan Ordnans Briged (KOB) dan TUDM/Pusat Pemancar Labuan.

**FELDA—PELAKSANAAN
SISTEM SYARIKAT**

43. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) usaha FELDA untuk memperbagaikan pendapatan peneroka;
- (b) perancangan FELDA untuk mewujudkan industri-industri hiliran berasaskan kelapa sawit di kawasan FELDA;
- (c) adakah benar lebih daripada 50% peneroka FELDA mempunyai pekerjaan kedua di luar kawasan FELDA;
- (d) kadar keciciran persckolah anak-anak pencroka dan apakah perbandingan prestasi kemajuan penuntut di sekitar kawasan FELDA dengan kawasan bandar; dan
- (e) apakah kemajuan dan prestasi dengan pelaksanaan cara baru FELDA melalui sistem estet yang dimulakan di Selancar 6 dan Selandang 2, kedua-duanya di kawasan Parlimen Rompin.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Teras pendapatan peneroka, seharusnya daiang dari kebun yang diurus dengan baik. Dalam usaha menambah dan mempelbagai pendapaian mereka, pelbagai program juga telah dlatur dan di antaranya adalah:
 - (i) Menggalakkan peneroka melibatkan diri dalam aktiviti pertanian dcngan projek sayuran-sayuran dan projek ternakan di kawasan kampung dan tanah kosong.
 - (ii) Menubuhkan dan mclibatkan peneroka dalam kegiatan koperasi di

semua rancangan unluk mengendalikan kerja pengangkutan Buah Tandan Bersih (BTB) ke kilang sawit sebagai aktiviti utama. Di samping aktiviti ini, Koperasi juga menjalankan aktiviti lain seperti perniagaan runcit, kerja kontrak, pengangkutan murid sekolah, jualan diesel dan pctrol dan pengangkutan susu getah minyak sawit. Pada tahun 1991 terdapat sebanyak 252 Koperasi beroperasi di rancangan-rancangan.

- (iii) Menubuhkan dua Pusat Kraf FELDA, iaitu di FELDA Adela untuk mengusahakan projek jahilan pakaian sekolah dan alat-alat perabot dari rotan dan di FELDA Trolak Selatan yang mengusahakan kraf barangan dari buluh dan kain. Pusat Kraf ini mcmberi latihan kepada ahli Gabungan Per-kumpulan Wanita (GPW) dan Beliawanis dan berfungsi sebagai Pusat unluk memasarkan hasil jahitan dan kerjatangan mereka.
- (iv) Menggalakkan peneroka melabur di dalam Koperasi Permodalan FELDA (KPP) supaya mcndapat faedah melalui dividen tahunan. Di akhir tahun 1991, seramai 126,640 pencroka dan ahli keluarga mclabur sebanyak \$49.78 jula dalam KPP. Di samping itu, 1,061 badan peneroka seperti Jawatankuasa Kemajuan Rancangan

(JKKR), Pertubuhan Belia dan Koperasi telah melabur dalam institusi-institusi kewangan yang lain seperti Amanah Saham Bumiputera dan Tabung Haji.

- (b) Selain daripada kilang-kilang sawit dan isi sawit yang didirikan di rancangan-rancangan, FELDA tiada merancang lain-lain aktiviti hiliran yang berasaskan sawit di kawasan FELDA. Industri hiliran ini biasanya didirikan di kawasan yang mudah dari segi perhubungan terutamanya dari segi kemudahan pengeksportan. Oleh sebab itu, industri hiliran FELDA kebanyakannya terdapat di kawasan pelabuhan seperti di Pelabuhan Kelang, Pasir Gudang dan Kuantan.
- (c) Mengikut maklumat, yang dikumpul oleh FELDA, didapati seramai 429 peneroka yang mempunyai pekerjaan di luar rancangan. Angka ini merupakan 0.36% daripada keseluruhan 118,721 peneroka. Daripada 429 peneroka yang mempunyai pekerjaan di luar rancangan, 53 orang telah diberi kebenaran untuk meneruskan pekerjaan itu kerana didapati pekerjaan tersebut tidak mengganggu kerjanya di rancangan. Bagi bakinya seramai 376 peneroka, kes-kes mereka adalah dalam kajian. Sekiranya pekerjaan mereka di luar rancangan itu menjejaskan kerjanya di rancangan, mereka akan diminta untuk membuat pilihan sama ada mereka akan memilih untuk terus menjadi peneroka dan berhenti bekerja di luar atau sebaliknya.
- (d) FELDA telah membuat kajian keciciran persekolahan dan pencapaian anak-anak peneroka

dan mendapati mereka yang tidak dapat meneruskan pelajaran sehingga ke Tingkatan 5 Sekolah Menengah, adalah rendah. Dalam tahun 1991, 318 anak peneroka yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 5 iaitu 4.4% daripada bilangan anak peneroka yang berada di Tingkatan 3. Pencapaian keputusan peperiksaan anak-anak peneroka adalah setanding dengan pencapaian keputusan sekolah di bandar. Pada tahun 1991 dari seramai 7,261 calon yang mengambil peperiksaan SPM seramai 974 (13.4%) mendapat gred 1, 1,615 calon (22.2%) mendapat gred 2 dan seramai 2,828 calon (39%) mendapat gred 3.

- (e) Mulai 1hb Januari, 1990 Kerajaan telah memutuskan rancangan-rancangan yang belum ditempatkan peneroka diuruskan mengikut sistem syarikat, di mana pekerja-pekerja akan ditempatkan. Sehingga ini sejumlah 152 buah ladang diuruskan mengikut sistem syarikat. Ladang-ladang ini diuruskan oleh PELDA Plantations Sdn. Bhd. Dua daripada ladang ini, iaitu Seledang 2 dan Selancar 6 telah ditempatkan pekerja, iaitu seramai 359 pekerja. Sebagai pekerja ladang syarikat, mereka menerima bayaran upah kerja dan diperuntukkan bayaran SOCSO serta EPP. Pekerja juga diperuntukkan dividen daripada saham yang diperuntukkan kepada mereka. Pekerja-pekerja diperuntukkan 5,000 unit saham berasaskan 5 ekar setiap pekerja. Pemilikan saham sepenuhnya mengambil masa lebih kurang 10 tahun, bergantung kepada keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat.

Di samping itu, pekerja-pekerja juga disediakan kemudahan asas seperti rumah, bekalan air, elektrik dan kemudahan kesihatan.

LANUN DI SABAH—OPERASI MEMBANTERAS

44. Tuan Lai Lun Tzee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan apakah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan kejadian-kejadian rampasan nelayan oleh lanun-lanun di negeri Sabah.

Tuan Ong Ka Ting: Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan bekerjasama pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) telah menjalankan beberapa operasi iaitu Operasi Tayang, Operasi Lintah Laut dan Operasi Lanun bertujuan untuk membanteras kegiatan-kegiatan lanun di Sabah. Hasil dari operasi-operasi yang telah dijalankan sejak 1988 hingga kini, beberapa kejayaan telah dicapai. Antaranya ialah:

- (i) Seramai 21 orang lanun telah ditembak mati.
- (ii) Sebanyak 52 tangkapan telah dibuat terhadap orang-orang yang disyaki terlibat dalam kegiatan lanun.
- (iii) Sebanyak 19 laras senjapati berbagai jenis dan beberapa ratus butir peluru telah dirampas.

LEBUHRAYA WILAYAH PERSEKUTUAN—PROJEK MELEBARKAN

45. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kerja Raya menyatakan tarikh projek memperlebar Lebuhraya Wilayah Persekutuan (KL ke Klang), nama

syarikat yang menender dan yang berjaya. Apakah PLUS mengendalikan lebuhraya itu, berapakah modalnya dan apakah keuntungan konsortium tersebut tiap-tiap tahun sejak terubuhnya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Projek memperlebar Lebuhraya Wilayah Persekutuan adalah merupakan sebahagian dari konsesi penswastan yang telah ditawarkan kepada United Engineers (M) Berhad dalam tahun 1988. Satu syarat tawaran konsesi ialah menaikkan taraf Lebuhraya Persekutuan II iaitu dari Klang dengan persimpangan bertingkat jalan ke Lapangan terbang Subang.

Projek ini sedang dikendalikan oleh anak syarikat kepada United Engineers (M) Bhd. iaitu projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Projek ini telah dimulakan pada Mei 1989 dan dijangka siap sepenuhnya awal 1994.

Mengikut maklumat-maklumat daripada PLUS, projek ini telah ditawarkan kepada pemborong-pemborong berikut:

- (i) IJM—Hassan Mal J. V.
- (ii) Ho Hup—Benamula J. V.
- (iii) G. S. Contractor J. V.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS adalah merupakan sebuah syarikat awam (public company) dan ianya adalah bertanggungjawab kepada pemegang-pemegang sahamnya. Kerajaan tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membuat kenyataan bagi pihak PLUS mengenai operasi kewangan atau prestasi syarikat tersebut. Segala permohonan untuk memperolehi maklumat berkenaan modal berbayar dan prestasi PLUS boleh diperolehi daripada Pendaftar Syarikat.

**JAWATANKUASA TERBITAN
MODAL—SENARAI AHLI**

46. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan senarai ahli Capital Issue Committee. Apakah fungsi CIC sebenarnya. Setakat manakah CIC berpegang teguh kepada konsep bersih, cckap dan amanah. Apakah keadaan yang akan wujud sebelum Kementeriaannya mengkaji semula fungsi dan prestasi CIC.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) telah dilubuhkan pada bulan Jun 1968 oleh Menteri Kewangan untuk memastikan perkembangan pasaran modal yang teratur. CIC ditubuhkan secara rasminya dengan berkuatkuasanya Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA) pada 7hb Julai, 1983. Ahli Jawatankuasa dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan pada ketika ini terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Sctiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Pendaftar Syarikat dan tiga orang wakil daripada kalangan ahli perniagaan. Wakil daripada kalangan ahli perniagaan adalah Yang Berbahagia Tan Sri Basir bin Ismail, yang juga Pengerusi CIC, Yang Berbahagia Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin dan Encik Oh Siew Nam.

Pcranan CIC ialah untuk memastikan bahawa perkembangan pasaran modal adalah teratur dengan cara mengawalselia terbitan sekuriti-sekuriti oleh syarikat awam berhad dan/atau penyenaraian sekuriti-sekuriti tersebut di bursa saham di Malaysia. CIC juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti syarikat awam tidak terjejas apabila syarikat awam menerbitkan sekuriti dalam keadaan-keadaan yang telah dicitukan

di bawah Seksyen 6 SIA, semua cadangan hendaklah dikemukakan kepada CIC oleh—

- (i) semua syarikat awam berhad yang ditubuhkan di Malaysia (kecuali syarikat di bawah pengecualian dengan perintah Menteri Kewangan melalui Warta Kerajaan) untuk tujuan;
 - (a) terbitan sekuriti baru atau lawaran untuk menjual sekuriti kepada orang ramai, sama ada terbitan atau tawaran uniuik jualan tersebut merupai terbitan awam atau melalui penempatan persendirian;
 - (b) terbitan hak;
 - (c) terbitan bonus melainkan yang dipermodalkan dari keuntungan yang tidak diagihkan;
 - (d) skim peraturan, skim penyusunan semula, skim pengambilalihan, skim opsyen syer dan pcrolahan aset melalui terbitan sekuriti; dan
 - (e) penyenaraian dan setiul-harga sekuriti di bursa saham.
- (ii) semua syarikat awam berhad yang ditubuhkan di luar Malaysia yang ingin menerbitkan atau menawarkan sekuriti untuk jualan kepada orang ramai atau yang ingin menyenaraikan sekuriti-sekuriti tersebut di bursa saham, sebelum prospektus-prospektus yang berkaitan didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat; dan
- (iii) semua syarikat awam berhad yang ditubuhkan di luar Malaysia yang telahpun disenaraikan di bursa saham

tempatan, yang ingin menyenaraikan dan menyebutharga sebarang sekuriti tambahan. CIC sentiasa berpegang kepada konsep bersih, cekap dan amanah.

Pertanyaan Yang Berhormat yang terakhir, iaitu 'apakah keadaan yang akan wujud sebelum Kementerianya mengkaji semula fungsi dan prestasi CIC' kurang jelas maksudnya. Walau bagaimanapun, fungsi CIC yang telah diltapkan di bawah SIA tidak pernah berubah. Dalam pengendalian fungsinya, CIC berpandu kepada satu set garis panduan. Garis panduan ini teriakluk kepada perubahan mengikut perkembangan industri sekuriti dan akan dipinda dari masa ke semasa.

PERKHIDMATAN RAWATAN KECEMASAN OLEH HOSPITAL SWASTA

47. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianya untuk mewajibkan hospital-hospital swasta memberi rawatan kecemasan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Memang hasrat Kementerian Kesihatan menggalakkan hospital-hospital swasta menyediakan perkhidmatan rawatan kecemasan. Bagi hospital yang tidak mempunyai perkhidmatan tersebut, mereka sentiasa dinasihatkan untuk memberi rawatan kecemasan kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya sebelum merujuk kes-kes berkenaan ke hospital-hospital yang lain.

SRJK(C) DAN SRJK(T)— KENAIKAN KE TINGKATAN SATU

48. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyalakan:

- (a) sama ada formula 4A2C bagi murid-murid S.R.J.K.(C) dan

S.R.J.K.(T) terus naik ke Tingkatan Satu Sekolah Menengah masih dipakai pada akhir tahun ini dan seterusnya. Jika tidak, mengapa; dan

- (b) mengapa bilangan murid-murid golongan ini pada akhir tahun 1991 berbeza antara jawapan Menteri di Dewan ini, iaitu jumlahnya sebanyak 3,077 orang dan pengumuman Timbalan Menteri Yang Berhormat dari Selandar iaitu jumlahnya sebanyak 7,000 hingga 8,000 orang. Bilangan siapakah yang benar.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) berdasarkan kepada Akta Pelajaran 1961, murid-murid daripada SRJK(C) dan SRJK(T) di mana bahasa pengantar utamanya bukan Bahasa Malaysia dikehendaki mengikuti kelas peralihan selama satu tahun sebelum dibolehkan memasuki tingkatan satu di sekolah menengah kebangsaan.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 1991 Kabinet telah memberi kelonggaran supaya murid-murid dari SRJK yang mengambil dan lulus kertas Bahasa Malaysia SK/SRK dalam Peperiksaan UPSR dengan minimum Gred C dan mendapat 4A bagi semua mata pelajaran dalam alirannya boleh dikecualikan daripada mengikuti kelas peralihan.

- (b) Bagi tahun 1991, bilangan murid dari SRJK yang layak ke tingkatan satu tanpa melalui kelas peralihan adalah seramai 3,077 orang.

**"PARABOLIC ANTENNA"—
KEBENARAN PENGGUNAAN**

49. **Tuan Lim Hock** Seng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan penggunaan "Parabolic Antenna" untuk menyaksikan siaran television dari luar negeri melalui satelite.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang membenarkan penggunaan 'Parabolic Antenna' untuk menyaksikan siaran television dari luar negeri.

**SOALAN LISAN KEPADA
MENTERI PENGANGKUTAN—
JUMLAH**

50. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak Dr Ling Liong Sik jadi Menteri Pengangkutan:

- (a) berapa soalan lisan yang dikemukakan di Dewan Rakyat memerlukan jawapan dari Menteri sendiri;
- (b) berapa jawapan telah dijawab oleh Menteri sendiri;
- (c) berapa jawapan telah dijawab oleh Timbalan atau Setiausaha .Parlimennya; dan
- (d) berapa soalan tidak dijawab dan apakah alasannya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ling Liong Sik telah dilantik menjadi Menteri Pengangkutan Malaysia mulai 7hb Januari, 1986. Mengikuti rekod Kementerian ini, mulai tarikh tersebut sebanyak 543 soalan lisan telah dikemukakan di mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat untuk jawapan Kementerian Pengangkutan. Ini

termasuklah sebanyak 63 soalan lisan yang telah dijadualkan untuk mesyuarat yang sedang bersidang sekarang ini.

Uniuk menjawab bahagian (b) dan (c), sukacita saya merujuk kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang mana membenarkan sama ada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan Kementerian di bawah jagaan atau bidangkuasa mereka. Siapa yang menjawab tidaklah penting, yang penting ialah ketepatan jawapan yang diberikan.

Mengikuti rekod Kementerian ini juga lebih kurang 69% daripada pertanyaan-pertanyaan lisan yang telah dikemukakan di Dewan ini telah dijawab. Manakala yang selebihnya tidak sempat dijawab atas sebab kesuntukan masa yang diperuntukkan untuk sesi soal jawab. Sukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat berkenaan, beliau bolehlah merujuk kepada Penyata Rasmi Parlimen untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara ini.

**PESAWAT PEJUANG
MIG 29—PEMBELIAN**

51. **Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauhmanakah Malaysia berbincang dengan Russia berhubung dengan cadangan untuk membeli pesawat pejuang MIG 29. Apakah hasil penilaian dari sekumpulan pegawai kanan TUDM ke Russia akhir tahun lalu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Perkara ini masih lagi dalam kajian dan perbincangan. Kerajaan dan Kementerian Pertahanan akan membuat keputusan sama ada akan membeli atau tidak pesawat MIG 29, setelah kajian yang teliti dibuat mengenai segala aspek berkenaan dengan pesawat tersebut.

**SIDANG KEMUNCAK BUMI
DI BRAZIL—PENDIRIAN
KERAJAAN**

52. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap Sidang Kemuncak Bumi atau Earth Summit yang akan diadakan di Brazil pada bulan Julai akan datang. Apakah faktor-faktor yang akan kita bawa ke persidangan itu jika bercadang menghantar wakil.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan pada 29hb April, 1992 bahawa Malaysia akan menghadiri Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) atau yang juga dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi atau 'Earth Summit' yang akan berlangsung pada 3hb hingga 14hb Jun, 1992 di Rio de Janeiro, Brazil. Pengumuman ini dibuat selepas penerimaan Deklarasi Kuala Lumpur oleh semua negara-negara membangun yang menghadiri Persidangan Kedua Menteri Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 27hb hingga 29hb April, 1992 yang lalu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan mengetuai delegasi Malaysia kelak akan membawa isu-isu alam sekitar dan pembangunan berasaskan Deklarasi Kuala Lumpur ini. Deklarasi Kuala Lumpur ini mengandungi kedudukan dan pandangan negara-negara membangun mengenai beberapa isu lerlentu yang masih dirundingkan di dalam proses persediaan ke UNCED. Perkara-perkara yang dimaksudkan termasuk isu-isu sumber kewangan, pemindahan teknologi, kepelbagaian biologi, perubahan iklim, perhutanan dan institusi.

**WARGANEGARA JERMAN
MENDAPTAR SEBAGAI
PEMILIH DI SABAH**

53. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya telah selesai membuat penyiasatan tentang bagaimana seorang warganegara asing (German Youth) bernama Daniel Peter berumur 16 tahun boleh berjaya mendaftarkan dirinya sebagai pengundi meskipun beliau baru sahaja berada di Sabah. Kalau sudah, nyatakan secara terperinci bagaimana ini boleh berlaku dalam satu negara yang sentiasa bercakap mengenai penguatkuasaan undang-undangnya, malahan selama ini telah membuat penafian demi penafian terhadap beberapa kes mengenai kejadian pendaftaran sebagai pengundi oleh warganegara asing yang selalu dibangkitkan oleh rakyat Malaysia di Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Perkara yang dibangkitkan mengenai Daniel Peter berumur 16 tahun seorang warganegara Jerman yang kononnya lelah didaftarkan sebagai pemilih di Negeri Sabah adalah satu kenyataan yang tidak tepat. Orang yang bernama Daniel Peter yang berumur 16 tahun tidak pernah didaftarkan sebagai pemilih. Laporan yang diterima oleh SPR ialah bahawa orang yang berkenaan telah mencuba untuk mendaftar sebagai seorang pemilih dengan menggunakan kad pengenalan seorang lain iaitu S. Azman Saidin @ Azaman yang sememangnya layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Bagaimana kad pengenalan S. Asman Saidin boleh jatuh ke tangan pemuda Jerman itu tidaklah diketahui. Oleh itu, kenyataan yang menyatakan bahawa pemuda Jerman telah didaftarkan sebagai pemilih adalah tidak benar sama sekali dan ia merupakan satu tuduhan yang nakal.

**SEKOLAH RENDAH DI SEPAKO,
BELAGA—PEMBUKAAN
SEMULA**

54. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan berhajat untuk membuka semula sekolah rendah di Sepako, Belaga dan jika Kementerian berhajat berbuat demikian, bilakah ia akan dilaksanakan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membuka semula sekolah rendah di Sepako, Belaga kerana sekolah yang sedia ada dapat menampung pertumbuhan pelajar di daerah tersebut.

**SEKOLAH DI LONG GANG,
BELAGA—MENGGANTIKAN
BANGUNAN USANG**

55. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian berhajat untuk menggantikan bangunan-bangunan sekolah di Long Gang, Belaga memandangkan ia sudah usang dan tidak selamat.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menggantikan bangunan-bangunan sekolah usang dan tidak selamat digunakan. Peruntukan besar diberi di bawah program ubahsuai baiktaraf sekolah-sekolah. Jadi, berhubung dengan sekolah-skolah di Long Gang, Belaga adalah dalam perhatian pihak Jabatan Pendidikan Negeri. Penggantian dan baiktaraf akan dibuat sebaik sahaja keadaan sekolah tersebut dikenakan dan kewangan Kerajaan mengizinkan.

**PERKHIDMATAN
HAEMODIALYSIS SWASTA**

56. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan tetap melaksanakan tindakan untuk menswastakan Pusat "Haemodialysis" di Hospital Kerajaan;
- (b) jika ya, adakah Kerajaan telah mengambil kira masalah yang akan dihadapi oleh pesakit buah pinggang terkandas apabila menerima rawatannya di Pusat Swasta yang mana mereka membayar kadar bayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan tersebut;
- (c) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti pesakit yang menerima rawalan tidak iriembayar bayaran berlebihan seperti menentukan kadar bayaran sebenarnya; dan
- (d) pada masa ini berapa orang pesakit yang didaftarkan dan sedang menerima rawatan Haemodialysis di Hospital Kerajaan di seluruh negeri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) & (b) Kementerian ini tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini menggalakkan penubuhan perkhidmatan haemodialysis swasta berasingan sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang sedia ada dengan syarat ianya memenuhi keperluan-keperluan

tertentu bagi memastikan perkhidmatan yang dibrikan kepada pesakit adalah berkualiti.

- (c) Di hospital-hospital Kementerian Kesihatan, bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan haemodialysis adalah seperti yang terdapat di dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982. Terdapat prosidur tertentu bagi pengecualian bayaran. Bagi perkhidmatan swasta, Kerajaan hanya boleh memberi pandangan serta nasihat, dan berpulang kepada pihak swasta untuk menentukan bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakitnya.
- (d) Scramai 362 orang pesakit sedang menerima rawatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara.

KEBUDAYAAN TRADISIONAL RAKYAT MALAYSIA— PENGUNAAN PATUNG PLASTIK

57. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar hampir semua patung-patung plastik yang digunakan untuk mempamerkan pakaian-pakaian, cara-cara kehidupan dan aktiviti-aktiviti kebudayaan tradisional rakyat Malaysia berketurunan Melayu, Cina dan India adalah bermuka dan berpotongan badan Caucasian, dan sama ada pihak yang berkenaan sedia mengambil tindakan untuk memperbetulkan situasi ini.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Saya sedar hampir semua patung-patung plastik yang digunakan untuk

mempamerkan pakaian-pakaian, cara-cara kehidupan dan aktiviti-aktiviti kebudayaan tradisional rakyat Malaysia yang berketurunan Melayu, Cina dan India adalah bermuka dan berpotongan badan Caucasian. Bagaimanapun, perkara tersebut adalah di luar kawalan Kementerian saya. Malah ia adalah soal pilihan pniaga-peniaga yang membeli atau menempah patung-patung plastik berkenaan. Saya berpendapat soal ini memerlukan kesedaran yang menyeluruh di kalangan rakyat Malaysia terhadap soal identiti.

PESAWAT HAWK DAN SISTEM RADAR MARTELLO—KOS PEMBELIAN

58. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kos bagi British Aerospace Hawks 200, sistem radar Marlello dan sekolah latihan di Mersing yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman (M.O.U.) dengan British;
- (b) apakah kos bagi dua buah kapal pengawal baru tersebut dan bagaimana pembelian baru ini (dan bukannya kapal perang kecil) menjcaskan S5 billion yang asalnya di dalam M.O.U.;
- (c) apakah peranan Bakti Udara di dalam urusan ini dan setakat ini, berapa banyak yang telah dibayar; dan
- (d) apakah lain-lain pembayaran yang telah dibuat oleh British di dalam usaha mendapatkan perjanjian senjata ini,

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Kos bagi pesawat Hawk (10 x Hawk 100 dan 18 x Hawk 200) dan peralatan berkaitan, adalah

berjumlah \$402,876,645. Sementara kos perolehan untuk Radar Martello adalah berjumlah \$795 juta dan kos bagi membina phase satu Sekolah Latihan di Mersing adalah dianggarkan sebanyak M\$200 juta.

- (b) Kos kontrak bagi perolehan 2 x kapal frigate adalah berjumlah \$1.424 bilion. Soal pembelian ini menjejaskan siling MOU sebanyak \$5 bilion adalah tidak berbangkit. Ini kerana dalam MOU yang ditandatangani tidak menyentuh siling tertentu. Ianya menyenaraikan projek-projek MOU sahaja.
- (c) Bakti Udara tidak terlibat dengan urusan niaga yang dimaksudkan ke atas pembelian Pesawat Hawk dan Sistem Radar Martello. Proses pemberian kontrak perbekalan pesawat dan radar ini adalah langgungjawab Perbendaharaan.
- (d) Sukacita dimaklumkan bahawa tiada apa-apa pembayaran yang telah dibuat oleh pihak British dalam usaha mendapatkan persepahaman berkenaan.

PROJEK PERGAU— PERTELINGKAHAN

59. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai pertelingkahan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan di atas projek Pergau dan syarat-syarat penyelesaian tersebut.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya telahpun menjawab soalan ini pada 6hb Mei, 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

SAHAM SYARIKAT TELEKOM KEPADA MIC

60. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa MIC telah diberikan 2 juta saham Syarikat Telekom Bhd. sebagai pemegang amanah bagi pthak kaum India;
- (b) adakah saham tersebut masih dalam tangan MIC atau telah dijual dan kalau dijual, sila nyatakan jumlah serta keuntungan yang diterima dari jualan tersebut;
- (c) apakah yang terjadi kepada wang tersebut, adakah ia disimpan dalam bank atau didermakan kepada siapa; dan
- (d) apakah syarat yang ditetapkan untuk pemberian 2 juta saham ini kepada MIC.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Isu-isu yang dibangkitkan dalam pertanyaan ini tidak ada kaitan dengan Kementerian saya.

PENDATANG TANPA IZIN INDONESIA—JUMLAH

61. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pada masa kini berapakah jumlah pendatang haram dari Indonesia yang berada di Malaysia;
- (b) mengapa Kerajaan membicarakan ratusan pendatang haram dari Indonesia memasuki Malaysia dan mereka boleh bekerja secara terbuka dan merampas peluang pekerjaan daripada rakyat Malaysia;

- (c) apakah jumlah pendatang haram dari Indonesia yang terlibat dalam kes-kes jenayah di Malaysia. Sila berikan butir-butirnya dari Januari 1985 sehingga April 1992; dan
- (d) apakah tindakan yang telah dianjil dan akan diambil terhadap pendatang haram Indonesia. Sila berikan butir-butirnya.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kerajaan tidak dapat menentukan jumlah sebenar Pendatang Tanpa Izin (PATI) Indonesia yang berada di negara ini kerana kemasukan mereka adalah secara tidak teratur.
- (b) Kerajaan tidak pernah membenarkan mana-mana orang asing, termasuk warganegara Indonesia memasuki dan bekerja di negara ini secara haram. Tindakan tegas sentiasa diambil ke atas mereka jika dikesan.
- (c) Jumlah PTI Indonesia yang ditangkap kerana melakukan jenayah di negara ini dari tahun 1985—April 1992 adalah seramai 5,631 kes.
- (d) Tindakan mengawal kehadiran dan kemasukan PTI Indonesia ke Malaysia dikuatkuasakan melalui cara-cara berikut:
- (i) memperketatkan kawalan-kawalan perairan dan sempadan Malaysia-Indonesia.
 - (ii) mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang dapat dikesan serta mengusir keluar selepasnya.

**BUNGA RAYA SEBAGAI
BUNGA KEBANGSAAN—ASAL
USUL**

62. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) asal-usul bunga raya dipilih menjadi bunga kebangsaan; dan
- (b) memandangkan bahawa bunga raya itu terlalu lumrah sifatnya, dan terdapat bukti bahawa dalam tradisi Malaysia, bunga "raya pernah dianggap lambang keaiban dan kehinaan, adakah Kerajaan bercadang memilih bunga lain sebagai bunga kebangsaan yang dapat dibanggakan.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Asal-usul bunga raya dipilih sebagai bunga kebangsaan oleh Kerajaan merupakan jalan tengah apabila sebahagian besar rakyat mencadangkan bunga mawar dan bunga melor dipilih sebagai bunga kebangsaan. Alasan Kerajaan ialah:
 - (i) Bunga raya sudah terkenal di kalangan masyarakat kita;
 - (ii) Warnanya terang dan memaparkan unsur-unsur kegembiraan serta melambangkan keberanian.
 - (iii) kelopaknyanya yang lebar dan melentur tidak kurang cantiknya dari bunga-bunga lain;
 - (iv) pokoknya berbunga sepanjang masa, mudah ditanam dan tidak bermusim.
- (b) Adalah tidak benar bunga raya itu melambangkan keaiban dan kehinaan.

**BIASISWA/PINJAMAN OLEH
JPA—BILANGAN**

63. Tuan Fong Kui Lun minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah biasiswa/pinjaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada para pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum yang mencapai kelulusan cemerlang dalam peperiksaan SPM bagi tahun 1990 dan 1991 serta tempoh 1992 (sehingga 31-3-92) dan daripada jumlah yang terpilih mengikuti kursus A Level yang dianjurkan oleh JPA, berapakah yang berjaya melanjutkan pengajian mereka ke luar negeri.

Setiausaha Parlimen di-Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, bilangan biasiswa dan pinjaman yang diperuntukkan oleh JPA, bagi menaja pelajar-pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran keluar negeri, iaitu untuk tahun 1990, 1991 dan unjuran bagi tahun 1992 adalah berjumlah 4,688 orang kesemuanya. Kedudukan pecahan kepada bilangan tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pelajar</i>
1990	1,750 orang
1991	1,243 orang
1992 (Unjuran)	1,795 orang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut, bilangan pelajar yang ditaja oleh JPA bagi Program 'A' Level untuk tahun 1990, 1991 dan unjuran bagi tahun 1992 adalah berjumlah seramai 2,006, iaitu seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pelajar</i>
1990	756 orang
1991	540 orang
1992 (Unjuran)	710 orang

Pencapaian pelajar-pelajar yang menyertai Program 'A' Level dalam tahun 1990 belum dapat dinilai kerana mereka akan menduduki peperiksaan pada bulan Jun 1992 ini. Dengan ini, bilangan pelajar 'A' Level yang akan dihantar melanjutkan pelajaran keluar negeri adalah bergantung kepada keputusan yang akan mereka peroleh.

**STM—PEMBERIAN KONTRAK
KEPADA SYARIKAT
ANTARABANGSA**

64. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa menawarkan kontrak STM sebanyak dua bilion ringgit kepada 5 syarikat antarabangsa, iaitu Telfonaktiebolaget Ericsson dari Sweden, NEC Corp dan Fujitsu LTD dari Japan dan Alcatel Alsthom dari Perancis dan adakah tender prosedur telah diamalkan dengan lengkap dan adil;
- (b) adakah betul bahawa keputusan oleh STM untuk memberi kontrak tersebut kepada tiga syarikat dengan harga yang paling rendah, iaitu Ericsson, NEC dan Siemens, telah ditolak oleh Kementerian Kewangan dan jika ya, apakah maksudnya pengsyarikatan sekiranya Lembaga Pengarah STM tidak berkuasa untuk membuat keputusan sendiri;
- (c) adakah betul bahawa kontrak kepada 5 syarikat antarabangsa itu yang ditawarkan oleh Kementerian Kewangan akan memakan pembelanjaan tambahan sebanyak 300 juta ringgit untuk tujuan interfacing, spares, operational difficulties dan planning engineers; dan

- (d) kenapa Kementerian Kewangan memuluskan untuk menambah bilangan talian telefon di bawah projek ini ke paras 4 juta daripada 750,000 seperti yang telah dirancang oleh STM asalnya.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

- (a) Pemberian kontrak sebanyak \$2 bilion kepada 5 syarikat aniarabangsa telah dibuat oleh Lembaga Pengarah Telkom Malaysia sendiri mengikut prosedur tender yang diamalkan dengan lengkap dan adil. Ia dibuat setelah mengambilkira di antara lain, faktor-faktor berikut:
- (i) sebutharga yang berpatutan;
 - (ii) keupayaan syarikat-syarikat tempatan yang bergabung dengan syarikat-syarikat antarabangsa berkenaan;
 - (iii) kepentingan industri telekomunikasi tempatan.
- (b) Kata putus dalam permlihan dan pemberian kontrak berkenaan dibuat oleh Lembaga Pengarah Telkom Malaysia mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- (c) Jika ada sebarang lambahan kos kepada kontrak yang ditawarkan, kos ini akan ditanggung oleh pembekal.
- (d) Penambahan bilangan talian adalah berasas kepada keperluan mengikut kajian yang dibuat semula dalam Business Plan bagi jangka masa 5 tahun yang akan datang.

PULAU BATU PUTIH, PULAU SIPADAN DAN PULAU SPRATLY—ISU TUNTUTAN

65. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyalakan:

- (a) adakah Malaysia mempunyai strategi yang berbeza-beza dalam menghadapi isu Pulau Batu Putih, Pulau Sempadan dan Pulau Spratly; dan
- (b) sejauhmana Malaysia mampu menghadapi masyarakat antarabangsa dan negara-negara jiran untuk memperlahankan ketiga-tiga pulau itu secara serentak.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Hakmilik Malaysia ke atas Pulau Batu Putih, Pulau Sipadan dan Ligitan dan pulau-pulau lain di Laut China Selatan yang menjadi hakmilik Malaysia akan dipertahankan berasaskan kepada undang-undang antarabangsa.
- (b) Malaysia sedia menyelesaikan isu tuntutan ke atas pulau-pulau yang berkenaan secara damai melalui rundingan diplomatik. Pendirian ini sejajar dengan undang-undang antarabangsa dan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut. Kita yakin pendirian Malaysia ini akan mendapat sokongan dari masyarakat antarabangsa.

**PENYAKIT KELAMIN—
BILANGAN KES/JENIS**

66. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kes penyakit-penyakit ketamin yang dilaporkan

mengikut jenis-jenis penyakit bagi tahun 1988, 1989, 1990, 1991 dan masa terkini;

- (b) bilangan kes penyakit-penyakit kelamin yang dilaporkan mengikut jenis-jenis penyakit bagi tahun 1990, 1991 dan masa terkini mengikut pecahan negeri-negeri; dan
- (c) bilangan kematian kes penyakit-penyakit kelamin yang dilaporkan mengikut jenis-jenis penyakit bagi tahun 1990, 1991 dan masa terkini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) ada tiga jenis penyakit kelamin yang biasanya dilaporkan kepada pihak kesihatan, iaitu Gonorrhoea, Sifilis dan Chancroid. Bilangan penyakit-penyakit kelamin tersebut yang dilaporkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Jenis Penyakit	1988	1989	1990	1991
Gonorrhoea	5,324	5,459	2,908	2,457
Sifilis	1,790	1,968	1,457	1,798
Chaneroid	123	117	46	88

- (b) Bilangan penyakit kelamin yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jenis, Penyakit	1990	1991
Perlis	Gonorrhoea	6	16
	Sifilis	37	10
	Chaneroid	—	—
Kedah	Gonorrhoea	56	77
	Sifilis	88	104
	Chaneroid	1	2
Pulau Pinang	Gonorrhoea	509	220
	Sifilis	175	319
	Chaneroid	25	41
Perak	Gonorrhoea	50	48
	Sifilis	88	92
	Chaneroid	—	1
Selangor	Gonorrhoea	143	225
	Sifilis	63	93
	Chaneroid	16	43
Negeri Sembilan	Gonorrhoea	48	21

Negeri	Jenis Penyakit	1990	1991
Melaka	Sifilis	54	32
	Chaneroid	2	—
	Gonorrhoea	67	65
Johor	Sifilis	50	87
	Chaneroid	—	—
	Gonorrhoea	182	134
Pahang	Sifilis	145	123
	Chaneroid	—	—
	Gonorrhoea	21	15
Terengganu	Sifilis	75	40
	Chaneroid	—	—
	Gonorrhoea	17	15
Kelantan	Sifilis	107	83
	Chaneroid	—	—
	Gonorrhoea	54	58
Sabah	Sifilis	76	71
	Chaneroid	—	—
	Gonorrhoea	1,053	950
Sarawak	Sifilis	42	139
	Chaneroid	2	1
	Gonorrhoea	702	613
	Sifilis	457	605
	Chaneroid	—	—

- (c) Tidak ada kematian penyakit kelamin dilaporkan untuk tahun 1990, 1991 dan masa kini.

SIARAN TELEVISYEN DALAM BAHASA SUKU KAUM

67. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memasukkan siaran television dalam bahasa suku kaum yang ramai penduduknya seperti Iban dan Kadazan untuk mempercepatkan integrasi nasional dan matlamat negara ke arah Wawasan 2020.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kementerian Penerangan tidak bercadang untuk mengubah dasar komunikasi bahasa yang digunakan oleh Jabatan Penyiaran. Bahasa Malaysia masih merupakan bahasa utama dan bahasa kedua adalah Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi imernasional. Oleh itu, bagi mendedahkan rakyat jelata bagi perkembangan dunia, Bahasa Inggeris masih dikekalkan sebagai bahasa kedua.

Di samping itu, Jabatan Penyiaran juga menggunakan bahasa-bahasa lain bagi kepentingan Kementerian di negara ini. Untuk mempermudah integrasi nasional adatah difikirkan bahawasanya Bahasa Malaysia seharusnya difahami oleh semua, dan oleh itu adalah dinasihatkan agar rakyat dalam negara ini memfasihkan diri mereka dalam Bahasa Malaysia.

Memperbanyakkan penyiaran dalam bahasa-bahasa suku kaum adalah tidak menepati hasrat untuk menyatukan rakyat negara ini, malahan akan mengakibatkan perpecahan yang berterusan. Oleh itu, dasar komunikasi yang ada pada hari ini akan dikekalkan oleh Kementerian saya.

KAUM PENAN—HALANGAN MEMBALAK DI KEM PELUTAN, ULU BARAM, SARAWAK

68. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi sekatan kaum Penan di Kem Pelutan, Ulu Baram. Apakah tujuan sekatan kaum Penan itu; dan
- (b) berapakah kejadian sekatan oleh kaum Penan yang dapat dikesan oleh Kerajaan. Bagaimanakah setiap kejadian itu diatasi.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) (i) Halangan membalak di Kem Pelutan, Ulu Baram, Sarawak telah didirikan oleh kaum Penan pada 24-6-1991. Ekoran daripada kejadian ini, pihak Kerajaan telah mengadakan beberapa siri perundingan dengan wakil atau ketua kaum Penan. Akhirnya pada 3-3-1992, halangan balak tersebut telah dibubarkan.

- (ii) Kaum Penan mendirikan halangan balak ini bertujuan untuk menghindar pekerja-pekerja balak dari rnengusahakan konsesi kawasan balak yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan.
- (b) (i) Dari tahun 1987 hingga kini, seba'nyak 126 sekatan telah didirikan. Daripada jumlah ini sebanyak 45 sekatan telah didirikan oleh kaum Penan.
- (ii) Sekatan-sekatan ini telah dapat diatasi melalui bayaran pampasan "saguhati", memberi peluang pekerjaan, membrci barangan keperluan dan alat membaik rumah'panjang dan juga melalui perintah Mahkamah.

PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

69. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) setakat ini dasar Kerajaan untuk mengawal penangkapan ikan laut dalam telah berjaya atau gagal;
- (b) berapa banyakkah lesen-lesen penangkapan ikan laut dalam telah dikeluarkan mengikut pecahan negeri dan kaum sama ada Kerajaan atau swasta;
- (c) berapa banyakkah lesen-lesen ini telah dikeluarkan kepada badan-badan usahasama Malaysia dan negara-negara luar dan negara-negara manakah yang terlibat; dan
- (d) adakah Kementerian berpuas-hati dengan pencapaian dasar tersebut setakat ini, dan-jikalau

tidak, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) Pada dasarnya sctakat ini Kerajaan telah berjaya untuk mengawal penangkapan ikan di perairan laut dalam melalui bebcrapa cara seperti pengeluaran lesen dan pengawalseliaan ke atas bot-bot laut dalam yang scdang bcoperasi.
- (b) Bilangan lesen bot laut dalam yang telah dikeluarkan mengikut negeri dan kaum adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Lesen Dikeluarkan</i>	<i>Mengikut</i>	<i>Kaum</i>
		<i>B</i>	<i>BB</i>
Kedah	22	13	9
Perlis	34	21	13
Pulau Pinang	8	8	—
Perak	64	—	64
Sdangor	3	—	3
Johor	78	33	45
Pahang	150	123	27
Terengganu	71	67	4
Kelantan	41	41	—
Sabah	25	18	7
Sarawak	73	25	48
Labuan	7	6	1
Jumlah	576	355	221

Semua lesen-lesen tersebut adalah dikeluarkan kepada individu/syarikat dan Pertubuhan Nelayan dan tiada lesen dikeluarkan kepada Kerajaan.

- (c) Sctakat ini tiada lesen dikeluarkan kepada badan-badan usahasama Malaysia dengan negara-negara luar, memandangkan usahasama perikanan terscbut memerlukan perjanjian perikanan dua hala

antara dua buah Kerajaan yang berkenaan dan sehingga kini perjanjian tersebut belum lagi diwujudkan.

- (d) setakat ini Kementerian Pertanian berpuashati dengan pencapaian dasar berhubung dengan pcrikanan laut dalam di negara ini.

**BAHAN PERTANIAN UTAMA—
PENENTUAN HARGA PASARAN**

70. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pcrusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah dasar Kcrajaan bagi menjaga kedudukan pengusaha-pengusaha pengeluaran bahan-bahan pertanian scpcrrii getah, kelapa sawit, koko dan kopi dari segi peningkatan harga pasaran dan sebagainya;
- (b) apakah daya dan usaha kita sebagai sebuah negara utama menghasilkan bahan-bahan tersebut bagi menentukan harga pasaran dan sebagainya; dan
- (c) adakah baik jikalau pengeksportan bahan-bahan ini disalurkan melalui sesuatu badan yang tertentu untuk mengawasi dan menyelaraskan harga dan pasaran.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:

- (a) & (b) Untuk mcjawab soalan (a) dan (b), adalah dimaklumkan bahawa dasar Kcrajaan bagi menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha dan pegeluar bahan-bahan pertanian utama iailu getah, kclapa sawit, koko

dan kopi adalah seperti berikut:

- (i) Memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran baru melalui aktiviti-aktiviti galakan seperti mengadakan misi-misi ekonomi dan teknikal ke luar negeri di samping menyertai seminar-seminar pemasaran dan pameran-perdagangan.
- (ii) Menyertai perundingan perdagangan pelbagai hala di bawah GATT dan perbincangan dua hala untuk mengurangkan atau menghapuskan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif terhadap barangan utama termasuk usaha untuk menangkis lobi anti minyak kelapa sawit.
- (iii) Bekerjasama dengan negara-negara pengeluar dan pengguna dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa untuk menstabilkan harga getah dan juga menganggotai Perikalan Pengeluar-pengeluar Koko untuk bersama-sama mencari jalan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga yang berlaku pada masa ini.
- (iv) Memesatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap barangan utama untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan memperbaiki mutu seria menambah kegunaan akhir; dan
- (v) Berusaha untuk terus menggalakkan pembangunan industri hiliran yang menggunakan bahan pertanian bagi menambah nilai-tokok sejajar dengan rancangan Pelan Induk Perindustrian Malaysia.

Mengcni soal penentuan harga pasaran pula, saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa perkara ini bukanlah begitu mudah dilakukan kerana harga barangan ini bergantung kepada beberapa faktor seperti perminiaan dunia, bekalan daripada pesaing dan sebagainya. Apa yang penting ialah Malaysia sentiasa meningkatkan tahap kecekapan dari segi pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran.

- (c) Buat masa ini, Malaysia mengamalkan sistem pemasaran bebas yang mengikut keadaan permintaan dan penawaran dunia. Sistem pemasaran dan saluran pasaran ini didapati berjalan dengan memuaskan dan sesuai dengan dasar peng-

swastaaan bagi menggalakkan perkembangan aktiviti ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang mewujudkan sesuatu badan bagi menyelaraskan pengeksporan dan harga bahan-bahan tersebut.

MISI PBB—JUMLAH ANGGOTA TENTERA YANG TERLIBAT

71. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan anggota Tentera Malaysia yang terlibat dalam operasi Pasukan Pengaman PBB di Kemboja dan di negara-negara lain;
- (b) berapakah jumlah kos yang terlibat dalam operasi ini;
- (c) apakah faedah-faedah yang bakal diperolehi; dan
- (d) bagaimanakah prestasi Anggota Tentera sewaktu mereka menjalan tugas.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Keseluruhan jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia yang terlibat dalam Misi-misi PBB pada ketika ini adalah seramai 886 anggota. Penglibatan penugasan adalah seperti berikut:
 - (i) Kemboja—United Nations Transitional Authority in Cambodia' (UNTAC) seramai 863 anggota.
 - (ii) Kuwait—United Nations Iraq Kuwait Observer Mission (UNIKOM) seramai 6 anggota.

- (iii) Anggota—United Nations Angola Verification Mission II (UANVEM II) seramai 15 anggota.
- (iv) Sahara Barat—United Nations Mission For The Referendum In Western Sahara (MINURSO) seramai 1 anggota.
- (v) Iraq—Penugasan United Nations Office of Secretary General in Iraq (UNOSGI) seramai 1 anggota.

- (b) Kos keseluruhan yang terlibat dalam operasi ke Kemboja adalah sebanyak \$21,550,147.84. Pccahan adalah seperti berikut:

(1) Kos Pergerakan

(i) Pergerakan peralatan dengan kapal PNSL	\$1,593,962.80
(ii) Pergerakan anggota dengan C130	\$680,968.60
(iii) Pergerakan mesyuarat kordinasi	\$25,797.00
Jumlah:	\$2,300,728.40

(2) Kos Peralatan Pakai Habis

(i) Petroleum, Minyak dan Pelicir	\$169,032.00
(ii) Rangsum Bungkus dan Kering	\$963,367.94
(iii) Peralatan daripada pasukan	\$6,307,511.40
(iv) Wang tunai pendahuluan untuk Catuan Basah dan Kecemasan	\$151,000.00
(v) Ubat-ubatan	\$571,326.56
Jumlah:	\$8,162,237.90

(3) *Kos Peralatan Kapital*

(i) Peralatan daripada pasukan	\$4,205,008.46
(ii) Peralatan Pembatan dan Pergigian	\$380,884.38
(iii) Kenderaan	\$38,000.00
Jumlah:	\$11,087,181.54
Jumlah Besar:	\$21,550,147.84

Scmua kos telah didahulukan oleh Kerajaan Malaysia. PBB akan membayar balik kepada Kerajaan Malaysia Kos Penghantaran dan Kos Peralatan Pakai Habis. Untuk Kos Peralatan Kapital, PBB akan membayar nilaisusul harga tahunan peralatan tersebut untuk penggunaannya di Kemboja. Peralatan Kapital akan dibawa balik selepas tamat misi di Kemboja.

Kos Penghantaran anggota ke negara-negara lain juga ditanggung oleh PBB.

(c) *Faedah-faedah yang diperolehi adalah:*

- (i) mengukuhkan dasar keamanan Kerajaan Malaysia di arena antarabangsa.
- (ii) Mempertingkatkan imej negara.
- (iii) Mengasaskan perintis pertalian diplomatik dan mewujudkan asas pculuang perdagangan dua hala.
- (iv) Memberi pengalaman dan pendedahan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia dalam bidang operasi di peringkat antarabangsa.

(v) Mewujudkan kesefahaman dan kerjasama di kalangan anggota-anggota dari berbilang negara.

(vi) Meningkatkan kemampuan serta prestasi aturgerak dan lojislik ketenteraan di medan.

(vii) Membuktikan tahap kemampuan dan taraf profesionalisme Angkatan Tentera Malaysia.

(d) Prestasi dan kemampuan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia setakat ini adalah amat memuaskan dan membanggakan. Kenyataan ini telah diumumkan sendiri secara rasmi oleh Wakil Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mr Sandry semasa mesyuarat staf pada 3hb April, 1992 dan 7hb April, 1992 di Markas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu New York. Angkatan Tentera Malaysia juga telah berjaya melaksanakan tugas dan aturgerak dengan efektif walaupun dalam masa yang singkat. Angkatan Tentera Malaysia telah juga mendapat kepujian semasa dalam penugasan 'United Nations Transitional Assistance Group* (UNTAG) di Namibia mulai Mac 1989 hingga Mac 1990. Semasa perbarisan tamat tugas, 'Force Commander', Lt. Gen. Prem Chand dan Wakil Khas Setiausaha Agong PBB, Mr Marui Attashari telah memberi pujian terhadap pelaksanaan tugas dan juga komitmen yang ditunjukkan oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia semasa penugasan. Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia yang berterusan dalam misi-misi lain PBB juga membuktikan

bahawa kemampuan anggota-anggota tentera kita adalah di antara yang terbaik dan diakui.

**ANGGOTA TENTERA—
KEMALANGAN MELIBATKAN
KEHILANGAN NYAWA**

72. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa di kalangan Anggota Tentera sekatan ini dan punca-punca utama kematian; dan
- (b) apakah bentuk-bentuk bantuan yang telah diberikan kepada keluarga mangsa-mangsa yang terlibat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Jumlah kemalangan yang telah melibatkan kehilangan nyawa ialah seramai 2,191 semenjak tahun 1946. Punca-punca utama kematian adalah disebabkan:
 - (i) kemalangan jalanraya.
 - (ii) kemalangan udara.
 - (iii) tugas semasa gerakan menentang komunis.
- (b) Bentuk-bentuk bantuan yang telah diberi adalah:
 - (i) pencen dan ganjaran terbitan.
 - (ii) bayaran pampasan ex-gratia dari Kerajaan. (Kes kemalangan udara sahaja).
 - (iii) bantuan wang pengkebumian.
 - (iv) saguhati dari derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara bagi kematian dalam tugas.

(v) wang faedah kematian dari Lembaga Tabung Angkatan Tentera (anggota lain-lain pangkat sahaja).

- (vi) insurans kelompok dari Koperasi Tentera jika menjadi ahli.
- (vii) sumbangan kolektif dari anggota pasukan.

**ZON PERDAGANGAN BEBAS
DI PERLIS**

73. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang mewujudkan Zon Perdagangan Bebas (FTZ) yang dikhususkan kepada industri berteknologi tinggi di negeri Perlis Indera Kayangan;
- (b) sama ada Kerajaan berpuashati dengan tahap pelaburan asing yang berjaya ditarik masuk ke dalam negara sepanjang tahun 1991;
- (c) sama ada Kerajaan-kerajaan Negeri memberikan kerjasama kepada saranan Kerajaan supaya Kerajaan Negeri tidak menghantar rombongan menarik pelaburan secara asing ke negeri-negeri luar; dan
- (d) sama ada benar dakwaan bahawa Kerajaan Jepun menghentikan aktiviti pelaburan di negara asing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Perdagangan Antarabangsa dan
Industri (Tuan S.S. Subramaniam):**

- (a) Satu Zon Perdagangan Bebas telah dirancang untuk dibangunkan di Padang Besar, Mukim

Titi Tinggi, Negeri Perlis Indra Kayangan. Tindakan sedang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk mewartakan kawasan tersebut sebagai Zon Perdagangan Bebas. Mengikut rancangan Kerajaan Negeri Perlis, Zon Perdagangan Bebas ini adalah unik aktiviti perkilangan dan perdagangan dan bukan khusus untuk industri berteknologi tinggi.

- (b) Kerajaan berpuashati dengan tahap pelaburan asing bagi projek-projek yang telah diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 bagi tahun 1991 di mana jumlah pelaburan yang diterima adalah sebanyak \$15,956 juta.
- (c) Kerajaan-Kerajaan Negeri telahpun memberi kerjasama kepada saranan supaya misi-misi penggalakan pelaburan keluar negara dibuat secara bersepadu bagi mendapat faedab yang maksimum daripada misi-misi tersebut, memandangkan misi-misi ini mempunyai sasaran (target) pelabur-pelabur yang sama.
- (d) Kerajaan negeri Jepun tidak menghentikan aktiviti-aktiviti luar negeri oleh sektor swasta mereka. Perkembangan prestasi yang lembab dalam pasaran stok dan hartanah baru-baru ini di Jepun, telah menyebabkan banyak syarikat-syarikat Jepun mengurangkan alau menangguhkan rancangan mereka untuk melabur di luar negeri. Dalam keadaan ini, Kerajaan akan mempergiatkan usaha-usahanya untuk menarik pelaburan dari negeri Jepun. Satu misi pelaburan ke negara Jepun telahpun diadakan pada bulan April 1992 dan misi susulan akan diadakan pada bulan Jun 1992.-

DAGING ARNAB— PENGUNAAN

74. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa banyak daging arnab yang digunakan oleh rakyat Malaysia dibandingkan dengan negara di rantau ini dan negara Eropah;
- (b) apakah manfaat memakan daging arnab dan adakah terdapat khasiat kesihatan kesan memakan daging arnab;
- (c) adakah Kerajaan bercadang menggalakkan pemakanan lebih banyak daging arnab dan lain-lain daging kurang kolesterol dan kesan yang boleh diperolehi sekiranya cadangan ini berjaya; dan
- (d) sama ada Kementerian Pertanian membuat perancangan jangka panjang untuk membiakan arnab sebagai sumber utama protein.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) Penggunaan daging arnab oleh rakyat Malaysia adalah masih terlalu rendah berbanding dengan negara-negara Eropah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah ini:

Penggunaan Daging Arnab

	(1000 Tan)	Anggaran Per Kapita (Kg)
Negara	1990	1990
Malaysia	0.071	—
Italy	282	3.5
Perancis	228	3.2
Spain	147	3.0
Belgium- Luxemburg	46	1.2
Switzerland	22	1.3

- (b) Banyak manfaat memakan daging arnab berbanding dengan daging-daging lain. Ini kerana daging arnab mempunyai banyak khasiat seperti kandungan kolestrol yang rendah dan protein yang tinggi seperti dalam jadual di bawah ini:

Nilai Pemakanan Daging Arnab Berbanding Dengan Daging Yang Lain

Daging	Protein (%)	Fat (%)	Mineral (%)	Cholesterol (MG/KG)	Calorie Per.100 gm.
Anub	20.7	6.2	1.0	50	118
Lembu	18.3	18.2	0.9	95	217
Ayim	18.0	9.0	1.1	90	219
Babi	13.3	34.2	0.8	110	396

Daging arnab adalah merupakan daging putih yang lebih bersih dari daging yang lain. Ianya dikenali sebagai vegetarian meats.

- (c) Kerajaan memang menggalakkan rakyat Malaysia memakan daging sebagai pilihan kerana daging arnab mempunyai nilai pemakanan dan khasiat yang lebih baik berbanding dengan daging-daging lain. Tumpuan utama kempen tersebut ialah kanak-kanak sekolah di mana FAMA pada masa ini menjalankan berbagai program kempen ini seperti:
- (i) pertandingan masakan arnab di peringkat sekolah, peringkat Negeri dan Kebangsaan.
 - (ii) menyalurkan maklumat dan latihan guru sains Rumah Tangga.
 - (iii) mengadakan billboard di kawasan strategik.
 - (iv) menyiarkan filem iklan di TV.

- (v) menyebarkan poster yang mengandungi kandungan khasiat.
- (vi) melatih penternak arnab supaya dapat memasarkan dengan cekap.
- (vii) menyebarkan resepi masakan arnab.

Dengan memakan lebih daging arnab, diharapkan rakyat Malaysia akan bertambah sihat dan dari badan yang sihat akan mengeluarkan gunatenaga yang cerdas dan cergas.

- (d) Tujuan JPH menggalakkan pemeliharaan arnab ialah untuk mempelbagaikan sumber protein di dalam negara. Matlamat JPH ialah supaya daging arnab boleh mengambilalih 20.0% penggunaan daging ayam pada tahun 2020 kerana khasiatnya yang begitu baik, Kementerian Pertanian semenjak dari dahulu lagi membuat perancangan jangka panjang bagi menambahkan sumber protein. Perancangan jangka panjang arnab ialah JPH telah menubuhkan satu ladang arnab pembiakan di Kluang untuk membekalkan baka-baka arnab yang terbaik dan bermutu tinggi.

**KERETA RASMI KERAJAAN—
KEBENARAN MEMBELI**

75. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyalakan:

- (a) adakah Kerajaan membekalkan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan yang layak mendapat kemudahan kereta rasmi yang dipakai oleh mereka dengan harga yang murah apabila mereka bersara atau berhenti dari perkhidmatan; dan

- (b) berapakah jumlah kereta-kereta rasmi Kerajaan yang telah dijual kepada mereka yang telah bersara atau berhenti dari perkhidmatan sejak tahun 1980 hingga sekarang;
- (c) bagaimanakah penilaian dibuat ke atas sebutharga kereta-kereta berkenaan sewaktu dijual kepada mereka yang membeli; dan
- (d) adakah duti import Kastam diambil kira dalam harga yang ditaksirkan sewaktu kereta-kereta berkenaan dijual.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Pegawai-pegawai Tertinggi Kerajaan yang diperuntukkan dengan kereta rasmi membeli kereta-kereta rasmi tersebut apabila mereka bersara.
- (b) Jumlah kereta-kereta rasmi yang telah dijual sejak tahun 1980 hingga sekarang ialah 332 buah.
- (c) Kereta-kereta tersebut adalah dijual dengan harga tertentu yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan kepada umur kereta-kereta berkenaan pada tarikh bersara dan harganya semasa dibeli iaitu harga kontrak pusat.
- (d) Di dalam penetapan harga jualan kereta-kereta tersebut, duti import tidak diambil kira.

PENYAKIT KELAMIN DI SARAWAK—KAWALAN

76. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan

diambil uniuik mengawal penyakit kelamin (STD) yang kini berkeleusa di Sarawak seperti yang dinyatakan oleh Dr Andrew Kiyu seorang doktor pakar dari Hospital Besar Kuching, Sarawak:

- (a) apakah punca-punca yang telah dikenalpasti oleh Kementerian Kesihatan yang membawa kepada berleluasanya penyakit ini; dan
- (b) apakah peringkat umur mercka yang dijangkit pnyakit ini dan dari mana asal mreka. Apakah cara pencarian mreka.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengawal pnyakit kelamin di Sarawak serla juga di lain-lain seperti di Malaysia adalah seperti berikut:
 - (i) peruntukan undang-undang yang memerlukan kejadian penyakit ini diberitahu kepada pihak kesihatan yang berwajib.
 - (ii) pendidikan kcsihatan yang dijalankan scara bersemuka di antara doktor dan pcsakitnya.
 - (iii) memabri perkhidmatan rawatan perubatan untuk pnyakit kelamin lermasuk perkhidntnan makmal di hospital-hospital di negara kita ini.
 - (iv) menjalankan latihan unluk kakitangan di Kementerian Kesihatan.
 - (v) menjalankan pengawasan kebangsaan kejadian kekebalan kuman G o n o r r h o e a e (Pcnicillinase Producing Neisseria Gonorrhoeae—PPNG).

- (vi) menjalankan kajian epidemiologi penyakit kelamin 'dari masa ke semasa.
- (a) Berkenaan dengan apakah punca-punca yang membawa kepada berleluasanya penyakit ini, di antara faktor-faktor yang dikenalpasti boleh dikaitkan dengan merebaknya penyakit kelamin ialah kurangnya pengetahuan terutamanya di kalangan pelacur-pelacur mengenai cara-cara mencegah penyakit kelamin serta bertambahnya pergerakan (mobile) yang kerap di kalangan golongan muda.
- (b) Golongan yang banyak terlibat dengan penyakit kelamin adalah di kalangan golongan umur antara 20 hingga 40 tahun. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 1976 dan 1986, golongan buruh dan golongan pekerja di mana tugas mereka melibatkan perjalanan keluar yang kerap merupakan kumpulan yang paling ramai mendapat penyakit kelamin.

BAYARAN PERMIT TEKSI DISABAH

77. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bahawa teksi di Semenanjung sekarang tidak perlu membayar permit tetapi teksi di Sabah masih dikehendaki membayar wang sebanyak \$60.00 (enam puluh ringgit) setahun untuk membaharui permit mereka. Adakah Kementerian berkenaan merancang untuk membuat sedemikian bagi teksi-teksi di Sabah.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Memang terdapat perbezaan dari segi pungutan cukai-cukai

perkhidmatan pengangkutan di antara Sabah dengan Semenanjung Malaysia. Perkara ini sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Mengenai bayaran yang dikenakan ke atas teksi di Sabah, Kementerian akan mengkaji ini dan akan diselaraskan dengan Semenanjung.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.3) 1991

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.1) 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1991 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari kedua*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.25 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala B.25 di bawah Kementerian Pertahanan untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

3.37 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah saya sebutkan Airshow LIMA ini bukan sahaja pameran, bahkan juga hasrat pihak Kementerian untuk menjadikan ini satu peluang yang besar, untuk membeli-belah bagi alat-alat tentera, dengan izin, military hardware. Dengan sebab itulah saya akan menyentuh beberapa perkara yang kena-mengena dengan hasrat ini.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada satu cita-cita yang tinggi iaitu untuk menjadikan LIMA ini sebagai "World Ranking" yang sama taraf dengan pameran di Paris, Paris Airshow, di Pamberra, Great Britain dan ASEAN Arab Aerospace di Singapore, Dubai Airshow dan juga di Canada Airshow. Jadi yang keenam adalah yang dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Langkawi LIMA. Menurut pendapat Yang Amat Berhormat ialah tambah lagi pameran untuk maritim dan juga untuk pesawat-pesawat bukan sahaja bagi tentera bahkan bagi pesawat-pesawat awam dan jet-jet eksekutif.

Saya diberitahu bahawa setakat ini ada 150 syarikat antarabangsa yang mengambil bahagian di dalam LIMA tahun lepas, dan tahun 1993 dijangkakan 500 syarikat antarabangsa akan menyertainya. Ini merupakan satu pameran yang terbesar di rantau ini dan pihak kami, kalau kita boleh menjayakan LIMA ataupun pameran Airshow dan Maritime Show yang begitu dahsyat yang dapat menarik perhatian dunia khususnya negara-negara di rantau ini, itu adalah satu cita-cita yang baik. Walau bagaimanapun, kita hendak membuat beberapa persoalan mengenai kelemahan-kelemahan, misalnya ada banyak sungutan, rungutan mengenai peserta-peserta yang tiba di Langkawi, tetapi

tidak dapat mencari tempat-tempat penginapan dan kemudahan-kemudahan lain. Ini menunjukkan satu kekurangan yang besar dan besar dan sebab itulah saya semalam ada membangkitkan mengenai laporan LIMA itu yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada bulan November yang lepas, Tetapi setakat ini walaupun dikatakan dalam tempoh dua bulan laporan ini akan disiapkan, tetapi entahlah 5 atau 6 bulan kemudiannya tidak nampak lagi. Jadi, baiklah bagi pihak Kementerian untuk mengumumkan apakah kelemahan-kelemahan yang wujud semasa LIMA tahun lepas. Dan ekoran daripada itu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah mengatakan, dengan izin:

"In terms of purely defence requirements we will be able to familiarize ourselves with the latest technology that is available in these sectors."

Ini bermakna beliau dan pakar-pakar Kementerian Pertahanan lelah pergi ke LIMA untuk membeli-belah, menyaksi, menaksir serta menilai pesawat-pesawat dan alat-alat kelengkapan tentera yang lain untuk perkembangan-perkembangan bagi mempertingkatkan pertahanan di Malaysia.

Soalan yang wujud ialah dengan akhirnya perang dingin dan Block Soviet Union tidak wujud lagi, hanya kekuatan tentera Amerika Syarikat yang ada sekarang ini, apakah dasar Kementerian Pertahanan? Bukan sahaja perbelanjaan itu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, pertanyaan dasar itu.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan, itu satu contoh sedikit-sedikitlah (*Ketawa*) tetapi...

Seorang Ahli: Tipu.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak tipu—macam mana tipu. Tuan Pengerusi pernah menjadi Hakim tahukah,...

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak payah tipu. Dan dengan zaman pancaroba, zaman perubahan ini aliran baru blok-blok tentera berkurangan, tetapi perbelanjaan bertambah. Itulah yang menjadi satu masalah. Dan adakah benar pihak Kementerian telah menempah ataupun berhasrat untuk mendapat Off-shore Petrol Yessel (OPV) yang diperlukannya 18 sehingga 24 buah OPYnya? Kalau ini benar, ia merupakan satu pembinaan kapal laut yang terbesar di rantau ini. Dan mungkin selepas ini Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) akan menjadi tentera laut yang lebih kuat, mungkin terkuat di rantau ini. Dan apakah benar bahawa ekoran daripada LIMA ini juga pihak Kementerian akan memperuntukkan \$52 juta lagi untuk mengubahsuaikan NURI-NURI pesawat yang tua-tua ini kita akan gunakan lagi dengan pengubahsuaian \$52 juta daripada syarikat-syarikat Avionic. Dan juga adakah benar pihak Kementerian, ekoran daripada \$5 juta telah membeli 4 buah Maritime Petrol Aircraft B-200-T daripada American Aircraft Manufacturer Beach Craft? Saya diberitahu bahawa pesawat ini adalah canggih yang dapat membuat banyak tugas termasuk rondaan ke atas Exclusive Economic Zone dan sebagainya.

Dan akhirnya, Tuan Pengerusi.....

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi

tidak kena-mengena dengan peruntukan yang diminta. Peruntukan hanya tentang pameran LIMA 1991 sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang ada kena-mengena kerana itu menjadi satu tempat belibelah oleh pihak Tentera. Macam mana tidak kena-mengena kerana diminta hampir \$5 juta untuk membelanjakan ke atas pameran yang ditafsirkan sebagai raksasa, satu yang icrbesar di rantau ini. Kalau kita tidak boleh hendak bangkitkan hal itu, macam mana tafsiran Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Akhirnya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Akhirnya.... macam mana begitu, sikap tidak betullah.

Akhirnya, Kerajaan telah memperumukkan \$50 juta untuk mempertingkatkan Lapanganterbang Langkawi bagi maksud LIMA dan juga untuk membeli tanah-tanah di sekitarnya serta membina dewan konvensyen, dewan persidangan dan dewan pameran untuk LIMA. Adakah ini tidak kena-mengena dengan LIMA?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Berkaitan.

Dr Tan Seng Giaw: Berkaitan, itu setuju sekarang.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah habis Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Habis. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Nilam Puri.

3.43 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, Butiran 010000, Maksud B.25. Saya ingin

bertanya beberapa persoalan Pameran LIMA ini memakan belanja Kerajaan hampir \$5 juta (\$4.93 juta) sedangkan syarikat-syarikat kapalterbang yang datang untuk membuat pertunjukan itu adalah syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai kewangannya yang kukuh, yang edaran kapalterbang mereka di seluruh dunia. Kenapa kita perlu mengeluarkan wang hampir \$5 juta untuk memanggil mereka membuat airshow di negara kita, sedangkan sepatutnya kita menyediakan tempat, dan mereka datang ke tempat kita untuk membuat pameran? Kalau boleh, kita berusaha, mereka yang menyumbang kepada negara kita. Sebab kita keluar belanja yang begitu besar, sudah dikeluarkan, hasil yang kita perolehi belum tentu dapat menambahkan hasil untuk negara.

Perbelanjaan hampir \$5 juta ini yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan tidak termasuk lagi badan-badan yang lain. Kita dengar khabar PETRONAS juga terlibat. Berapa pula belanja yang dikeluarkan oleh PETRONAS dan badan-badan yang lain, Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Kalau dicampur semua secara detail barangkali kita mengeluarkan belanja lebih daripada \$5 juta, sedangkan bila kita hendak membeli senjata, kapalterbang dan sebagainya, kita mengirim pegawai Tentera ataupun orang-orang di Kementerian Pertahanan pergi ke kilang, tempat membuat senjata itu. Ertinya kalau tanpa pameran pun selalunya kita pergi shopping direct di tempat pembuat senjata itu. Dan kita selalu membuat pameran senjata, airshow di Langkawi dan juga pameran senjata baru-baru ini di PWTC.

Setakat ini kita tidak lahu hasil daripada pameran ini, misalnya daripada airshow di Langkawi ini berapa banyak negara-negara ASEAN

menempah kapalterbang yang dipamerkan itu ataupun Malaysia sendiri menempah kapalterbang yang dipamerkan itu. Dan untung-rugi dari kehadiran mereka, orang-orang yang kononnya hendak melihat airshow ini menyebabkan berlaku pula inflasi yang begitu hebat di Langkawi, menyebabkan penduduk tempatan tidak dapat menikmali apa-apa hasil daripada Pameran LIMA- ini. Yang dapat hasil sudah tentulah taukeh-iaukeh hotel dan juga mereka yang mcmiliki restoran-restoran besar, tetapi orang-orang Langkawi amat gclisah dengan kenaikan harga barang secara mengejut bila berlaku Pameran LIMA ini. Jadi, kita bimbang wang kita dikeluarkan begitu banyak, tetapi hasil yang kita perolehi, kita harap Timbalan Menteri Perlahanan dapat mendetailkan sedikit hasil daripada airshow kepada kita. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan peruntukan tambahan Kementerian Pertahanan tadi. Saya suka hendak mengulas kepada Yang Berhormat dari Nilam Puri dahulu. Peruntukan yang telah dibelanjakan seperti yang tercatat sebanyak \$4.930 juta ini adalah berkait dengan LIMA 1991 di mana peranan Kerajaan dalam pameran ini yang memerlukan kita berbelanja sebanyak itu, iaitu untuk kita menyambut tetamu-tetamu daripada negara asing, teeamu-tetamu Kerajaan seperti ketua-ketua negara, menteri-menteri pertahanan dan juga pegawai tinggi daripada negara asing. Bagi pihak swasta, kita tidak ada membelanjakan ataupun meraikan mereka menggunakan peruntukan Kerajaan.

Selain daripada itu, penganjur juga mengenakan bayaran kepada para-para pempamer dan peserta-peserta per-tunjukkan. Jadi, wang yang dikutip itu adalah untuk menampung perbelanjaan mereka. Tetapi Kerajaan membelan-jakan \$4.93 juta ini selain daripada untuk membiayai tetamu kita daripada luar negeri adalah perbelanjaan kepada projek-projek infrastruktur yang mana projek-projek ini kekal di Langkawi untuk kegunaan orang ramai dan juga pada masa yang akan datang.

Jadi, walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa pihak penganjur mengenakan bayaran kepada semua peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam pameran ini. Walau bagaimanapun, haruslah difahami bahawa Langkawi sehingga pada tahun sudah di mana kita mengadakan pameran itu adalah terdapat banyak kekurangan bagi mengadakan suatu pameran yang sebesar ini. Sepatutnya kalau kita adakan di Kuala Lumpur, maka perbelanjaan sebanyak ini mungkin tidak akan kita belanja langsung seperti Pameran DSA baru-baru ini, Kerajaan tidak mcm-belanjakan langsung wang untuk pameran itu kerana dewan tersedia, kemudahan dan sebagainya. Tetapi Kerajaan sendiri memutuskan LIMA mestilah' dibuat di Langkawi dengan beberapa tujuan.

Yang pertama ialah untuk menarik pelaburan asing. Bukan tujuan utama kita hendak melihat pameran-pameran peralatan senjata ini seperti yang disebut tetapi lebih pada yang pertama, menarik pelaburan asing—bagi Langkawi ini ialah dalam bidang industri aerospace dan maritim. Kesannya sekarang ini kita telah dapat hasil daripada LIMA itu iaitu sebuah Sekolah Latihan Penerbangan telah ditubuhkan di Langkawi dan beberapa industri berkaitan dengan aerospace akan dibuat di Langkawi dan ini akan menyebabkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempaian.

Yang keduanya, memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan Malaysia. Scbclum ini, seperti yang kita maklum untuk menarik orang ramai ke Langkawi adalah agak sukar. Dengan adanya promosi LIMA maka kita dapati jumlah pelancong dan pelawat dari dalam dan luar negara telah bertambah. Hasilnya beberapa buah hotel antarabangsa telah dibina di sana. Itu adalah kerana untuk persediaan kepada LIMA.

Berkenaan dengan inflasi yang disebut, ini tidak timbul oleh kerana harga barang yang mahal itu adalah disebabkan sikap peniaga-peniaga yang memandang keuntungan jangka pendek kerana orang terlalu ramai pada masa itu, mereka telah menaikkan harga tetapi penduduk tempatan.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh? Sedikit sahaja. Saya pun begitu kagumlah pada tindakan Kerajaan mengadakan airshow LIMA ini di Langkawi. Soalan saya, oleh kerana ini adalah bertujuan untuk memajukan pelancongan, jadi adakah peluang Sarawak jadi tuan rumah LIMA ini ataupun SIMA?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kerajaan mestilah mempunyai perancangan dan strategi tertentu untuk beberapa buah negeri. Umpamanya Sarawak sepanjang yang saya tahu adalah maju dalam pelancongan tetapi Langkawi ini adalah satu kawasan yang baru hendak dimajukan. Sebab itulah Kerajaan telah menenulkan LIMA itu dibual di Langkawi.

Berkenaan dengan harga barang tadi, penduduk tempatan tidak terlibat kerana mereka mungkin tidak banyak

menggunakan restoran untuk tempat makan, Yang dinaikkan harga barang ialah kebanyakan barang makanan, perkhidmatan-perkhidmatan yang berkait dengan orang ramai. Penduduk tempatan tidak terlibat.

Berkenaan dengan hotel-hotel dan kedai makan, kalau sekiranya tidak maju pelancongan dan tidak ada orang yang tinggal di hotel dan makan, penduduk Langkawi juga susah kerana yang bekerja di hotel-hotel ini kebanyakannya penduduk tempatan. Jadi, tidaklah benar bahawa hanya taukeh-taukeh hotel sahaja yang menikmali keuntungan oleh kerana semua pihak menikmati keuntungan akibat daripada majunya industri perhotelan dan pelancongan dan ramai penduduk tempatan mendapat peluang pckerjaan.

Yang kedua, Kerajaan juga mendapat cukai perkhidmatan, cukai jualan, cukai keunlungan syarikat dan sebagainya hasil daripada keuntungan hotel-hotel ini. Jangka panjangnya haruslah kita melihat daripada skop yang lebih luas.

Tuan Pengerusi, selain daripada sebab-sebab pelancongan dan juga membawa pelaburan asing, jumlah ataupun faedah yang akan didapati oleh negara adalah secara tidak langsung. Memang tidak ada bayaran secara langsung kepada Kerajaan tetapi faedah-faedah tidak langsung seperti perkembangan pelaburan, perdagangan, perniagaan, pelancongan dan memperkenalkan negara kita, ini semuanya tidak dapat diukur dengan wang ringgit ataupun dapat dijelaskan sekarang ini. Ia memakan masa dalam jangka yang panjang. Jadi, sebab itulah Kerajaan melabur sebanyak \$4.9 juta untuk mengadakan LIMA di Langkawi dan kita rasa pada masa akan datang yang mana pada tahun 1991, pertunjukan itu adalah pertama kali diadakan tetapi pada tahun 1993, adalah dianggarkan Kerajaan tidak

akan membelanjakan begitu banyak wang yang seperti ini. Oleh kerana kali kedua kita menganjurkan ini, kita akan mendapat sambutan yang lebih hebat daripada peserta-peserta dan juga kita telah belajar daripada kelemahan-kelemahan kita dan kita boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan kita itu.

Bagi Ahli daripada Kepong, yang pertama sekali suka saya menyebut tentang laporan. Memang benar laporan telah kita siapkan tetapi laporan ini tidak pernah kita janji untuk dibentangkan di Parlimen. Laporan ini telah dibuat untuk Kerajaan dan laporan ini telah diserahkan kepada Kabinet dan telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22hb Januari 1992.

Berkenaan dengan penginapan dan kelemahan-kelemahan yang lain, Tuan Pengerusi, kita sedar memang banyak kelemahan-kelemahan yang didapati hasil daripada mengunjurkan LIMA ini tetapi kita mengetahui bahawa Langkawi ini serba kekurangan untuk mengadakan pameran sebesar itu dan oleh itu kita akan memperbaiki setiap kelemahan-kelemahan hasil daripada yang telah kita belajar daripada tahun 1991. Di antaranya umpamanya hotel. Dijangkakan pada tahun 1993, 4,000 buah bilik hotel akan dapat diadakan di Langkawi.

Selain daripada itu, Ahli daripada Kepong juga ada menyebut tentang peralatan tentera. Tuan Pengerusi, saya tidak akan menjawab tentang pembelian OPV dan juga pembaikan NURI dan lain-lain itu kerana tidak ada kena-mengena dengan pameran ini iaitu LIMA 1991. Jadi, saya rasa itu sahajalah perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,930,000 untuk

Maksud B.25 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,930,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B.26 dan B.27 (Jadual Pertama)—

Maksud B.26 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.26 dan Kepala B.27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Ya, Padang Terap.

3.57 *ptg.*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 4 A Tahun 1992 di bawah Maksud B.26, pertama sekali dan juga Kertas Perintah 3 A Tahun 1992 di bawah Maksud B.26 juga iaitu yang pertama, tambahan sebanyak \$1,000,000 adalah dikehendaki untuk menampung pembelian buku-buku rujukan, manuskrip, ensaiklopedia dan jurnal untuk Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam dan selepas itu tambahan pula \$300,000 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan perasmian bangunan Insitut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam dan Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Islam.

Saya mengambil peluang di sini, Tuan Pengerusi, supaya sekurang-kurangnya \$1,000,000 yang telah dibelanjakan dan akan dibelanjakan apabila diminta peruntukan tambahan ini digunakan untuk membeli buku-buku rujukan ataupun menggunakannya untuk membuat kajian-kajian untuk menumpas banyak salah anggap mengenai dengan masyarakat Islam di nusantara ini.

Misalannya, Tuan Pengcrusi, sudah lama wujud satu, kita kata intellectual propaganda di kalangan ahli-ahli kaji selidik khususnya di Amerika yang membahagikan masyarakat Islam di nusantara khususnya. Pertama pembahagian mengikut Cundamentalis dan reformis.

Saya terbaca satu penulisan baru-baru ini mengenai hal ini yang mana orang-orang Islam yang dikatakan fundamentalis itu adalah ordng-orang yang sembahyang lima kali sehari mengikut Rukun Islam yang lima sepenuhnya dan mempercayai pada enam Rukun Iman. Ini adalah satu intellectual propaganda yang sangat malicious, yang sangat nakal yang mana pada kita semua orang-orang Islam adalah fundamcnialis kalau mengikut definisi yang mercka bual ini.

Jadi, adalah tanggungjawab kepada institut ini untuk menumpas ataupun membasmikan kefahaman-kefahaman ini. Lagi satu kefahaman yang dibawa oleh ahli-ahli kaji di pusat-pusat pengajian di Amerika yang masyhur adalah mengenai dcngan pembahagian orang-orang di nusantara kepada nominal Muslims dan true Muslims. Jadi, dalam pembahagian nominal Muslims dan true Muslims ini di Indonesia misalannya, dibahagikan kepada tiga—Kumpulan Abangan itu orang bawah, kumpulan Santri dan juga kumpulan Pria. Akibal daripada pembahagian ini, Tuan Pcngrusi, ialah satu pergolakan di dalam masyarakat Islam itu sendiri iaitu orang Abangan dikatakan sebagai nominal Muslims. Orang Santri ia dikatakan true Muslims dan orang Pria pun dikatakan nominal Muslims.

Jadi, saya fikir perkara pertama yang palut diambil perhatian oleh Pusat Pengajian Pemikiran dan Tamadun Islam ini bukan sahaja untuk mengorek segala karya-karya Islam di nusantara yang lama-lama dahulu tetapi juga untuk mengatasi masalah-masalah "intellectual propaganda" yang dibawa

oleh golongan-golongan orientalis ini, sehingga ianya mempengaruhi masyarakat kita sendiri sehingga di dalam masyarakat kita sendiri di kalangan orang Islam pun -ada pembahagian yang dibuat oleh orang-orang Islam sendiri kepada yang kurang Islam, yang lebih Islam dan lain-lain lagi. Kerana ini adalah hasil daripada pengaruh yang dibawa oleh paradigm di dalam bidang ilmu oleh kumpulan-kumpulan ahli fikiran Barat.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun,

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Ya, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya tidak tahulah apa bidang ini yang sangat rumit bagi saya. Saya pun tidak faham, cuma saya yang tanya itu apakah kategori akan diadakan sama ada untuk umat Islam, semua serupalah. Tidak ada perbezaan-perbezaan, cuma ada perbezaan-perbezaan rantau pun, di dalam negara sendiri pun tidak ada perbezaan. Apakah kategorinya? Misalnya, ada yang lebih hendak mengikut cara-cara, mengikut kitab-kitab yang tertentu, ada yang mengikut Al-Quran sahaja dan sebagainya. Macam-mana kita membeza-bezakan orang seperti ini? Misalnya, Al-Arqaam, ada Tabligh dan sebagainya. Macam-mana kita membeza-bezakan golongan-golongan seperti ini? Cuma saya tidak fahamlah mengenai bidang yang rumit dan juga sensitif. (*Ketawa*)

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan "Pengerusi, terima kasihlah kepada Yang Berhormat sahabat saya daripada Kepong yang minta saya memberi secara mendalam tetapi ianya akan mengambil masa yang panjang. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Kepong berpuas hati dengan apa yang saya kata tadi.

Pada kita, setiap orang Islam itu adalah fundamentalists. Tidak perlu orang-orang lain untuk membeza-bezakan bahawa ini fundamentalist, ini reformist kerana apa yang dimaksudkan oleh fundamentalist mengikut definisi mereka ialah orang yang sembahyang lima kali sehari, orang yang mengucap dua kalimah syahadat dan melakukan segala rukun apa yang dituntut di dalam Rukun Islam dan juga Rukun Iman. Jadi, dengan adanya pembahagian umat Islam oleh orang-orang Barat mengikut definisi yang mereka sendiri lakukan, maka ianya mendatangkan satu gejala yang buruk di kalangan, bukan sahaja di kalangan orang-orang lain yang tidak memahami masyarakat Islam itu, tetapi juga ianya mempengaruhi orang-orang Islam sendiri supaya membeza-bezakan di antara mereka, hanya di atas alasan bukti ataupun yang lidak ada ataupun yang sengaja diadakan. Jadi, inilah saya minta supaya wang yang diperuntukkan ini digunakan ke arah itu. Kebanyakan digunakan ke arah untuk pembasmian kefahaman yang mengikut paradigme, minta maaf, tadi saya guna "paradigm" tetapi sebutan orang kita sekarang paradigme iaitu satu ruang lingkup knowledge ataupun ruang lingkup pengetahuan ataupun dipanggil dengan paradigme. Jadi, inilah yang menjadi masalah-masalah kepada masyarakat Islam dan juga masyarakat bukan Islam yang ingin mengetahui tentang masyarakat Islam. Oleh itu, saya harap wang yang diminta ini digunakan secara yang arif, bukan sahaja seiakat hendak mencari manuskrip-manuskrip lama malahan ianya digunakan untuk menyelesaikan masalah sejagat, masalah contemporary.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan cadangannya berkaitan dengan bagaimana pentingnya ada buku-buku, jurnal-jurnal yang sebenar-benarnya mencerminkan, dengan izin, mainstream thoughts untuk agama Islam.

Kerana saya bukan seorang pakar dalam pengajian Islam, memang saya salurkan cadangan tersebut dan Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperluaskan koleksi kila, khususnya untuk membolehkan rakyat jelata iaitu bukan sahaja orang Islam tetapi juga untuk orang bukan Islam untuk memahami dengan lebih lepat tentang fikiran mainstream ataupun fikiran sebenarnya berkaitan dengan tamaddun Islam dan sebagainya. Dan di sini saya juga hairan dengar sikap Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengakui bahawa beliau bukan seorang pakar tentang pengajian Islam. Tetapi bukan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Dr Fong Chan Onn: Saya belum habis. Tetapi sebelum pilihanraya, semua ahli partinya telah menyeru kepada masyarakat Cina bahawa kita haruslah sokong kepada parti PAS kerana ideologinya bukan merupakan satu ideologi moderate yang perlu disokong oleh masyarakat Cina. Selepas pilihanraya, beliau selalu akui terdapat silap. Jadi, dalam forum ini juga cubalah sebagai sandiwara menentang hasrat parti-parti kawan mereka di Parlimen ini. Saya haraplah strategi-strategi politik yang parasitic seperti itu

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak terkeluar dari tamadun Islam tadi. Sebab saya tidak tahulah sama ada dia ada memahami mengenai buku syariah ataupun pakar dalam syariah itu ataupun darul Islam ataupun

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Sebutkan sahaja point of order yang hendak dibangkitkan tanpa berhujah-hujah. 36 (1)?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (1), memandangkan dia sudah terkeluar daripada tajuk.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sudahlah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berbalik kepada tajuk.

Dr Fong Chan Onn: Memang saya berbalik kepada tajuk kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong dengan jelasnya telah akui dia bukan seorang pakar di bidang pengajian Islam. Tetapi beliau yakin untuk menasihati masyarakat Cina tentang cara-cara berkaitan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju supaya sebahagian daripada kerja-kerja Pusat Pemikiran dan Pembangunan Tamadun Islam ini digunakan untuk memberi education kepada Yang Berhormat dari

Kepong di dalam bidang tamadun dan juga bidang syariah dan lain-lain lagi mengenai Islam? (*Ketawa*)

Dr Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, memanglah salah satu tujuan untuk institut tersebut ialah untuk memberi pendidikan yang lebih sempurna kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak DAP dan pihak-pihak lain supaya mereka boleh faham dengan lebih tepat. Dan apabila mereka berjuang di bidang politik, mereka berjuang dengan sikap yang sebenar, sikap berparasitic ini. Sekian, terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sudah habis. Sudah habis, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: . . . seolah dia Tok Guru!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$300,000 untuk Maksud B.26; \$1,058,600 untuk Maksud B.27 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$1,000,000 untuk Maksud B.26 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$300,000 untuk Maksud B.26; \$1,058,600 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$1,000,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.28, B.30 dan B.32 (Jadual Pertama)—

Maksud B.28, B.29 dan B.30 (Jadual Kedua)—

Maksud P.28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1991—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.28, B.29, B.30, B.32 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas sekarang. Tumpat.

4.11 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.29, Perbendaharaan—Tambahan sebanyak \$327 juta lebih adalah untuk membayar balik pinjaman bank-bank perdagangan dan Sabah Gas Utilisation Project (SGUP). Persoalan yang saya ingin tanya dan timbulkan di sini ialah apakah perlu pihak Kementerian begitu bersusah payah untuk membayar hutang Sabah Gas ini? Apa yang saya difahamkan bahawa Sabah Gas berada di dalam situasi dan kondisi yang tenat dan mengalami kerugian. Sepatutnya hal ini tidak terjadi. Saya ingin tahu, apakah sebab keadaan itu telah terjadi?

Akibat daripada itu pihak Pusat, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk mengambilalih Sabah Gas ini melalui beberapa perundingan. Akhirnya pihak Kementerian bersedia untuk bukan sahaja mengambilalih Sabah Gas ini tetapi pihak Kementerian bersedia untuk membayar segala hutang yang ditanggung oleh Sabah Gas ini.

Sekali lagi saya tekankan di sini bahawa apakah yang menyebabkan pihak Kerajaan beria-ia sangat untuk mengambilalih Sabah Gas ini. Kenapa tidak diswastakan ataupun kenapa tidak mencari jalan-jalan yang lain yang lebih baik supaya pihak

Kementerian ataupun Kerajaan tidak akan mengalami bebanan di atas langkah-langkah yang telah diambil itu? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

4.13ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.28 Pcrbendaharaan di dalam Kertas Perintah 5A Tahun 1992 berkenaan dengan tambahan sebanyak \$7.6884 juta, dikehendaki untuk membeli 5,125,600 unit saham bagi Bank Islam.

Saya mengalu-alukan peruntukan ini untuk Bank Islam mendapatkan pendapatan yang banyak, sudah pasti kalau unit saham ini adalah unit Proton walaupun baru-baru ini TNB, saya fikir keuntungan yang banyak akan dibuat tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan Bank Islam itu di dalam perjalanan memberi dan menguruskan loan atau pinjaman-pinjaman oleh peminjam-peminjam. Kita tahu bahawa tidak ada banyak perbezaan di antara faedah, apa yang dikatakan faedah di dalam bank riba dan juga apa yang dikatakan pembayaran servis dari segi absolute, dari segi amaunnya. Jadi, keunikan Bank Islam selain daripada ianya menjalankan urusannya mengikut kaedah Islam, tidak ada langsung kerana pertama sekali apa yang dilakukan oleh Bank Islam ini segala tindakan-tindakan yang diambil ke atas peminjam-peminjam adalah sama seperti dengan bank-bank yang melakukan riba iaitu kalau Bank Islam hendak menjadikan ianya satu bank yang unik, tindakan-tindakan yang diambil mestilah merupakan tindakan-tindakan yang mempunyai perike-manusiaan yang tinggi yang diajar oleh agama Islam. Pada pendapat saya, betulkah atau tidak betul, saya harap

ahli-ahli dalam bidang Islam boleh memperbetulkan saya kalau tidak betul ialah konsep Tuhan melaknati riba itu ialah kerana riba itu adalah satu pencanaan. Jadi, Bank Islam jika diwujudkan sebagai satu bank yang mengikut lunas-lunas Islam ianya kenalah buang aspek-aspek pencanaan itu.

Misalnya seseorang itu tidak dapat membayar pinjaman ataupun instalmentnya dalam masa tiga bulan, sebelum diambil tindakan penghantaran surat lawyer untuk diambil tindakan bankrap atau sebagainya perlu diadakan usaha-usaha lain. Usaha-usaha yang saya fikir tidak terkeluar daripada kaedah bank. Kerana saya tahu banyak bank-bank yang mengamalkan riba, ada setengah-setengahnya melakukan cara-cara menelefon, menyiawat apakah masalah, apakah usaha-usaha rescheduling boleh dibuat sebelum diambil tindakan undang-undang.

Jadi, jikalau Bank Islam tanpa usul periksa, di manakah the Islamic face, dengan izin, kerana kalau seseorang itu yang tidak mahu mengikut kaedah Islam, dia kala apa bca. Akhirnya apa yang dibayar kepada Bank Islam di dalam benuk service charge dengan apa yang dibayar kepada bank riba di dalam bentuk faedah adalah sama pada penghujung period pinjaman itu. Jadi, dimanakah keunikan Bank Islam dari segi aspek mengurangkan penindasan kepada orang yang meminjam, yang menjadi asas utama di mana sistem riba itu dilaknati oleh Tuhan.

Jadi, itulah yang saya minta supaya Bank Islam betul-betul menjadi satu bank with an Islamic faith, dengan izin, with a human faith. Bukan bank yang menjalankan riba di dalam sistem kapitalis yang mana faithless. You are a tender without a faith, you are a borrower without a faith, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Di sinilah saya mengharapkan supaya Bank Islam mengambil langkah ke arah yang betul-betul cara kaedah yang diharap-harap sebagai kaedah Islamtc. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Marang. Selepas Marang berucap, Kepong dan diikuti dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.18 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Tuan Pengcrusi, yang pertama saya ingin menarik perhatian kepada P.28 yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu berhubung dengan peruntukan yang diberi kepada Bank Islam di mana saya mempunyai keraguan yang sama kerana matlamat penubuhan Bank Islam itu ialah untuk mengatasi masalah kemiskinan, menolong orang yang susah; pinjaman yang diberi lebih bersifat bantuan daripada bersifat mengambil ke-smpalan daripada orang yang di dalam kesempitan. Dengan sebab itu, mengikut ajaran Islam sendiri ada yang mengatakan bahawa memberi pinjam lebih baik daripada memberi sedekah kerana orang yang meminta sedekah kadang-kadang di dalam keadaan yang senang tetapi orang yang meminjam di dalam keadaan yang terdesak.

Oleh kerana itu Islam melarang kita mengambil kesempatan daripada orang yang terdesak sama ada dengan cara yang berterangan yang dinamakan riba yang dinyatakan secara berterus-terang oleh Islam ataupun bentuk penindasan yang lain yang tidak di atas nama riba termasuklah di atas nama jual-beli dan penindasan-pcnindasan yang lain.

Saya ingin mengetahui sejauh manakah kebebasan dan hak yang diberi oleh Akta Bank kepada Bank Islam untuk melakukan operasi mengikut cara Islam yang sebenar sehingga ia tidak dihalang untuk melaksanakan.

Saya bimbang kemungkinan Bank Islam ini diawasi oleh Akta Bank bagi menjamin bank-bank yang lain yang menjalankan sistem riba dan sistem yang memberi keuntungan kepada pihak kapitalis.

Yang kedua, saya ingin menyenluh perkara B.30 iaitulah berhubung dengan peruntukan tambahan yang diberi kepada Perwaja iaitulah dua kali sebagaimana yang dinyatakan oleh Kertas Perintah 4A sebanyak \$115 juta dan Kertas Perintah 3A sebanyak \$50 juta.

Kita menyedari dan diketahui oleh umum bahawa Perwaja ini menghadapi kemelesetan yang sangat berat bebcrapa tahun yang lalu dan ianya telah diselamatkan dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat. Kita difahamkan bahawa Perwaja seperti telah pulih. Sekiranya ia pulih mengapa perlunya diberi peruniukan tambahan? Mengapa ia tidak boleh mencari peruntukan yang lain melalui pihak swasta atau sebagainya dengan kebijaksanaannya sendiri ataupun adakah pihak Perwaja ini tidak mendapat kepercayaan daripada pihak swasta? Dan kita melihat Perwaja juga menubuh cawangannya di Gurun, Kedah. Sekiranya dia dalam keadaan kesempitan, mengapa telah ditubuh cawangan yang begitu besar yang menelan belanja yang besar dan sudah tentu ini boleh menimbulkan keraguan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

4.22 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah saya sebutkan mengenai Sabah Gas Utilisation Project (SGUP), di sini Maksud B.29 dan B.30 ada kena-mengena dengan Sabah Gas. Juga saya akan menyentuh mengenai Perwaja.

Tuan Pengerusi, saya hendak tambah lagi apa disebutkan dua hah yang lepas mengenai pada mulanya SGUP telah ditubuhkan untuk membolehkan pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk menggantikan perkembangan di sektor pertanian dengan sektor industri. Nampaknya usaha ini telah gagal. Kegagalannya bukan sahaja kerana pihak pengurusan yang tidak cekap bahkan juga pihak pemimpin-pemimpin seperti pemimpin-pemimpin PBS yang tidak begitu cekap untuk menguruskan sektor yang begitu penting.

Dengan itu, satu pengeliruan sudah timbul mengenai sektor ini di mana saya tidak begitu faham mengenai aset SGUP ini kerana kononnya pihak SGUP telah mengalami kerugian pada 31-12-91 sebanyak \$1.86 bilion dan amaun pinjaman-pinjamannya \$2.72 bilion. Aset-aset SGUP dinilai berkaharga \$1.7 bilion sahaja. Apakah keadaan yang sebenarnya \$1.7 bilion sahaja untuk asetnya? Kalau ini benar, ini bermakna Kerajaan terutamanya Kerajaan Negeri Sabah tidak mempunyai effective machinery to ensure that only viable projects are undertaken on a commercial basis, dengan izin, Tuan Pengerusi. Ini termasuk PETRONAS, kerana perjanjian itu dibuat dengan PETRONAS pada mulanya. There is no effective machinery to ensure that only viable projects are undertaken on a commercial basis.

Pada satu perkara lagi mengenai pekerja-pekerja. Baru-baru ini difahamkan, tawaran yang diberikan kepada pekerja-pekerja oleh LLS di mana dia bersetuju mengambil terus pekerja-pekerja berkenaan skiranya mereka setuju menerima gaji yang lebih rendah. Adakah ini benar? Dan tidak sepatutnyalah kita mengadakan syarat seperti ini. Ini sama seperti kita hendak mereka mengundurkan diri berhenti sendiri tanpa pampasan atau-

pun, dengan izin, to be relrenched by themselves. Kalau ini berlaku, itu adalah tidak patut.

Setakat ini saya dibciritahu bahawa 40 pekerja telah bersara dengan rela. Apakah keadaan sebenarnya mengenai pekerja-pekerja SGUP setakat ini?

Tuan Pengerusi, memang dari segi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, dia hendak menegakkan effective machinery untuk memastikan hanya projek-projek yang boleh dihidupkan (viable projects) sahaja diadakan secara commercial basis. Saya mengalukanlah kenyataan seperti ini. Ini bermakna beliau akan mengemaskinkan dan akan mempermodernkan dan akan melaksanakan di dalam Kementeriannya dan juga di semua projek di mana terbahitnya Kerajaan. Itu satu saranan yang sungguh baik.

Bermula dengan Perwaja pun boleh juga ataupun SGUP. Perwaja ini memang saya dengar ucapan Yang Berhormat dari Marang tadi yang mengatakan memang pada peringkat mulanya pihak Perwaja tidak begitu effective machinerynya dan pengurusannya sangat lemah sehingga hanya kilang "proto-type" sahaja digunakan. Kilang-kilang tidak pernah digunakan dengan berjaya di lempat-tempat lain tetapi digunakan oleh Perwaja pada peringkat pertamanya sehingga rugilah operasinya.

Tadi, Tuan Pengerusi, di sini saya hendak sentuh satu perkara dengan pinjaman-pinjaman yang lebih \$100 juta ini yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga diminta diluluskan pada hari ini, apakah penyesuaian yang dibuat oleh pihak Perwaja Terengganu memandangkan negara ini memerlukan banyak besi waja, pelbagai besi waja dan dalam setahun mungkin kita memerlukan lebih 3 juta tan pro-steel. Dan juga kita memerlukan lebih 3 juta tan steel billet dan juga steel bar dan sebagainya.

Ini bermakna negara ini di dalam beberapa tahun akan datang akan memerlukan lebih banyak besi waja dan pelbagai besi waja. Semntara itu kita pun tahu, Perwaja ataupun besi waja ini sejak pertengahan tahun 1974 pihak Kerajaan Persekutuan telah memperlindungan dari segi tarif. Dengan perlindungan inilah maka kilang-kilang besi waja ini dapat hidup dengan subur. Dan kalau kita hendak sebutkan by effective machinery, tidaklah. Kerana perlindungan, macam mana kita wujudkan effective machinery atau jentera yang efekiif, itu mustahil. Sudah lindung dah, macam mana hendak ada jentera efektif? Itu soal yang tidak wujud. Saya cadangkan mulai daripada Perwaja boleh kita adakan jentera yang efektif. Dan lambah pula baru-baru ini ASEAN pun mengadakan Common Effective Preferential Tariff dan juga kita melangkah kepada ASEAN Free Trade Area (AFTA). CEPT dan AFTA ini memang akan menjejaskan Perwaja. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan pihak kilang-kilang seperti Perwaja dapat menyahul konsep CEPT dan juga AFTA? Itu sangat penting kerana kita hidup hanya dengan perlindungan sahaja buat masa masa, walaupun nampaknya memang ada perkembangan sangat pesat. Baru-baru ini ada \$80 juta pun dibelanjakan oleh pihak Perwaja untuk membuka satu kilang lagi di Kemaman, Terengganu dan juga hasratnya untuk mengadakan Perwaja di Kedah.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Kalau dengar itu pengsan. Kedah bukan Permatang Pauh. Saya ingat Permatang Pauh tidak masuk dalam Kedah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berdialog.

Dr Tan Seng Giaw: Dengan perlindungan pihak Kerajaan, Perwaja akan membuka kilang raksaksa \$1.5 bilion di Kedah. Adakah ini benar? Dan kalau perkara-perkara seperti ini berterusan, ini bermakna kita memang hendak mengadakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menjadikan kilang-kilang Perwaja ini lebih efisien tanpa perlindungan kerana kita perlukan, kalau kita hendak memupukkan kerjasama di antara negara-negara ASEAN, itu satu langkah yang baik kerana DAP pun mempercayai kepada keperluan untuk kerjasama dengan negara-negara ASEAN, dan kalau kita boleh ada CEPT dan AFTA, itu satu konsep yang baik dan kalau kita hendak menjayakannya, kilang-kilang seperti Perwaja yang raksaksa ini memang kita hendak menyesuaikan diri dengan kilang-kilang seperti ini.

Dan ada satu perkara lagi mengenai Perwaja ialah

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Gangguan, dengan komat-kamit dan desas-desus, bermacam-macam (*Ketawa*) hanya kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan ada di sini hendak kacau sahaja, menunjukkan betapa baiknya sokongan dan dokongan ke atas Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Perwaja Steel ini ada kontrak dengan pihak Japanese Bulk Carrier, mungkin berharga \$40 juta hingga \$50 juta dengan syarikat Jepun ini untuk mencharter, untuk menyewa kapal-kapal Jepun untuk mengangkut besinya. Adakah ini benar?

Tuan Pengerusi, akhir sekali, dengan pclaburan yang bcgitu banyak, hampir tiap-tiap kali Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) dibenlangkan, pinjaman pun minta dilulus. Tiap-tiap

kali hampir \$100 juta, Dengan pelaburan yang begitu besar apakah usaha di sebelah hiliran kerana untuk industri sederhana dan juga untuk industri kecil, kita perlukan kegiatan-kegiatan yang lebih di dalam sektor hiliran besi waja ini dan apakah usaha yang dibuat oleh Perwaja untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti hiliran ini untuk membantu industri-industri sederhana dan juga kecil? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan dari Kepong mengenai Sabah Gas Utilisation Project.

Saya telah cuba terangkan dalam Dewan ini mengenai kedudukan projek ini pada peringkat yang terakhirnya, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kepong khususnya tidak faham ataupun tidak mahu faham tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya telah jelaskan bahawa kedudukan projek ini ialah pada tahap di mana ianya memerlukan kepada penyelesaian yang muktamad. Di antara masalah besar yang dihadapi ialah kerugian yang terkumpul sehingga Disember 1991 lebih kurang \$1.9 ribu juta. Sementara itu pula, pendedahan Kerajaan Persekutuan dari segi jaminan pinjaman-pinjaman yang telah dibuat kepada projek tersebut, kepada Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. ialah sebanyak lebih kurang \$2.6 ribu juta. Maka bebanan sama ada dari segi kerugian ataupun dari segi jaminan yang perlu dipenuhi oleh Kerajaan Persekutuan di atas segala pinjaman

yang lalu adalah beban yang perlu kita sempurnakan. Dan kita dapati bahawa untuk setahun—dua ini masalah pinjaman itu timbul pada masa-masa ianya matang untuk disempurnakan. Maka perlukan kepada pembayarannya. Kerajaan Negeri Sabah yang memiliki industri ini sudahpun menempuh satu keadaan yang tidak mampu langsung untuk memikirkan penyelesaiannya, tidak ada kemampuan langsung untuk menyelesaikan perkara ini. Semata-mata mengharapkan kepada Kerajaan Pusat. Dan apabila pinjaman-pinjaman itu menjadi matang, maka Kerajaan Sabah menggunakan jalan keluar yang paling mudah untuk merujuk kepada Kerajaan Pusat mengatakan bahawa pinjaman itu dijamin oleh Kerajaan Pusat. Maka dengan senangnya Kerajaan Negeri Sabah meletakkan beban itu kepada Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu dibenarkan berlarutan.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama yang penuh kerelaan Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan supaya Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. diambilalih oleh Kerajaan Pusat dengan pembayaran secara nominal \$1. Proses ini diperlukan kerana kalau sekiranya proses berkenaan tidak dibuat maka penyelesaian selanjutnya tidak dapat dilaksanakan.

Selepas diambilalih oleh Kerajaan Pusat dengan harga yang nominal, di mana asset dan liability, dengan izin, Sabah Gas Industries diambil oleh Kerajaan Pusat, maka Kerajaan Pusat dengan penuh rasa tanggungjawab merujuk kepada cara-cara untuk menyelesaikannya. Maka langkah yang diambil selepas daripada itu ialah Kementerian Kewangan telahpun mendapat jaminan dengan sukarela daripada pihak PETRONAS kerana PETRONAS mempunyai kegiatan yang agak berkaitan dan juga mempunyai syergynya sendiri dan kepakaran mereka, maka aset yang merupakan gas

grid dan juga loji methanol Sabah Gas Industries telah diambilalih oleh PETRONAS—segala asetnya dan juga segala hutang-hutangnya. Maka sebahagian daripada beban itu, diserahkan kepada pihak PETRONAS yang kita percaya bahawa ianya merupakan satu keputusan komersial di mana mereka boleh mengendalikan loji methanol dan gas grid ke arah kejayaan komersial mereka sendiri.

Keduanya, Sabah Gas Industries memiliki harta merupakan janakuasa elektrik. Maka insitiusi dan perbadanan yang paling dekat dari segi penggunaan dan janakuasa elektrik ialah Lembaga Letrik Sabah itu sendiri. Maka langkah yang kedua ialah janakuasa elektrik Sabah Gas Industries diambilalih oleh Lembaga Letrik Sabah serta aset dan liabilitinya.

Keliga ialah loji hol briquetted iron, di mana Kementerian Kewangan masih lagi dalam proses berunding dengan satu konsortium besi waja yang terdiri daripada Amalgamated Steel Mills, Southern Iron and Steelworks dan Malayawala Steel Berhad.

Maka kalau sekiranya ini dapat diputuskan—dan ingin saya maklumkan bahawa ini adalah di peringkat yang terakhir untuk memutuskan perundingan antara Kerajaan Perskutuan dengan konsortium ini—maka sebahagian besar daripada kerugian, sebahagian besar daripada liabiliti Sabah Gas Industries yang diambilalih oleh Kerajaan Pusat akan terlepas tanggungan dan bebannya kepada pihak-pihak yang lebih mampu untuk mengendalikannya dari segi jangka masa yang panjang.

Walaupun begitu, masih ada lagi lebih kurang \$1,000 juta kekurangan. Maka untuk menyelesaikan kesemuanya, Kerajaan Pusat terpaksa membuat satu keputusan untuk menghapus kira baki pinjaman Kerajaan kepada Sabah

Gas Utilisation Project sebanyak lebih kurang \$694.4 juta, maka pada hari ini kita mohon satu jumlah sebanyak \$327.6 juta untuk membayar baki-baki hutang yang ada daripada sumber-sumber pinjaman sama ada daripada bank-bank dalam negeri ataupun luar negeri.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Tumpat, yang bertanya mengapa perlu dibayar semua ini, mengapa Kerajaan Pusat mengambilalihnya, saya telah cuba menjelaskannya, dan kalau sekiranya kita tidak membayar hutang-hutang tersebut dan tidak memenuhi janji-janji kita berdasarkan kepada jaminan, maka akan terjejas nama baik Kerajaan, maka kita tidak rela perkara itu berlaku. Jadi, sepatutnya kita merasa agak lega kerana Sabah Gas Utilisation Project yang menghadapi masalah yang berlarutan dapat kita selesaikan. Saya percaya bahawa Kerajaan Negeri Sabah juga merasa begitu lega sekali kerana segala tanggungannya dan segala liabilitinya dapat juga diselesaikan sama.

Tuan Pengerusi, itu adalah jawapan saya mengenai Sabah Gas Utilisation Project, untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Tumpat.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan mengenai Perwaja. Tuan Pengerusi, \$200 juta yang dimohon ini adalah merupakan satu pinjaman yang diberikan kepada Perwaja untuk jangkamasa yang pendek pada kadar faedah 8%. Keperluan pinjaman jangkamasa pendek ini adalah berdasarkan kepada sebab-sebab berikut:

- (i) Bahawa jumlah pengeluaran billet dikatakan meningkat daripada 1.08 juta tan setahun

daripada 600,000 tan setahun berdasarkan kepada pembesaran capacity Perwaja Steel. Oleh yang demikian, satu masa menunggu iaitu "lead time" adalah diperlukan sebelum pengeluaran di tahap keupayaannya yang lebih besar dapat dicapai.

Sementara itu, pembekal kelengkapan yang digunakan dalam rancangan pembesaran pengeluaran perlu dibayar.

- (ii) Yang berkaitan dengan pembelian bahan-bahan mentah, mengapa \$200 juta itu diperlukan sebagai kemudahan operasi Perwaja Steel. Disebabkan usaha pembesaran capacity pengeluarannya, Perwaja Steel perlu memegang stok bahan-bahan mentah seperti sisa besi iaitu scrap dan alloys.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Saya minta penjelasan, sama ada Perwaja Steel Sdn. Bhd. atau Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang dimaksudkan, oleh kerana setahu saya ini adalah dua syarikat yang berlainan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, yang menjalankan operasi dan menerima segala warisan Perwaja Terengganu ialah Perwaja Steel. Kita menghadapi satu keadaan di mana Perwaja Terengganu perlu disusun semula dari segi strukturnya, dari segi ekuitinya dan juga dari segi operasinya. Maka untuk setahun, dua yang lalu, Kerajaan telah membual satu exercise khusus terhadap Perwaja Terengganu. Untuk menyelesaikan perkara tersebut, maka diwujudkan satu syarikat yang dipanggil Perwaja Steel di mana aset-aset Perwaja Terengganu diambilalih oleh Perwaja Steel dan ditambah dengan ekuiti-ekuiti yang lain, pinjaman juga, supaya dapat membuat satu operasi. Yang akhirnya

pada tahun lalu ia menempa satu kejayaan kali pertama membawa untung operasi sebanyak lebih kurang \$15 juta.

Jadi, kita mengharapkan bahawa penyelesaian melalui Perwaja Steel ini, dari segi jangka masa panjangnya akan membawa penyelesaian di mana segala liabiliti yang ada pada Perwaja Terengganu dan juga dengan harapan bahawa ada kemampuan untuk membayar unlung tersebut melalui dividen-dividen pada masa-masa yang akan datang, maka pada hari ini kita memberi kemudahan-kemudahan kepada Perwaja Steel untuk terus bergerak ke matlamat yang kita harapkan.

Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu mengizinkan saya untuk menjelaskan kedudukan Perwaja Steel dan tanggungjawab yang diserahkan kepada Perwaja Steel' pada hari ini dan pada masa hadapan.

Jadi, ini adalah di antara sebab-sebab perlunya membeli bahan-bahan mentah yang di antaranya diimport dan dikatakannya perlu dibeli lebih awal lagi kerana harganya dijangka akan naik pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga ada menyebut bahawa mengapa diperlukan pinjaman jangka masa pendek ini walhal katanya Perwaja Steel telabpun untung, itu adalah benar. Saya sudah sebulkan untung operasinya pada tahun lalu, tetapi oleh kerana tuntutan-tuntutan yang berlaku kebelakangan ini daripada proses pembesaran kapasiti Perwaja Steel di Terengganu itu sendiri sehinggakan perlu diberi kemudahan pinjaman jangka masa pendek ini.

Mengenai pengwujudkan satu lagi pelan di Gurun, itu adalah merupakan sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan kemampuan hiliran

Perwaja Steel itu sendiri. Kita sedia makluti bahawa hingga kini Perwaja Steel hanya mengeluarkan dalam bentuk billet sahaja dan billet ini dijual kepada pengguna-penggunanya untuk pengeluaran-pengeluaran besi waja yang berbentuk hiliran. Kalau sekiranya ini berterusan, maka Perwaja Steel akan hanya tinggal sebagai pengeluar billet dan ini dianggap tidak wajar. Oleh yang demikian, Perwaja Steel sudah tiba pada peringkat untuk terlibat di peringkat hiliran. Oleh yang demikian, langkah-langkah seperti mewujudkan pelan yang lain adalah ke arah meluaskan lagi keupayaan Perwaja Steel pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya percaya tidak payahlah saya menyentuh tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai apa mungkin berlaku apabila suasana free trade, dengan izin, ada di rantau kita ini. Sekadarkan untuk saya mengatakan bahawa betul kita perlukan kepada satu protection, dengan izin, di peringkat awal untuk kegiatan industri berat seperti begini. Kalau skiranya kita melalui satu zaman ke arah perdagangan bebas di rantau ASEAN ini di mana protection itu akan terpaksa dilonggarkan, maka saya percaya ianya berlaku 'across the board', dengan izin, dalam rantau ini mengikut industri-industri tertentu. Kalau itu berlaku dalam masa 15 tahun akan datang, maka kita percaya bahawa Perwaja Steel adalah di antara industri berat yang mampu untuk bersaing dalam suasana free trade area, dengan izin, di kawasan ASEAN ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga Marang mengenai Bank Islam. Agaknya Institut Tamadun Islam itu ada juga peranan, ada kaitannya dengan apa yang diharapkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai the Islamic faith dalam kegiatan hidup kita lebih ketara lagi daripada apa yang ada pada hari ini. Dalam hal ini, Bank Islam yang diwujudkan pada tahun 1983 melalui satu proses penubuhan transisi agak ke arah kematangan dan ianya merupakan satu eksperimen juga kerana ia di antara institusi kewangan Islam yang pertama di Malaysia, bahkan di antara yang awal dalam dunia Islam itu sendiri. Yang priamanya, kita wajar setuju bahawa kita menuju kepada menggunakan prinsip Islam itu sendiri. Maka kita mempunyai satu Majlis Pengawasan Syariah yang sengaja diwujudkan untuk mengawas sama ada dari segi prinsipnya menepati dengan ajaran Islam. Mudah-mudahan apa yang telah dilaksanakan itu menepati dengan prinsip-prinsip yang ada

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut mengenai dengan Majlis Pengawasan Syariah dan prinsip, saya ingin menambah supaya pihak Yang Berhormat Menteri membawa kepada Bank Islam. Adakah berlawanan dengan prinsip Islam apabila Bank Islam itu menetapkan kadar untungnya pada tiap-tiap bulan. Katalah saya meminjam \$100,000, di dalam jadual pembayaran balik itu saya kena bayar balik wang pembayaran campur (plus) kadar keuntungan yang ditetapkan. Misalannya kalau dia ditetapkan \$1,200 dia sudah ditetapkan daripada bulan perlama 'sehingga bulan yang akhir, tahun ke-15. Adakah ini satu prinsip riba? Adakah ini dicondone ataupun diterima oleh Majlis Syariah tadi ini? Inilah yang berlaku di dalam Bank Islam sekarang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, pada asasnya mengikut kefahaman saya, ia berdasarkan kepada apa yang diizinkan oleh prinsip melalui jual-beli dan juga berdasarkan kepada persetujuan di antara yang mempunyai modal dan yang menggunakan modal, dengan maklumat yang cukup, dengan akad yang sewajarnya. Tetapi untuk menjawab secara spesifik apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu, saya tidak mampu untuk mengatakan ianya menepati ataupun tidak, seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya merujuk perkara ini kepada pihak yang berkenaan.

Selain daripada berusaha....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Sejauh manakah hubungan Bank Islam dengan Bank Pembangunan Islam dan bank-bank Islam di negara-negara lain untuk mendapat pertukaran pengalaman di antara satu sama lain.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya sudah sebutkan sebentar tadi bahawa kita adalah di antara Bank Islam yang awal diwujudkan dalam dunia Islam itu sendiri. Adakalanya kita merujuk kepada pengalaman yang telah dilalui oleh yang lain, tetapi ada juga kalanya di mana pengalaman kita merupakan contoh yang digunakan oleh negara-negara Islam yang lain.

Pada amnya saya ingin menyebut di sini bahawa institusi Islam yang diwujudkan dalam suasana di mana pasaran bebas yang mempunyai caranya dan juga tamadunnya dan

modus operasinya. Jadi, langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk mendekati hidup secara Islam ini di antaranya ialah mewujudkan seberapa banyak institusi Islam dengan andaian bahawa lebih banyak institusi tersebut dapat digunakan, maka kita lebih meluas, lebih mendalam dari segi amalan hidup sebagai umat Islam. Tetapi kesemuanya ini terpaksa diwujudkan dalam suasana pasaran yang jauh miripnya daripada ajaran Islam itu sendiri. Maka di antara pendekatannya ialah melihat apa yang berlaku di hadapan kita dan mencari ikhtibar daripadanya dan selepas itu melihat sejauh mana ianya sesuai ataupun tidak sesuai dengan ajaran Islam. Jadi kita hendak menolak seratus peratus apa yang ada bukanlah pendekatan Islam cara itu, kerana kita kata bahawa dalam tamadun manusia ini ada kesinambungannya daripada satu kepada yang lain. Sekadarkan sejauh mana tamadun Islam yang ada ini mampu untuk membetul dan menyesuaikan dan membaiki lagi tamadun dunia yang ada pada hari ini, lebih-lebih lagi tamadun Barat itu sendiri.

Jadi Tuan Pengerusi, itulah pada tanggapan saya secara menyeluruh apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam langkah untuk mewujudkan seberapa banyak institusi yang mendekatkan kita kepada hidup secara umat Islam. Dari segi prinsipnya kita menuju ke arah tersebut, maka apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu ialah dari segi amalannya, tidak perlu kita merujuk kepada tuniutan agama Islam itu sendiri, dari segi commercial viability-nya sahaja, maka sewajarnya pihak yang berniaga mendekati pelanggannya secara yang baik supaya wujud suasana yang mesra di antara penjual dan pembeli.

Jadi, kalau sekiranya kita mengatakan bahawa Islam itu menolak kepada apa pun bentuk eksploitasi, penindasan

dan sebagainya, maka dari segi caranya, dari segi menanggung risikonya ataupun dari segi bayaran ataupun charges yang dikenakan, maka ianya hendaklah begitu rupa supaya membawa kepada kebahagiaan hidup umat manusia di dunia ini. Jadi, kalau itu yang dapat kita capai, saya percaya bahawa Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga Marang bersetuju dengan saya bahawa kita dapat menggunakan institusi Islam itu ke arah membahagiakan hidup manusia. Dan kalau sekiranya ada kes-kes yang tertentu sebagai contoh, yang boleh dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, maka saya mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa saya akan merujuk kepada pihak pengurusan Bank Islam supaya tanda-tanda penindasan ataupun tanda-tanda yang agak tidak membezakan antara institusi Bank Islam dengan bank-bank yang lain itu dari segi layanan dapat kita bezakan pada masa-masa yang akan datang.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya senuh berbangkit daripada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang membahaskan tentang permohonan Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,998,500 untuk Maksud B.28 \$50,000,000 untuk Maksud B.30 dan \$6,600,000 untuk Maksud B.32 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$1,983,600 untuk maksud B.28; \$327,600,000 untuk Maksud B.29; dan \$153,895,000 untuk Maksud B.30 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kewangan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,998,500 untuk Maksud B.28; \$50,000,000 untuk Maksud B.30 dan \$6,600,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$1,983,600 untuk Maksud B.28; \$327,600,000 untuk Maksud B.29; dan \$153,895,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$114,648,400 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$114,648,400 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1991.

Maksud B.33 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,584,300 untuk Maksud B.33 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Perusahaan Awam hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,584,300 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B34 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas sekarang. Sungai Besi.

5.05 *ptg.*

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):
Tuan Pengerusi, berhubung dengan peruntukan tambahan sebanyak \$12.7 juta yang dikehendaki untuk menjelaskan bayaran kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi membolehkan Kerajaan mengambilalih Hospital Lady Templer, saya ada beberapa persoalan di sini memandangkan saya gagal mendapat penjelasan yang tepat dan memuaskan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, saya ingin menimbulkan perkara ini lagi sebab Hospital Lady Templer ini -adalah sebuah hospital yang paling penting memandangkan ianya diswastakan pada tahun 1985, tetapi syarikat swasta menjadi bankrap pada tahun 1986 dan diambilalih urusannya oleh pihak Kementerian Kesihatan pada tahun yang sama. Pada masa itu, Kementerian Kesihatan ada berjanji bahawa selepas kes Mahkamah yang dilangsungkan dalam Mahkamah di antara pihak Pemegang Amanah Hospital Lady Templer dan syarikat swasta ini berakhir, maka Kementerian Kesihatan akan menukar Hospital Lady Templer ini sebagai sebuah hospital awam dipanggil Hospital Besar Cawangan Cheras, tetapi malangnya pada tahun yang lepas, apabila kes Mahkamah ini diselesaikan di luar Mahkamah, kita diberitahu bahawa rancangan untuk menukarkan Hospital Lady Templer sebagai Hospital Besar tidak wujud lagi, tetapi tapak Hospital Lady Templer akan dijadikan satu tapak pembinaan kondominium harga tinggi untuk golongan yang kaya.

Tuan Pengerusi, saya merasa amat kesal kerana ada satu kenyataan umum bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur telah menjadi terlalu scsak dan perlunya ada beberapa lagi Hospital Besar Cawangan ditubuhkan di ibu kota ini bagi memenuhi keperluan pesakik-pesakit yang semakin ber-

tambah. Tapak Hospital Lady Templer ini adalah satu kawasan hijau yang indah persekitarannya dengan udara bersih, amat sesuai, baik untuk membina sebuah Hospital Besar supaya beribu-ribu pesakit dari golongan berpendapatan rendah dapat menikmatinya.

Mereka yang tidak mampu mendapat perkhidmatan perubatan daripada hospital-hospital swasta atau mereka yang menunggu lama, tetapi gagal mendapat rawatan cepat di Hospital Besar Kuala Lumpur, maka Hospital Cawangan Cheras ini adalah sangat penting khasnya kepada mereka yang tinggal di kawasan Kuala Lumpur Selatan dan sebahagian besar di negeri Selangor, kira-kira hampir sejuta penduduk-penduduk termasuk mereka daripada kawasan Tuan Yang di-Pertua dan kawasan Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga yang akan berfaedah, tetapi malangnya sebahagian besar tanah akan dijadikan tapak kondominium dan saya juga diberitahu sungguhpun ada sebahagian tanah dibahagi untuk membina sebuah teaching hospital, tetapi saya memang tidak bersetuju bahawa sebuah teaching hospital ini boleh memberikan perkhidmatan setaraf dengan hospital umum.

Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perbezaannya di antara skop operasi sebuah teaching hospital dan hospital umum (hospital besar) dan juga keberkesanan perkhidmatan antara dua jenis hospital ini kepada orang ramai?

Saya ingin bertanya juga mengenai sejumlah \$12.7 juta yang akan dibiayai ini, bagaimana wang ini akan dibahagikan kepada Pemegang Amanah, kepada syarikat swasta dan juga kepada bekas pekerja-pekerja Hospital Lady Templer yang sejumlah melebihi 200 orang. Syarikat swasta itu berhutang dari segi sumbangan,

bayaran KWSP dan berbagai-bagai employment benefits yang belum lagi dijelaskan kepada pekerja-pekerja. Adakah wang daripada \$12.7 juta ini akan digunakan untuk memberi pampasan kepada mereka juga?

Akhirnya, saya ingin menyeru semula kepada Kementerian Kesihatan supaya dapat mengkaji semula perkara tni dan membatalkan rancangan membina kondominium supaya Hospital Besar Cawangan Chcras ini boleh dijadikan satu kenyataan, Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Besi yang telahpun membangkitkan hal berkenaan dengan Lady Templer Hospital. Benar, kita telah melelakkan \$12 juta lebih untuk menyelesaikan masalah Lady Templer Hospital ini, tetapi saya ingin menyatakan bahawa tujuan asal uniuik menjadikan kawasan ini sebagai hospital yang boleh menjadi tumpuan kepada penduduk-penduduk kawasan itu telah gagal, kerana kegagalan syarikat tersebut yang hanya sempat menjalankan proses perniagaan secara private selama hampir hanya setahun. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan pada umumnya untuk memerhati dan melihat supaya masalah ini tidak tinggal sebagai masalah, dan oleh kerana itu maka kita telahpun berbincang apakah cara sebaiknya untuk menyelesaikan masalah yang telahpun diturunkan oleh Yang Berhormat.

Salah satu daripada masalah yang besar ialah masalah yang timbul daripada tanggungan-tanggungan terhadap beberapa institusi yang berkenaan. Untuk menyelesaikan

masalah ini adalah dicadangkan supaya tanah yang, sepatutnya dijadikan tapak hospital itu dipulangkan balik kepada Kementerian dan difikirkan apakah projek yang sesuai untuk dijalankan atas tanah tersebut selepas projek itu gagal. Oleh kerana itu, maka Kementerian telahpun menyarankan beberapa cara untuk menyelesaikan masalah ini, dan salah satu daripada caranya ialah supaya kita membantu pihak trustees hospital tersebut menyelesaikan masalah itu. Oleh kerana itulah maka timbul keperluan \$12 juta yang dimaksudkan itu.

Salah satu daripada cara yang telahpun dicadangkan ialah supaya tanah itu diswastakan kepada pihak-pihak berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, proses untuk penyelesaian, bukan penswastakan, sedang berjalan dan berkemungkinan akan selesai tidak lama lagi. Selepas itu mungkin kita akan fikir dengan mendalam kemungkinan penggunaan tanah tersebut untuk tujuan-tujuan tertentu. Salah satu daripada cadangannya, bukan satu keputusan yang muktamad, ialah untuk menswastakan tanah tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Untuk menyentuh mengenai cadangan diadakan sebuah hospital seperti yang dicadangkan iaitu Teaching Hospital di kawasan yang berdekatan, Kementerian berpendapat ini adalah satu cadangan yang bersesuaian, sebab tentu sekali Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kedudukan Hospital Besar yang agak sesak hari ini tidak dihadkan adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah Hospital Besar menjadi Teaching Hospital, menjadi Referral Hospital, menjadi Outpatient Hospital dan juga menjadi General Hospital.

Fungsi General Hospital Kuala Lumpur itu terlalu banyak termasuk juga dengan izin, Teaching Hospital

yang digunakan oleh U.K.M. Kita berfikir adalah lebih baik supaya kita, dengan izin, unload responsibility ataupun fungsi hospital itu dan menggunakan tapak yang ada di Cheras itu, sebahagian daripadanya, untuk dijadikan tapak Teaching Hospital. Ini adalah satu cadangan dan cadangan ini mungkin akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Yang Berhormat ingin tahu dengan lebih mendalam perbezaan fungsi ataupun skop operasi Teaching Hospital dengan General Hospital, saya tidak bertujuan untuk mendalaminya secara mendalam, tetapi memadai kalau sekiranya Yang Berhormat dapat membandingkan di antara Universiti Hospital (Malaya), Universiti Hospital (USM) dengan General Hospitals di seluruh negara. Fungsinya jelas salah satu daripadanya ialah Teaching Hospital ini ada researchnya dan pengeluaran doktor-doktor dan sambil itu juga memberi perkhidmatan seperti juga dengan hospital-hospital yang lain.

Seperti Yang Berhormat faham bahawa kita kekurangan doktor, oleh kerana itu maka kita sedang berikhtiar bersungguh-sungguh untuk mencari jalan menambah bilangan doktor melalui penambahan hospital yang sedemikian.

Mengcni dengan bekas pekerja, hal ini masih juga dalam perbincangan dan masih lagi belum selesai masalah ini. Kita akan selesaikan dan jika sekiranya timbul masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kita peka kepada masalah ini, dan semua isu-isu telah diambil kira dan apabila selesai masalah ini pada umumnya, kita akan membuat kenyataan yang sepatutnya.

Tuan Pengerusi, saya tidak bertujuan untuk mengulas adakah Kementerian Kesihatan akan mengkaji semula supaya membatalkannya atau tidak, itulah keputusan yang akan diambil selepas masalah-masalah yang dihadapi oleh Kemencirian pada masa ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi kerana begitu peka kepada masalah ini. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Yang Berhormat perlukan maklumat yang lebih lanjut, saya rela berjumpa dengan Yang Berhormat secara peribadi untuk menerangkan dengan lebih mendalam. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$45,722,000 untuk Maksud B.34 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$45,722,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B.36, B.39 dan B.40 (Jadual Pertama)—

Maksud P.42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bii.l)) 1992—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bckalan B.36, B.39 dan B.40 serta Kcpala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.79 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud B. 39 ini adalah mengenai Jabatan Pendaftaran Negara dan tambahan sebanyak lebih \$1 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kenaikan gaji 8%.

Tuan Pengerusi, sebenarnya di dalam tempoh lebih 16 tahun sejak tahun 1978, saya seringkali membawa orang ramai pergi ke Jabatan

Pendaftaran sama ada di Petaling Jaya ataupun di Kuala Lumpur untuk permohonan ataupun untuk pertukaran nama di dalam Kad Pengenalan, di dalam Sijil Kewarganegaraan dan Sijil Kelahiran dan sebagainya. Dan masalah-masalah timbul kerana ada kelemahan-kelemahan di beberapa aspek dan kelemahan-kelemahan ini dapat ditonjolkan apabila di dalam tempoh hampir 2 tahun ini, pihak Kementerian Dalam Negeri mengumumkan bahawa satu sistem Kad Pengenalan Tinggi (KPT) akan diperkenalkan dan lebih 10 juta orang rakyat Malaysia terpaksa memohon untuk membarui Kad Pengenalannya daripada kad yang lama kepada KPT.

Oleh kerana adanya aduan, sungutan dan rungulan daripada orang ramai termasuk DAP, maka adalah saui garis panduan dikeluarkan, walaupun pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu sentiasa mengatakan beliau yang bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaannya. Memang kalau beliau bertungkus-lumus untuk membaiki keadaan, saya setuju. Tetapi janganlah kita kaia dialah seorang satu-satunya manusia di dalam negara ini yang berusaha untuk memperbaiki keadaan ini, walhal baru sahaja dia menjadi Setiausaha Parlimen dan mustahillah bagi dia untuk memperbaiki semua masalah dan kelemahan yang bertimbun-timbun sejak 35 tahun lagi. Walau bagaimanapun, adalah perlu bagi kita untuk melatih kakitangan-kakitangan dengan lebih berkesan lagi untuk menjalankan tugas. Dan Yang Berhormat sendiri telahpun membuat pengumuman mengenai tiga syarat untuk penukaran Kad Pengenalan yang lama kepada KPT.

Yang periamanya, semua pembetulan buliran dokumen peribadi pemohon boleh dikemukakan serentak dengan permohonan KPT. Yang kedua, warganegara yang telah lahir di Semenanjung Malaysia sebelum 1958 dan di Sabah serta Sarawak sebelum

1970, yang tidak mempunyai sijil kelahiran, layak juga untuk membuat permohonan KPT. Dan ketiga, warganegara yang telah lahir di Semenanjung Malaysia sebelum 1958 dan di Sabah serta Sarawak sebelum 1970 yang mempunyai kesilapan pada dokumennya mengenai butiran peribadi, tidak perlu mengangkat sumpah atau mempunyai saksi untuk membuat permohonan KPT.

Tuan Pengerusi, saya berharap semua garis panduan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tetapi nampaknya kerana kakitangan-kakitangan yang tidak mencukupi dan juga kualiti atau kaliber setengah-setengahnya tidak begitu memuaskan, maka semua garis panduan ini mungkin tidak dapat disempurnakan.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Pengerusi, ada beberapa cadangan lagi daripada pihak kami termasuk mengadakan Pusat Serenti untuk menguruskan semua ini. Nampaknya pihak Kementerian setakat ini tidak mengumumkan bagaimana Pusat Serenti akan diadakan untuk memudahkan permohonan tersebut. Yang keduanya ialah mengenai bayaran kepada permohonan tersebut, ada pelbagai bayaran yang dikenakan, dan pada pendapat kami bahawa bayaran-bayaran ini adalah berlebihan dan tidak dapat ditampung dengan baik oleh pihak yang miskin. Bolehkah pihak Kementerian mengkaji semula bayaran-bayaran yang dikenakan ke atas langkah-langkah permohonan yang diperlukan untuk maksud-maksud yang tertentu di Jabatan Pendaftaran tersebut? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

5.24 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.36, Polis DiRaja Malaysia mengenai dengan tambahan

sebanyak \$4,000 yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi pilihanraya negeri Sarawak pada bulan September, 1991.

Pertama saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pasukan Keselamatan yang telah menjalankan tugas dengan baik daripada satu masa ke satu masa dan daripada satu pilihanraya ke satu pilihanraya. Saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian berapa ramaikah pihak Pasukan Keselamatan yang terlibat di waktu Pilihanraya di negeri Sarawak ini dengan peruntukan tambahan sebanyak \$4 juta yang melibatkan perbelanjaan. Saya ingin mengetahui ini oleh kerana kita tahu tugas Pasukan Keselamatan ini bukan sahaja mengira waktu dan masa, tetapi juga sampai kepada peringkat kalau tidak kena gaya kemungkinan nyawa mereka juga terancam seperti yang berlaku di Bukit Payong. Oleh itu, saya hendak tahu berapa ramai yang terlibat kerana saya ingin mengetahui apakah elaun-elaun yang diberi ataupun yang dibayar kepada kakitangan ataupun pihak Pasukan Keselamatan ini memadai dengan tugas yang mereka pikul selama ini, ataupun apakah mereka ini hanya dibayar elaun seperti juga dengan kakitangan awam yang lain yang menjalankan kerja lebih masa. Kalau itulah keadaannya, saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian apakah pihak Kementerian akan mengkaji semula bagi menghargai jasa dan pengorbanan yang telah dibuat oleh kakitangan Keselamatan ini.

Tuan Pengerusi, kita tahu pihak Keselamatan bekerja untuk menjaga keamanan negara, lebih-lebih lagi di waktu pilihanraya. Dari segi risiko dan masa yang mereka hadapi, perlu diberi perhatian oleh kita dalam Dewan yang mulia ini supaya mereka diberi ganjaran yang sewajarnya seperti golongan lain. Kadang-kadang kita terlupa oleh kerana kita memikirkan

soal kemajuan semata-mata dan di mana kita lihat pakar-pakar tertentu alaupun golongan-golongan tertentu sentiasa diberi layanan untuk meningkatkan produktiviti ataupun seumpamanya, tetapi kita lupa benteng kekuatan negara kita. Benteng keselamatan negara kita ialah Pasukan Keselamatan DiRaja. Apakah elaun roeraka dibayar hanya sekadar \$50 satu malam selepas waktu bekerja. Apakah itu memadai?

Saya ingin menarik perhatian bcrkenaan perkara ini, Tuan Pengerusi, sebab saya ingat Wakil dari Kepong akan bercakap tentang perkara ini, tetapi rupa-rupanya dia tidak bercakap bab perkara seumpama ini. Wakil PAS pun mungkin tidak bercakap dan saya tidak tahulah mungkin selepas ini beliau akan bercakap. Terutamanya Nilam Puri ataupun Marang yang marah kerana Polis ramai di Bukit Payong baru-baru ini, saya dengar dalam perbahasan Tilah Ucapan DiRaja cukup marah kepada Polis ramai di Bukit Payong. Bila dengar Wakil dari Kok Lanas pula dia mengucapkan setinggi terima kasih sebab ramai, kerana menjaga keselamatan. Jadi, yang mana satu pun saya tidak tahu yang betul. Tetapi kita mesti mengakui hakikat perkembangan yang berlaku di seluruh dunia sekarang ini dan kita tengok apa yang berlaku ancaman. Walaupun kita mengamalkan demokrasi, kita mengamalkan sistem bcbas untuk memilih parti ataupun seumpamanya, tetapi kita lihat negara-negara lain tidak sunyi dengan berita-berita yang cukup menyayat hati. Kita lihat peristiwa pilihanraya di Pilipina sekarang ini, Tuan Pengerusi. Di Pilipina sekarang ini, for the cause of democracy, dengan izin, untuk menjunjung demokrasi berapa ramai nyawa yang terkorban. Wakil Nilam Puri tidak berani bercakap macam ini. Untuk hendak beri contoh-conloh dia tidak berani. Kalau dia bercakap, dia bercakap akan soal Uzbekistan, Kashmir—dia tidak hendak sebut soal

Filipina di depan mata—dan Yugoslavia, sebab dia hendak berunding di Yugoslavia semasa pilihanraya akan datang. (*Ketawa*) Dia tidak hendak bertanding lagi di Kelantan sebab dari Pulau Pinang dahulu dia pindah pergi ke Kelantan. Dia tidak hendak bercakap. Tempat-tempat ini dia tidak hendak bercakap. Tengok apa yang berlaku di Filipina. Begitu juga sekarang yang kita tengok perkembangan yang berlaku di Thailand, Pendek kata tidak akan ada demokrasi, tidak akan ada soal hendak jalankan sistem apa pun termasuk hendak jalankan sistem hukum hudud, kalau tidak ada Pasukan Keselamatan yang cekap dan sanggup berkorban.

Tetapi soalnya sekarang ini, cukupkah atau tidak ganjaran yang kita beri kepada pihak pasukan keselamatan selama ini? Cukup atau tidak, baik dari segi kebajikannya ataupun seumpamanya, tetapi skurang-kurangnya waktu dalam keadaan mereka berugas di waktu genting? Cukup atau tidak? Kita sentiasa bagi penghargaan kepada Pasukan Keselamatan baik Polis atau Tentera. Kalau di waktu Hari Raya, saya ucap tahniah kepada Kementerian Penerangan sampai pergi ke hutan-hutan belantara untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya dan seumpamanya. Gambaran yang diberi begitu hebat tetapi soalnya apakah kebajikan mereka? Adakah mereka diberikan ganjaran yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan ini terutamanya kerja waktu lebih masa? Orang lain tidak kerja overtime 24 jam, Tuan Pengerusi, kerja lebih masa orang lain tidak ada, kecuali pasukan Polis yang bekerja 24 jam. Mungkin ada di hospital, ya, kakitangan, jururawat ataupun pembantu hospital, lepas itu Pasukan Keselamatan. Kalau ada yang lebih masa lebih sedikit pun mungkin PAS sahajalah kerana ceramah sampai ke Subuh seawal Lain-lain bidang saya tengok tidak banyak. Betullah Lapangan Terbang Antarabangsa, yalah, mungkin, pintu-pintu masuk

negara kita, Imigresen—yang bekerja 24 jam tetapi umumnya yang ramai Pasukan Keselamatan.

Jadi, saya ingin mencadangkan dan ingin bertanya apakah \$4 juta ini cukup alaupun memadai? Saya pernah dengar rungutan—dan masalah pihak Polis ini pula, Tuan Pengerusi, kalau kita tidak bercakap, tidak ada orang yang boleh bercakap—mereka ini kalau mengadu sedikit sampai kepada pihak atasan, kena disiplin. Dia bukan macam profesion lain. Profesion lain tidak ada masalah. Mereka tidak berani hendak bercakap masalah kebijakan mereka. Takut nanti nama mereka diquote maka mereka ini akan dikenakan tindakan disiplin. Hendak bercakap soal naik gaji pun takut, hendak tambah uniform baru pun takut. Jadi, serba-serbi takut sebab dia ada disiplinnya. Dia bukan takut kerana disiplin, maka tidak boleh bercakap. Jadi, tanggungjawab dan kewajipan kita untuk melihat sejauh mana mereka ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh di sini ialah Jabatan Percetakan Negara. Di bawah Butiran 00200, peruntukan sebanyak \$5 juta dipohon kerana hendak beli mesin-mesin dan peralatan percetakan dan duit ini sudah dibelanjakan daripada Simpanan Luar Jangka.

Yang saya hendak tahu, Tuan Pengerusi, dahulu saya dengar atau difahamkan bahawa Jabatan Percetakan Negara ini sudahpun masuk dalam senarai jabatan ataupun agensi yang akan diswastakan. Kalau tidak silap saya, sudahpun diberi gambaran dalam Dewan yang mulia ini. Saya hendak tahu sejauh mana kedudukan proses ke arah penswastakan Jabatan Percetakan Negara. Kalau dalam proses penswastakan, apakah perlu kita terpaksa membelanjakan sedemikian rupa ataupun sesudah beli mesin-mesin ini, ada orang yang akan mengambil Jabatan Percetakan Negara ini atas

nama penswastaan. Jadi, orang yang mncdapal penswastaan Jabatan Percetakan Negara ini di waktu organisasi ini yang sudah kukuh dan tidak banyak keluar belanja ataupun ianya akan dikekalkan di atas status yang ada sekarang. Cuma saya ingin tahu supaya jika dibelanja sebanyak \$5 juta ini yang dikatakan untuk mengukuhkan lagi operasi Jabatan ini, kita harap Jabatan ini akan meningkatkan lagi prestasinya.

Tetapi dalam soal percetakan ini, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian supaya pihak Kementerian ataupun Jabatan, kalau boleh supaya lebih berhati-hati dari segi penjimatan percetakan ini. Memanglah segala-galanya kita kena cetak; buku laporan, macam-macam lagi kena cetak dengan kulit yang begitu cantik kerana perlu pada laporan, tetapi segala laporan ini hanya akan tinggal begitu sahaja. Jadi, perlukah atau tidak? Saya tidak tahu berapa banyak cost of printing, Tuan Pengerusi, and it might be millions of dollars untuk perbelanjaan mencetak (printing) segala laporan-laporan dan scumpamanya melalui Jabatan Percetakan Negara. Itu belum lagi melalui lain-lain agensi dari segi penggunaan kertas dan sebagainya, jumlah icrcetak cukup ataupun melebihi dan sebagainya, ini semua perlu kepada dasar dan arahan yang jelas supaya ianya tidak membazir, supaya apabila kita cetak sesuatu laporan ataupun apa sahaja, ianya tidak terbuang dengan begitu sahaja. Berlonggok sana, berlonggok sini, yang palutnya diedar kepada orang ramai. Ini pandangan yang positif yang mempunyai niat yang baik, Tuan Pengerusi, tidak macam Kepong ataupun Nilam Puri. Marang sudah balik?

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya ingin sentuh berkenaan dengan Anggaran Tambahan mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri. Skian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

5.36 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyebut Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia.

Saya juga, sebagaimana rakan saya daripada Pasir Mas tadi, mengucapkan bcrbanyak terima kasih atas jasa Jabatan Polis DiRaja Malaysia kerana telah menjamin keselamatan di masa pilihanraya yang berlaku di Sarawak yang mana peruntukan \$4 juta (yang belum diagihkan) adalah diminta pada hari ini.

Jadi, memanglah betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin dari segi pengalaman yang lalu, saya pernah mengalami iaitu pihak Polis selalu kena ke belakang. Baru-baru ini kita mendengar rungutan daripada pihak Polis walaupun tidak secara berleluasa dan tiada begitu ketara, tetapi ada juga yang menyentuh terutama sekali fasal kenaikan gaji baru. Umpamanya, mengenai gaji baru, kalau seseorang itu berpangkat Konstabel, gajinya naik hanya 6% tetapi kalau pangkat IGP, dia naik 20%. Jadi, rasionalnya ini, orang yang kecil terus kecil, orang yang besar terus naik terus, tetapi benda yang dibeli seperti bcras, gula ataupun ikan bilis itu sama.

Jadi, mana logiknya ini? Sepatutnya kalau hendak naik gaji, beritah sama rata. Sekurang-kurangnya kalau orang atasan itu makan ikan bilis yang itu, orang di bawah itu pun boleh makan ikan bilis yang sama. Ini perbandingan di antara pegawai Polis itu sendiri, tetapi di antara pegawai lain macam Kastam dan Military pun ada banyak perbezaan. Umpamanya pegawai Polis. Selepas orang itu keluar daripada latihan, peperangan seorang pegawai Polis sudah bermula. Tetapi askar di

negara kita ini, belum sekali pun mengalami satu peperangan yang betul selain dari peperangan dalam hutan guerilla warfare dan sebagainya. Saya sendiri pernah berkhidmat 4 tahun dalam hutan dahulu.

Jadi, pegawai Polis berterusan dari mula masuk kerja sampai pencen pun dalam peperangan mciawan jenayah, mclawan dadah dan lain-lain. Tetapi kenapakah gaji mereka ini diberi begitu kecil sckali dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang lain—Kastam dan Askar, umpamanya—bahkan mereka ini mendapat risiko yang sama bahkan lebih lagi? Kadang-kadang mereka bcrugas 18 jam satu hari tetapi tidak ada elaun, tidak ada overtime, hendak sebut pun tidak boleh. Kalau hendak komplek pun terus dapat dikatakan orderly room. Kena potong gaji 3 hari lepas itu. Jangan hendak dapat lebih, potong pun ada.

Jadi, kalau mcrangka gaji Polis itu, tolonglah sedikit ingat bahawa pegawai Polis itu peperangannya berterusan yang bermula daripada umur 18 tahun atau 19 tahun dan selepas habis latihan itu sudah masuk peperangan.

Jadi, itu sahajalah soalan saya dan ucapan tahniah kepada pihak Polis yang telah menjalankan dengan baik sama ada di Sarawak ataupun di Bukit Payung.

Berpindah saya kepada Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara. Saya pun tidak cerita panjang lebar ini walaupun saya sudah berbincang dengan Setiausaha Parlimen berhubung dengan kompaun ini. Apa yang berlaku mungkin di seluruh Sarawak tetapi berlaku di kawasan saya.

Apabila seseorang itu mendapat I/C masa umur 12 tahun, bila mencapai umur 18 tahun, terpaksa meminta satu I/C baru tetapi kelazimannya di Sarawak, orang tidak buat semasa umur 18 tahun itu. Jadi, kalau tidak buat pada umur 18 tahun, tetapi dibuat pada umur

25 tahun, dia mesli kena hukum. Jadi, ramatlah orang yang patut dihukum di Sarawak itu kerana melakukan kesalahan tidak ganti I/C selepas 18 tahun umurnya. Jadi, bila I/C baru hendak dibuat ramailah orang yang terpaksa mengikut exercise Kerajaan hendak tukar kcpada I/C baru. Apa yang menyedihkan ialah bila orang datang untuk memohon I/C, dia terkena hukum dulu, baru boleh buat permohonan I/C. Yang malangnya ini, hukumannya bukan kecil.

Hukuman \$50 ke \$150 seorang. Dan saya berjumpa dengan pegawai di kawasan saya, saya kata "Kenapa besar sangat? Kalau hendak kedua suami-isteri kena, anak pun kena—tiga orang sebuah rumah itu, \$450, kalau seorang \$150. Itu gaji setahun, makanan setahun orang kampung ini." Jadi, jawapan pada saya senang sahaja. "Yang Berhormat, saya menurut perintah." Jadi, saya kata "Tak apalah. Kalau menurut perintah, saya cari orang yang memerintahnya nanti."

Jadi, saya berhubung dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dia kata sepatutnya tidak berlaku. Di sini saya haraplah perkara yang macam ini jangan berlaku oleh kerana ini akan membantutkan exercise Kerajaan. Kalau orang tahu, banyak orang kata tidak hendak lagi dibuat I.C. ini.

Kalau dia berumur 50 tahun, dia kata, saya mungkin mati 65 tahun, 15 tahun tak apalah. Kalau tidak ada apa-apa, tidak guna dengan Kerajaan. Saya boleh hidup 15 tahun, duduk di hutan. Kaianya, tidak guna I.C, tak apa!

Jadi, semua tindakan-tindakan Kerajaan akan mcmberi jalan buntu kalau tindakan-tindakan denda ini tidak dikurangkan. Kalau saya hendak ikut style Yang Berhormat dari Kepong pun, panjang cerita saya ini. Orang Kepong selalu kena kepong. Saya tak apalah. Cakap pendek, cukuplah. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong.

5.42 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan. Satu, mengenai Polis DiRaja Malaysia. Saya mengalu-alukan sokongan yang dibuat oleh bebcrapa ahli Barisan Nasional terhadap desakan DAP dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan mcmbcri pertimbangan yang sewajar kepada tuntutan-tuntutan pihak Polis di tanahair kita untuk mendapat satu syarat pekerjaan, gaji-gaji dan elaun-elaun yang lebih adil. Dan kita sudah, dalam sidang Parlimen kali ini sudah bebcrapa kali bangkitkan hal ini, khasnya mengenai sunguian pihak Polis terhadap ketidakadilan dalam Sisiem Saraan Baru apabila di mana mereka tidak diletakkan setaraf dengan kakitangan pasukan tentera dan civilian—perkhidmatan-perkhidmatan awam. Malangnya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apabila mcng-gulung perbahasan dalam perkara ini dan menjawab kepada ucapan saya dalam perkara ini pada 6hb Mei, 1992, dia kata, dan saya petik:

"Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong dan lain-lain sudah mcngesyorkan supaya gaji anggota Polis DiRaja Malaysia di bawah Sistem Saraan Baru dikaji semula. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam, pandangan pihak Polis, bukan pandangan Yang Berhormat dari Tanjong,"

Inilah satu contoh di mana Ahli-ahli Kerajaan, khasnya Ahli-ahli Kerajaan daripada MCA mahu mcmain-mainkan isu-isu penting kepada rakyat jelata dan kepada negara. Kenapa mahu buat sindiran, bukan mahu fikir pandangan Yang Berhormat dari Tanjong? Adakah

takut pandangan Yang Berhormat dari Tanjong? Tetapi itu bukan hal yang mustahak. Hal mustahak ialah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah bohong dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: Sudah mengelirukan Dewan yang mulia ini oleh kerana apa yang dia cakap ialah tidak benar, Oleh sebab ia tidak benar, dia sudah bohong, buarbohong, saya rela dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan. Rujuk saya kepada Committee of Privileges oleh kerana inilah apa yang benar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini perbahasan dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tabu saya sebut itu sahaja—ini passing. Olch kerana ini mengenai perbelanjaan-perbelanjaan, saraan-saraan Polis sahaja. Olch kerana semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sudah kata bahawa tuntutan daripada pihak Polis sudah ditolak oleh satu Jawatankuasa Kabinet. Tetapi dua minggu lalu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata "Akan lagi kita kaji." Main-mainkan, tidak serius, memainkan perasaan 100,000 anggota Polis dalam Malaysia yang mcnunggu bagi mendapat satu layanan yang adil.

Apabila sudah ditolak, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen datang ke sini kata, "kita akan kaji, sedang kaji", scmacam semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, MCA masih lagi memain-mainkan, "akan jumpa, sedang jumpa, rela jumpa pensyarah-pensyarah universiti-universiti". Itulah, saya harap perangai scmacam ini, tabiat scmacam ini dihapuskan, dikikiskan supaya kita dapat Menteri-menteri, anggota Kerajaan yang lebih

bertanggungjawab dan bukan orang-orang yang tidak matang dan tidak masak. (*Tepuk*)

Saya harap dalam perkara ini, saya bagi pihak DAP, bagi pihak 100,000 ahli Polis menyeru, meminta Kerajaan kaji semula. Kaji semula permintaan mereka untuk dapat gred-gred, gaji-gaji yang berpatutan, Kaji semula olch kerana Yang Berhormat Timbalan Mnciri Dalam Negeri pernah berkata kalau pihak Polis rasa gaji mereka terlalu rendah bolehlah buat tuntutan. Sckarang mrcka sudah buat tuntutan. Pihak anggota Polis DiRaja Malaysia sudah buat tuntutan.

Saya harap Kabinet boleh ulang kaji perkara ini semula supaya mereka boleh dapat layanan yang baik dan sctaraf dengan kakitangan-kakitangan dalam angkatan tentera dan dengan perkhidmatan awam. Itulah satu perkara penting dan saya harap permintaan DAP ini boleh dapat sokongan semua Ahli-ahli Parlimen UMNO, MCA, MIC bahawa sewajarnya dinaikkan gaji untuk 100,000 orang pihak Polis. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan sokong seruan saya?

Beberapa Ahli: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: Kedua ialah Jabatan Pendaftaran Negara. Tadi Yang Berhormat daripada Kabinet sudah sebut mengenai perkara masalah permohonan kad pengenalan baru. Saya tidak mahu ulang perkara-perkara yang beliau sudah bangkit. Satu perkara sahaja saya mahu bangkitkan, olch kerana DAP dan perkara ini sudah bangkit hal mengenai berbagai ketidakadilan, perbincangan dalam permohonan kad-kad pengenalan yang baru, satu guideline baru sudah dikeluarkan. Tetapi dari segi bayaran yang dikenakan kepada rakyat, 15 juta orang Malaysia yang perlu dapat kad pengenalan yang baru, perkara ini tidak

ada apa-apa perubahan. Oleh kerana mereka yang ada I.C. yang lama yang tidak ditukar perlu bayar \$6.00 selain daripada \$4.00 untuk kad pengenalan yang baru, kalau mereka tidak didenda semacam Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi sudah scbutkan \$504100. Kita harap bahawa satu standardised bayaran diadakan di mana mreka yang memohon kad pcngnalan yang baru perlu bayar \$4.00 sahaja. Kalau ada kad lama tidak ditukar sama ada 10 tahun, 20 tahun, tidak payah lagi kena denda oleh kerana sekarang semua mahu tukar kad pengenalan yang baru.

Adakah Kcrajaan begitu bankrap mahu cari jalan untuk mengcnakan bayaran sini, bayaran sana yang tidak adil. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada di sini, saya haraplah Kcrajaan, Treasury, Perbendaharaan, Khazanah Kcrajaan bukan bcgitu bankrap di mana saham-saham di semua tempat beri, ada beratus-ratus juta ringgit, skandal sini, skandal sana. Bayaran kad pengenalan bagi pihak orang miskin dan rakyat dikenakan \$4 sahaja. Kad lama tidak tukar tidak mengapalah, ketepikan. Kalau boleh bagi syer saham Telekom, saham Proton kepada UMNO, kepada bumiputera, kcpada Maika, kepada syarikat-syarikat, my goodness, my god, I do not know who. Saya harap bahawa di dalam perkara ini satu perubahan dibuat supaya bayaran \$4 dikenakan untuk semua rakyat jelata yang mahu dapatkan kad pcngnalan yang baru dan tidak ada apa-apa tindakan denda dikenakan, kalau tidak itulah tidak adil. Tentu mereka yang perlu bayar lagi \$6 akan ingat kenapa orang boleh dapat saham-saham Telekom, boleh dapat saham-saham Proton, saham-saham TEN lctapi \$6 pun mahu bayar. Kerajaan \$6 pun mahu kutip. Itulah tidak adil. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau, selepas ini Setiausaha Parlimen menjawab.

5.57 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin mencyokong cadangan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Yang pertamanya Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa perkhidmatan Polis ini penting. Apabila perkhidmatan keselamatan ini penting banyak pihak akan mengambil kesempatan untuk mempolitikkan, mempolitisaikan isu-isu berhubung dengan perkhidmatan pasukan yang berkenaan.

Jadi, yang pertamanya ialah orang yang paling kuat untuk mempolitikkan keadaan ini, kalau macam hukum hudud kita dapati orang yang paling kuat mempolitikkannya ialah kawan-kawan saya daripada PAS yang diketuai oleh Tok Guru Nik Aziz dan rakan-rakannya. Berhubung dengan Polis ini orang yang paling kuat mempolitikkannya ialah Ketua Pembangkang.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tumpat bangun, hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan daripada manakah beliau memahami bahawasanya Menteri Besar Kelantan mengesepal untuk mempolitikkan isu hudud? Apa yang saya tahu ialah tidak sama sekali, apa yang dicakapkan oleh MB Kelantan ini adalah dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab terhadap manusia dan Allah s.w.t.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya seperti rakyat jelata yang lain termasuk juga rakyat jelata PAS yang lain-lain, kita sendiri melihat di Parlimen yang seolah-olahnya hukum hudud ini hanya orang PAS sahaja tahu, orang lain tidak tahu. Mempolitikkannya banyak, contohnya macam hendak guna 'gedebe', hendak potong tangan, itu mempolitikkan hukum hudud. Kemudian di sini pula macam-macam jawapan, kalau kita tengok di antara soal jawab contohnya sahabat saya dari Marang menjawab apabila kita tuduhkan kes lamborghini, adakah Sultan akan termasuk di dalam hukum hudud, beliau mengatakan, oh, dia mengambil hak dia. Jadi belum lagi kita lantik kadi ataupun orang yang bertanggungjawab untuk menjatuhkan hukuman, dia sudah jaluhkan hukuman. Saya sendiri pun takut hukum hudud sekiranya hukuman diberi sebelum kita melantik orang yang bertanggungjawab untuk menjadi hakim kepada sistem perundangan ini. DAP tidak setuju kepada hukum hudud.

Beberapa Ahli: Setuju!

Tuan Shahidan bin Kassim: DAP setuju, alhamdulillah. Sekarang kita isytiharkan DAP bersetuju dengan hukum hudud, semua orang dengar!

Tuan Lau Dak Kee: Tidak bersetuju hukum hudud terhadap orang-orang yang bukan Islam. Bagi orang Islam saya tidak ada masalah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, DAP bersetuju dengan hukum hudud.

Tuan Lau Dak Kee: Kepada orang Islam sahaja, yang bukan Islam tidak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dalam perundangan Islam dia tidak kata, yang ini untuk orang Islam, yang ini untuk orang bukan Islam. Dalam Islam tidak boleh mengikut syarat undang-undang yang dikenakan kepada orang bukan Islam. Kalau hudud—hudud, Islam tak

Islam—hudud. Tetapi sekarang DAP setuju bahawa hudud ini untuk Islam, yang bukan Islam tidak payah. Jadi, kesimpulannya DAP setuju dengan hudud. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya mengucapkan terima kasih sekurang-kurangnya bila PAS bawa usul ini di Parlimen, kita harap pihak DAP bangun, kami setuju hukum hudud ini untuk orang Islam. Kita tidak peduli, yang penting dia bangun untuk bersetuju dengan hukum hudud ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Arau sama ada beliau bersetuju dengan hukum hudud dilaksanakan bagi orang Islam atau bagaimana?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini sahabat saya sudah jadi macam DAP. Dia kata adakah setuju dilaksanakan kepada orang Islam. Mana ada hukum hudud untuk orang Islam? Hukum hudud kalau dijalankan di negeri yang berkenaan untuk semua orang. Masa di zaman Nabi dia menjalankan hukum Islam, orang Yahudi pun kena. Ini dia tanya soalan kepada saya, adakah Yang Berhormat bersetuju hudud ini untuk orang Islam? Soalannya salah. Saya bersetuju, semua orang UMNO di sini bersetuju hukum hudud ini untuk semua orang. Kalau bawa ke sini kita akan sokong tetapi kita hendak tengok benda apa yang dia tulis. Kita hendak tengok dahulu sebab kita tidak boleh sokong buta-butanya. Kita takut hukum hudud ini ala-PAS. Kita mahu hudud di dalam sistem Islam, Jadi, kita tidak mahu mana-mana pihak mempolitikkan isu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Wan Mohd. Hanafiah bin Wan Mohd. Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kembali kepada tajuk. Ya, Kota Setar.

Wan Mohd. Hanafiah bin Wan Mohd. Saman: Ketika Arau bercakap, Tumpat bangun berdiri sahaja, minta supaya dia duduk, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau, kembali kepada tajuk yang diperbincangkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta Yang Berhormat supaya tidak silap bahawa hukum hudud ini untuk semua orang. Saya ingat kita lupakan hukum hudud ini, kita tunggulah apa Yang Berhormat hendak buat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tumpat bangun lagi, fasal hukum hudud lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Supaya menghilangkan kekeliruan, jadi soalan saya yang kedua, adakah ikhlas apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat sebagai Ketua Backbencher Kerajaan, Yang Berhormat akan bersetuju bahawasanya hukum hudud itu dikenakan bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada orang yang bukan Islam?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang saya hairan Yang Berhormat juga hendak mempolitikkan benda ini. Yang Amat Berhormat Nik Aziz Menteri

Besar Kelantan berkata hukum hudud untuk semua orang. Yang Berhormat hendak mempolitikkan, tanya saya adakah saya bersetuju untuk Islam dan bukan Islam, jadi Yang Berhormat hendak mempolitikkan saya, macam DAP tanya saya tadi. Akan sokong hanya untuk orang Islam sahaja. Yang Berhormat tanya pula adakah saya bersetuju untuk Islam dan bukan Islam. Saya bukan soal hudud untuk Islam atau bukan Islam, kalau hudud itu untuk semua orang, saya akan sokong untuk semua orang sebagai seorang Islam. Saya ingat saya lebih ikhlas daripada penulis-penulis PAS di belakang sana yang tadi apabila saya bercakap, dia sendiri tumpang campurtangan untuk bercakap setuju atau tidak setuju. Saya dengar suara daripada belakang. Dia akan tulis macam-macam dalam *Harakah*, dia lebih pembohong. Akhbar *Harakah* tidak ikhlas, macam-macam dia tulis. Dia tulis macam orang itu duduk dekat rumah saya, inilah penulis-penulis PAS di dalam *Harakah*. Besok tulis lagi sebab banyak kawan-kawan dalam PAS, ambil *Hansard*, beri kepada penulis-penulis *Harakah*, suruh dia tulis.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya cakap mengenai ini, yang mempolitikkan hukum hudud sekarang ialah orang PAS sendiri, bukan orang UMNO. Orang UMNO menunggu, bawa ke sini kita bincang. Ini tanya dahulu, setuju atau tidak setuju? Bawa dahulu, sebab kami semua anak jantan, bawa dahulu, kita bincang. (*Tepuic*) Sakit hati betul, dok sembang fasal hukum hudud, tetapi ekonomi orang Islam tidak pernah dibincang. Tiap-tiap beri ceramah cuma suruh bagi orang Islam bergaduh sesama sendiri. Islam macam ini saya ingat boleh beli dekat Chow Kit Road, betul! Saya cakap betul. Saya cukup

meradang sebab orang-orang Islam di kampung saya tidak ada usaha untuk membina ekonomi dan juga masa depan mereka tetapi asyik bergaduh. Bila orang UMNO mati, orang PAS tidak datang, semua ini tok-tok guru daripada Kelantan dan Terengganu yang bawa macam-macam perkara yang melingkupkan orang-orang di tempat saya. Sakit hati, sakit jiwa dibuatnya. Tetapi Mat Sabu ini bagus sebab dia ini bukan macam

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah tentang hudud, tidak ada butiran, tentang hudud. (*Ketawa*) Sila kembali kepada buliran yang telah ditctapkan. Arau teruskan ucapan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Mat Sabu ini bagus, tetapi dia ini bukan macam PAS atau Semangat 46. Dia kata sekali-sekala orang Islam boleh bangga diri. Mana ada peraturan di dalam Islam yang boleh pada bila-bila masa walaupun orang UMNO boleh banggakan diri.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Point of order 36(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, tadi Tuan Pengerusi benarkan Ketua Pembangkang. Dia tidak ada special di antara Ketua Pembangkang malah saya rasa dari segi sokongan Ahli-ahli Parlimen, saya Ketua Backbencher patut dapat elau lebih besar daripada Ketua Pembangkang. Dia berapa orang? (*Tepuk*) Ketua Pcmbangkang untuk DAP sahaja, PAS tidak akui...

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, on point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ipoh bangun,

Tuan Shahidan bin Kassim: Penyamun, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: 36(1), point of order...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia teruskan. Saya sudah bentangkan...

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini, penyamun Ipoh. Duduk, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Point of order, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Duduk! Duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Kalau point of order itu you kena duduk! Tuan Pengerusi, saya ingat, Tuan Pengerusi jalankan tugas untuk melaksanakan Peraturan Mesyuarat 36(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya telah mengarahkan...

Tuan Lau Dak Kee: Ya, dua kali. Ini kali ketiga.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak beritahu, tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menuduh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata pembohong. Kita tidak buat ruling pun suruh dia larik balik. Apa istimewa dia? Kepala penyamun itu hendak apa istimewa dia!

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Wong Wing Onn: *(Bangun)*

Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruddin: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang nombor dua, apabila dia nampak Menteri Kewangan masuk dia baru cakap pasal syer. Hendak cari publisiti.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, apa dia cakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kurang ajar! Penyamun! *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau cukuplah.

Tuan Wong Wing Onn: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ipoh, Kampar, duduk.

Tuan Wong Wing Onn: Tuan Pengerusi, point of order saya minta satu penjelasan...

Tuan Shahidan bin Kassim: Pengecut!

Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruddin: Duduk! Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jerai, Ipoh, Kampar, Arau duduk sekejap...

Tuan Wong Wing Onn: Point of Order 36(1)...

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, ikut...

(Diganggu)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau, Jerai. Silakan Yang Berhormat...

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya geram tengokkan kertas-kertas ini! *(Menumbuk meja)* Dia kata bodoh...

Tuan Wong Wing On: Tuan Pengerusi...

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Ipoh, Kampar duduk. Yang Berhormat Arau teruskan.

Tuan Wong Wing On: Tuan Pengerusi, saya minta satu ruling bahawa Ahli Yang Berhormat dari Arau supaya menarik balik perkataan (*Diganggu*) "kurang ajar". Itu perkataan unparliamentary.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat... (*Disampuk*)

Tuan Wong Wing On: Saya minta dia tarik balik perkataan...

Tuan Shahidan bin Kassim: Kepada siapa saya kata perkataan itu. Itu saya hendak tanya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak dengar apa. Terlalu banyak menjerit. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Ha.. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta Arau teruskan ucapan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dengar tidak?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tak ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak ada! (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya duduk dekat pun tidak dengar...

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ada tersebut perkataan-perkataan tadi, tidak tahu yang mana satu. Tetapi saya tidak rujuk kepada siapa-siapa. Saya marah, geram di atas perbuatan-perbuatan yang saya rasa boleh merosakkan negara. Negara kita membangun, maju...

Tuan Wong Wing On: Tuan Pengerusi, itu satu pembohongan! Dia kata itu pembangkang kurang ajar. Kalau pembangkang siapa? Pembangkang itu kamilah! Pembangkang kamilah, siapa lagi. Ada hantu di sinikah?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat...

Tuan Shahidan bin Kassim: Esok buka *Hansard*. Tengok saya ada sebut pembangkang atau tidak?

Tuan Wong Wing On: Tengok koniekslah. Tidak belajarkah? .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan. Kampar minta duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa dia? Yang Berhormat kata apa tadi? (*Ketawa*) Heh! Yang Berhormat kata apa tadi?

Tuan Wong Wing On: Apa itu? On point of order....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat...

Tuan Shahidan bin Kassim: Kata apa tadi! Tunggu! (*Diganggu*) Mulut jaga sikit!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat...

Tuan Wong Wing On: Pcmbangkang kurang ajar itu diluju kepada siapa? Kcpada siapa? Ada hantukah di Dcwan ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat...

Tuan Shahidan bin Kassim: Cakap baik-baik, orang ada maruah tahu! Bodoh!

Tuan Wong Wing On: Bukan, itu satu justice! Saya minta satu keputusan Tuan Pnengerusi alas sikap tidak hormat. Itu sahajalah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, cukuplah! Bertenang di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pngcrusi, saya hcndak cakap sekarang..

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kampar duduk ya!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak cakap pasal Polis ini. Saya tengok DAP cuba mcmpolitikkan isu ini pada hal isu pasal gaji Polis ini kita bincang di peringkat cawangan, di Perhimpunan Agung UMNO, dalam majlis-majlis Barisan Nasional. Itu sebab ahli-ahli Barisan Nasional ini cuma bangun dan mcmohon. Kita tidak mmpolitikkan isu. Bukan Kctua Pembangkang bawa perkara ini.

Jadi, Tuan Pngcrusi, yang saya hcndak minla sekarang Kementerian Kewangan dan scmua pihak pun ada sekarang ini, supaya melihal isu soal gaji Polis ini dilihat secara yang khusus. Jangan bcri ada pihak mmpolitikkan isu dan jangan benarkan ada lubang-lubang dan ruang-ruang di mana anggola Polis boleh mmpertikaikan perkara ini. Sebab kalau DAP bolch mengambil

kesempatan kepada perkara ini, maka soal keselamatan kita terancam. Itu sebab saya hairan kadang-kadang masalah-masalah keselamatan -DAP dengan mudah dapat.

Jadi, sekarang ini soal gaji Polis semua ini Yang Berhormat jawab jangan rujuk kcpada saya cakap, jangan rujuk kepada rakan-rakan Barisan Nasional cakap alau DAP, cakap "Kerajaan akari mlihat soal gaji Polis ini secara kcsccluruhan dan secara khusus. Bukan daripada permintaan mana-mana pihak oleh kerana Kerajaan sendiri memikirkan penting, harus diberi perhatian."

Dan saya hcndak beritahu kepada Tuan Pengerusi, bahawa MCA; sekarang Setiausaha Parlimennya dari MCA banyak sama-sama menolong supaya memikirkan soal gaji Polis, bukan DAP. DAP kalau kita tengok sejarah dan rekod, DAP masa Ketua Pembangkang dengan geng-geng dia kena tangkap dulu, dia sapu Polis sampai rapat! Lepas itu dia takut pula dekat Polis, dia pun ubahsuai strategi dia, buat-buat sokong. Sokong hendak mmpolitikkan isu. Bukan ikhlas itu. Kalau nampak gaji Polis naik dia suruh orang sana minta gaji naik, bcri negara bankrap konon dia boleh memerintah. Tidak ada hari. Tidak ada chance! Sampai hari kiamat, DAP taubat tidak bolch memerintah! (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, jadi saya minta supaya soal gaji Polis ini dilihat secara khusus sebagai satu perkara yang Kerajaan sendiri tanpa tekanan daripada mana-mana pihak, tanpa tekanan daripada saya, yang saya sendiri memikirkan sudah sampai masanya kita melihat perkara ini secara khusus dan beri prtimbangan sccara khusus pasal perumahan dan sebagainya.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat termasuk juga soal-soal maintenance kereta-kereta dan juga

motosikal Polis. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong pergi check motosikal yang dijadikan out-riders Perdana Menteri sekarang ini tidak ada bunga semua. Saya terkejut. Apabila Perdana Menteri datang, saya pergi tengok di depan sana, semua layar motosikal tidak ada bunga. Satu hari kalau jadi apa-apa, berat—ceritanya panjang! Kalau motosikal Polis tiba-tiba hari hujan, tayar tidak ada bunga, kereta Perdana Menteri pun pergi sama berlaku kemalangan, jadi cerita panjang. Kalau tidak percaya tengok sendiri.

Ini perkara-perkara yang harus dilihat dan Polis menghadapi masalah mengenai perkara ini. Dan saya mendapat laporan ini yang saya rasa tidak patul mendapat laporan tetapi oleh kerana DAP banyak mempolitik-kan isu ini sehingga ada setengah-setengah anggota yang sekarang ini tumpang sekaki untuk hendak mempolitik-kan benda itu. Kita tidak mahu benda ini berlaku. Kita tidak mahu Polis campur tangan dengan orang-orang politik di sini sampai dia boleh menyampaikan sesuatu melalui DAPkah atau melalui Barisan Nasional. Kita tidak mahu. Cuma kita mahu ada masalah jumpa boss dia—Ketua Setiausaha, Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan Perdana Menteri. Habis cerita. Jangan kita kata soal Polis, bahaya. Ini soal keselamatan negara. Kecuali kalau DAP tidak mahu keselamatan negara ini baik, dia mahu diancam selalu supaya dia dapat cari kesempatan. Hu saya tidak tahu. Makna kata dia tidak cinta kepada negara. Tetapi soal keselamatan jangan mempolitik-kan, ini saya memberi amaran kepada DAP dan semua pembangkang!

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya wang sebanyak \$4 juta ini diberi dan kita mesti juga dari masa kesemasa memikirkan bagaimana hala-cara khas yang boleh membantu pihak Polis, sebab mengikut tekanan

DAP, overtime pun dia suruh beri. Tidak boleh. Benda ini difikirkan dengan cara-cara yang lain yang boleh kita buat supaya ianya tidak mendatangkan kesan kepada keselamatan.

Kita juga harus ingat bahawa kita ada Persaluan Bekas Polis, Persatuan Bekas Perajurit dan sebagainya yang saya rasa mereka lelah diberi keistimewaan tertentu selepas mereka bersara dan sebagainya. Ini juga harus dilihat secara khusus sebab perkataan keistimewaan itu dalam bentuk apa, kerana tidak dibicarakannya secara khusus. Kecuali kalau hendak masuk PELDA dia kata "keutamakan diberi kepada bekas perajurit". Okay, all clear. Tapi yang lain macam mana? Kita hendak tengok supaya benda itu diberi pandangan secara khusus.

Saya dengan ini, Tuan Pengerusi, menyokong dan saya memohon kepada semua pihak jangan mempolitik-kan soal keselamatan, jangan mempolitik-kan soal Polis dan sebagainya. Lihat benda ini sebagai sesuatu yang penting yang harus ditegur. Ketua Pembangkang apabila saya bangun bercakap dia lari. Bila bangun bercakap, dia lari. Kononnya hendak boikot saya. Come-onlah, kalau anak jantan tunggu. Dia bercakap saya tunggu, saya bercakap dia tunggu! Dia ingat saya ini budak-budak yang dia tidak boleh berlawan, dia cuma hendak cari Menteri Kewangan dengan Perdana Menteri. Dengan kedua-dua orang itu, dia kena teruk sampai tidak boleh berjawab...

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: On point of order...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau, cukuplah...

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya menyokong. Susah sangat Ipoh ini. Bangkitlah bercakap, senang saya jawab sekejap lagi. Terima kasih. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

6.09 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat tentang hal-hal di bawah Kementerian Dalam Negeri yang telah memberikan pandangan yang mana ada di antaranya pandangan yang membina. Ada di antaranya yang sengaja bangkit-bangkit untuk lujuan politik. Walau bagaimanapun, saya akan cuba jawab semua soalan-soalan yang munasabah. Apa-apa pertanyaan itu adalah sesuatu yang jujur, saya akan beri jawapan jujur.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mencetus mengenai KPT, yang menurut beliau, beliau bimbang nanti semua kredit itu saya seorang yang akan dapat. Saya tidak menghirau sangat sama ada itu perasaan cemburu ataupun sesuatu kebimbangan politiknya tetapi tidak pernah saya kata "Saya seorang yang menyelesaikan semua masalah itu". Dalam semua kenyataan yang saya buat selama ini saya kata Jabatan Pendaftaran Negara telah berusaha untuk mengadakan satu garis panduan. Dan garis panduan itu telah mengambilkira pandangan dari semua yang terlibat termasuk dari wakil-wakil rakyat dan orang ramai. Jadi, itu bukan satu perkara yang besar sangat untuk kita bahas. Jadi, itu cuma satu penjelasan.

Tuan Pengerusi, setakat ini garis panduan itu telahpun mula dilaksanakan di Ibu Pejabat pada 29hb April, dan setakat ini sudah berjalan dengan lancar dan dalam beberapa hari kita telah berjaya mengatasi kes-kes yang mempunyai perbezaan dari segi maklumat. Walaupun dahulunya dari segi peraturan secara ketat, mereka perlu menjalani beberapa langkah untuk mengangkat sumpah, untuk cari saksi dan sebagainya, sekarang dengan garis panduan ini, semua itu telah dimudahkan dan orang ramai sangat mengalu-alukan garis panduan yang diusahakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara itu.

Tuan Pengerusi....

Tuan Wong Wing On: *(Bangun)*. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kampar hendak minta jalan.

Tuan Wong Wing On: Saya hendak minta jalan, iaitu satu perkara teknikal sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Okay satu sahaja.

Tuan Wong Wing On: Bolehkah Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan bahawa jika wakil-wakil rakyat sama ada dari Parlimen atau ADUN boleh mendapati garis panduan jika mereka memohon untuk memudahkan mereka menjalankan tugas seliap hari untuk berkhidmat kepada rakyat. Tidak kira parti.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, garis panduan itu sudah saya umumkan dan telah dicetak di dalam semua akhbar. Semua point-point penting, kalau saya tidak jelaskan bagaimana Ahli dari Kepong itu boleh dapat satu persatu, seperti yang dinyatakan. Ini bermakna bukan satu

rahsia. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara terpaksa melayan sesiapa sahaja, tidak kira DAP ataupun Pembangkang, tetapi oleh sebab kad pengenalan itu melibatkan semua orang iaitu 15 juta. Jadi, sesiapa yang mempunyai sebarang kerumitan JPN akan bantu asalkan pihak-pihak, terutamanya yang dari DAP itu jangan pula selalu pergi ke akhbar cuba mencari isu kepada JPN. Itu kita sudah cukup, terima kasih, kalau dia memberi kerjasama dari segi itu.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan untuk mengadakan pusat serenti, sebenarnya, apa yang kita buat sekarang ini, bukan pusat serenti, tetapi kita gunakan sistem bersepadu. Di bawah garis panduan yang baru seseorang itu kalau mempunyai perbezaan butiran di antara Kad Pengenalan dengan sijil kelahiran ataupun sijil kerafyaian, jika terlibat, mereka tidak perlu lagi datang pada hari yang berasingan dan pergi ke kaunter yang berlainan tingkat. Di bawah sistem bersepadu itu, kaunter-kaunter yang terlibat akan di adakan bersebelahan dan kakitangan-kakitangan, walaupun daripada bahagian yang berlainan, akan mengadakan satu kerjasama sepadu. Mereka akan merujuk sesuatu kes yang dianggap mempunyai perbezaan maklumat, mereka akan dilayan secara berpasukan. Jadi, itulah satu cara yang lebih praktikal, dari segi kemampuan bilangan kakitangan, dari segi kemampuan kewangan dan dari segi menjimatkan masa.

Tuan Pengerusi, mengenai bayaran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Tanjong, walaupun terdapat perbezaan nada Kepong dengan Tanjong, Tanjong itu sentiasa, bila nampak sahaja saya menjawab, dia tidak boleh tahan, walaupun saya orang muda yang sentiasa tenang dan dia sudah veteran dan berpengalaman, tetapi saya lebih sabar dan lebih tenang daripada dia. (Ketawa)

Walaupun bagaimanapun, saya beri juga dia satu penjelasan mengenai apa yang dia bangkitkan. Kita tidak sengaja kenakan bayaran yang banyak untuk mencetuskan seseorang yang miskin. Oleh sebab bayaran itu telahpun ditetapkan di bawah peraturan selama ini dan kita tidak naikkan bayaran itu untuk KPT. Itu semua bayaran lama. Apabila seseorang itu dia mempunyai perbezaan butir ataupun sesuatu kesilapan dalam dokumen sokongan, katakan dalam surat lahir nama sudah lain atau tarikh lahir sudah lain, dia terpaksa betulkan untuk kepentingan seseorang itu sendiri. Jadi, dia kena bayar \$5.00 untuk pembedahan dan \$5.00 itu adalah untuk satu pembedahan. Kalau dia ada banyak pembedahan dan banyak kesilapan, maka dia membayar mengikut kadar kesilapan itu dan dari segi mereka yang tidak tukar kad pengenalan seperti yang dibangkitkan oleh Batang Lular, iaitu kad pengenalan lama 12 tahun itu sampai lebih daripada umur 18 tahun dan sampai hari ini ada juga, seperti kata Yang Berhormat Batang Lular— orang tua-tua. Kalau orang tua tetapi dia masih pegang kad pengenalan 12 tahun, iaitu gambar budak. Jadi, macam mana dari segi tujuan kad pengenalan itu tidak ada makna lagi. Kalau seorang dewasa itu dia pegang satu kad pengenalan dan gambarnya ialah gambar semasa dia muda sangat, dia lain muka. Jadi, dari segi Akta Pendaftaran.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Ini bukan cari gaduh macam di sebelah sana, tetapi saya hendak minta penjelasan. Dengan dibayar \$50.00 itu bolehkah gambar yang lama itu bertukar wajah? Itu sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Itu ialah tugas Pegawai JPN yang mencuba mengikut peraturan Akta Pendaftaran Negara di bawah peraturan yang tertentu iaitu di bawah peraturan 25(1)(J). Ini adalah satu tindakan ataupun langkah untuk memastikan orang ramai akan patuh. Kalau tidak ada peraturan seperti itu

orang ramai tidak akan pergi menukar kad pengenalan, akhirnya, beberapa juta orang pegang kad pengenalan yang lama. Jadi, dari segi hukuman penalti yang dikenakan, walau bagaimanapun pandangan seperti yang Ahli Yang Berhormat telah beritahu saya, dan saya sudah bincang dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara, dan Jabatan Pendaftaran Negara yang begitu peka dan bersimpati dengan golongan miskin.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebentar, kita ada Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) dan Usul Pembangunan, dan apabila tamat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui:

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) dan Usul Pembangunan, dan apabila tamat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.3) 1991

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.1) 1992

Jawatankuasa

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila sambung.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Jabatan Pendaftaran Negara akan mengambil sikap yang lebih bersimpati terhadap mereka, terutamanya yang miskin di kawasan pendalaman. Dari segi penguatkuasaan Akta Pendaftaran ini, seboleh-bolehnya kita akan kenakan bayaran yang paling minima sekali. Itu adalah satu perhatian yang JPN telah ambil maklum.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah bertanya dan hendak tahu.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Nilam Puri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih Tuan Pengerusi, berhubung dengan kad pengenalan baru yang dikeluarkan sekarang, apakah kalau boleh diubah balik, iaitu pemegang kad pengenalan itu hendaklah dilelakkan agama. Sebab kami bagi orang Islam, sensitif perkara ini. Kalau berlaku kemalangan, muka rakyat Malaysia sekarang kita sudah tidak kenal antara Islam dengan bukan Islam. Kalau yang Islam kita ajar cara-cara dia hendak mati, mengucap dan sebagainya. Jadi, kad pengenalan baru ini tidak mempunyai nama dan kadang-kadang cukup sukar kalau kita tengok muka, Maran, misalnya, kita tidak tahu. Kalau saya, kenal—tidak apa, tetapi kalau orang ramai tidak tahu sama ada dia hendak diajar mengucap atau tidak. Begitu juga muka Tanah Merah. Muka Tanah Merah ini kalau eksiden, ini jadi masalah serius. Jadi, saya harap supaya kad pengenalan ini kalau bolehlah, kalau dia tidak letak bangsa pun, agama hendaklah diletakkan kerana ini adalah masalah akidah kepada orang Islam.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Kad Pengenalan ada nama. Nama tercatat dalam semua Kad

Pengenalan, daripada nama itu seseorang Islam atau bukan Islam boleh dibezakan. Dan lagipun dalam borang permohonan, memang sudah ada dicatat maklumat seperti agama dan juga bangsa.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, nama tidak boleh, di Sabah dan Sarawak, kadang-kadang namanya 'Mariam', kita anggap dianya orang Islam tetapi Kristian. Begitu juga nama sekarang ini telah diubahsuai dengan nama-nama baru, nama Indonesia—'Inderawati', tidak tahu agama apa, sebab itu agama itu penting, kalau berlaku kemalangan terutama sekali, kami hendak uruskan secara Islam, insya Allah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebenarnya sikap Kerajaan Barisan Nasional kita hendak menyatupadukan rakyat, tidak kira dari apa lalar belakang. Seboleh-bolehnya kita jangan selalu bezakan di antara rakyat sendiri, sehingga baru-baru ini kita hendak kaji semula sama ada dokumen-dokumen ataupun sesuatu pas itu kalau tidak perlu jangan kita terlalu tonjolkan sangat ataupun pentingkan sangat dia punya perbezaan kaumkah, perbezaan agamakah. Tetapi pihak berkuasa memang ada cara untuk tahu apabila KPT nanti satu hari

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Shah Alam): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Shah Alam.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Pengerusi, pncjclasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau 'bin' dengan 'binti' itu sudah memadai dapat menentukan agama Islam?

Tuan Ong Ka Ting: Pandangan-pandangan itu saya akan ambil maklum," tetapi saya baru hendak

beritahu apabila KPT ini sudah kita lengkapkan sistemnya, maknanya semua maklumat seseorang itu sudah dimasukkan ke dalam komputer. Jadi, di semua jabatan-jabatan, tidak kira di Jabatan Polis atau di agensi-agensi yang berlainan akan dapat kita semak terus sekali kepada komputer. Jadi, pandangan dari kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu akan kita ambil maklum.

Tuan Pengerusi,

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya satu lagi soalan. Apakah pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan menentukan syarat sebagai gambar. Gambar ini supaya tidak ada tanda, termasuk janggut. Sebab, ada juga wakiu mereka ambil gambar untuk Kad Pengenalan ada janggut, selepas itu dia cukur, tidak ada janggut orang tidak kenal, macam Ahli Parlimen dari Nilam Puri contohnya. (*Ketawa*)

Kalau Ahli Parlimen Nilam Puri sekarang ini gambar dalam Kad Pengenalan ada janggut, selepas itu dia pergi merayau seluruh Malaysia, dia balik, dia buang janggut, orang tidak kenal. Jadi, apakah kita hendak kenakan syarat supaya gambar dalam Kad Pengenalan ini tidak ada janggut? Maknanya bersih semua sekali. (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, kalau ada janggut atau tidak, dia ada masalah juga. Kalau seseorang itu dia sengaja melakukan sesuatu, kalau gambar itu tidak ada janggut, nanti bila dia dapat Kad Pengenalan, dia adakan janggut, itupun akan menjadi satu masalah. (*Ketawa*) Tetapi apa yang penting ialah cap ibu jari itu akan dapat kita kesan melalui komputer nanti dengan senang.

Tuan Pengerusi, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas

Tuan Kerk Kim Hock (Pasir Pinji): Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Ong Ka Ting: Saya ingat ini yang akhir sekali untuk Kad Pengenalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay. Saya ingin menanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah sebabnya pada awal tahun ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan satu arahan bertulis kepada semua Pengarah Pendaftaran Negeri supaya tidak mengadakan Majlis Taklimat mengenai Kad Pengenalan baru itu kepada semua pihak Pembangkang. Apakah sebab ini telah dilaksanakan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sama ada ada atau tidak satu arahan bertulis, itu saya akan siasat, tetapi saya kena beriiahu Dewan yang mulia ini, buat masa ini semua Pengarah, semua Pegawai begitu sibuk dengan KPT. Mereka bukan ada masa yang banyak untuk selalu memberi taklimat sehingga saya sendiri apabila hendakkan maklumat untuk mendapat taklimat, saya kena pergi JPM supaya tidak membuang masa mereka. Jadi, saya rasa apa yang penting sekarang ini, kita sudah umumkan segala garis panduan itu dengan se jelas-jelasnya apa-apa taklimat yang diperlukan itu, saya ingat sudah dapat kita baca melalui suratkhbar kalau

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): (*Bangun*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Belud, Balang Lupar bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Kalau berkenaan Kad Pengenalan, sudah cukup. Masa tidak ada.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhonnat, ini penting.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Belud, Batang Lupar, duduk! Dia tidak beri.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak beri.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan tentang anggota Polis yang telah terlibat dalam pilihanraya di Sarawak. Bilangan anggota Polis yang terlibat adalah 2,696. Ini termasuk pasukan Polis Hutan dan FRU. Dan mereka ini dibayar elaun honorarium sebanyak di antara \$10 hingga \$20 sehari apabila mengadakan operasi ataupun dalam jangkamasa enam hari itu. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah begitu mengambil berat tentang kebajikan kepcniingan mereka, semua pandangan itu kita akan ambil maklum untuk dikaji. Dan Kementerian sentiasa sedar tentang kehidupan dan kebajikan Polis juga kita tahu, tidak seperti apa yang selalu dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang mengatakan kononnya mereka ini dalam keadaan yang paling tidak adil sekali.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya keadaan memang begitu tidak adil sekali, mereka yang menjaga keselamatan negara kita ini, saya rasa negara ini tidak akan aman sentosa macam hari ini. Keadaan yang aman dan ketenteraman yang begitu baik di negara ini telah menunjukkan pihak Polis sudah mempunyai satu sikap begitu setia

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah. Saya baru mula sahaja bercakap berkenaan Polis.

Tuan Ahmad bin Nor: Ini berkenaan dengan Polis kcrana percakapan yang tidak benar.

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habis.

Tuan Ahmad bin Nor: Bila Setiausaha Parlimen buat kenyataan yang tidak benar, saya terpaksa memberitahu.

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habis statement saya, duduk dahulu.

Tuan Pengerusi, sudah banyak kali kita dengar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia menyebut berkenaan gaji Polis. Cara dia sebut macam dia juara. Adakah betul-betul dia begitu kasihkan pasukan Polis kita? Kalau benar-benar, saya rasa tidak timbullah selama ini ada bermacam-macam teguran

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri, saya habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri.

Tuan Ong Ka Ting: Macam-macam teguran telahpun dibangkitkan terutamanya oleh pihak DAP dalam Dewan ini pada 20 tahun lebih ini yang mengkritik Polis. Seolah-olah macam

Polis itu bertindak dengan keras, bertindak dengan tidak adil, selalu ada soalan yang macam ini dibangkitkan.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tidak, saya belum habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Tuan Ong Ka Ting: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sudah membuat satu kenyataan yang serius iaitu dia mengatakan, saya berbohong dalam Dewan ini, walaupun tadi saya tidak ganggu dia, beri dia bercakap, memang saya tahu tabiatnya itu, memang saya tahu Ahli Yang Berhormat ini, dia suka buat macam-macam sindiran, kritik hendak memperkecilkan, untuk memfitnabkan terutamanya Ahli Yang Berhormat dari MCA. Tetapi saya tidak akan jatuh dalam perangkap dia. Sebab itu saya marah, sampai saya sudah tidak boleh jawab soalnya secara tenang dan sabar, itu motif dia. Motif dia hendak menyakitkan hati saya. Tetapi hati saya tidak sakit langsung. (*Tepuk*)

Saya masih ingat apabila perkataan 'pembobongan' itu dibangkitkan. Walaupun tidak ditujukan kepada dia, dia sudah macam hendak lawan dengan Speaker pada masa itu, seorang Menteri kata tarik balik. Tetapi tadi saya sengaja tidak mahu dia buat demikian, saya hendak dia sendiri sedar, balik dia kena fikir baik-baik adakah sikap dia itu betul adil untuk orang lain (*Tepuk*) ataupun Dewan ini dengan nada suara yang tinggi, yang kuat itu akan menakut-nakutkan seseorang yang cuba menerangkan sesuatu itu.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun tagi, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tak payahlah.....

Dr Tan Seng Giaw: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, point of order ke berapa, Kepong?

Dr Tan Seng Giaw: 36(1).....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 36(1).

Dr Tan Seng Giaw:...yang luar daripada apa yang perlu untuk dijawabkan di sini, tidak kena-mengena dengan Maksud-maksud itu. Itu hal peribadi pihak Ketua Pembangkang, apa kena-mengena dengan dia?

Tuan Yim Chee Chong (Seremban): Ini kena-mengena (*Ketawa*) kerana menerangkan orang yang bohong itu dari DAP. (*Tepuk*)

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, itu orang gila terlepaskah?

Dr Tan Seng Giaw: Itu peguam MCA lah berlagak macam itu. (*Ketawa*)

Tuan Yim Chee Chong: Sebab peguam yang mengctahui undang-undang daripada doktor. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Kita beri pengajaran yang betul. Ini atas point of order!

Tuan Yim Chee Chong: Pengajaran adalah diberi daripada peguam kepada doktor (*Tepuk*), oleh kerana doktor tidak mengetahui undang-undang. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah puas, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan tadi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan tadi saya hendak Tuan Pengerusi buat satu ruling macam mana dia merayau ke situ, merayau ke sini. Saya tahu itu tabiat MCA hendak merayau ke sini, mcrayau ke situ.....

Tuan Yim Chee Chong: Ini bukan MCA, tabiat DAP.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah. Saya buat ruling. Setiausaha Parlimen membangkitkan masalah yang telah disebutkan oleh Tanjong, Jadi, kita benarkan dia menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, tadi pada masa saya berdiri saya sudah segan sedikit sama ada hendak jawab apa yang dibangkitkan oleh Tanjong itu atau tidak, sebab dia begitu tahu Peraturan Dewan ini, sekarang ini dalam peringkat Jawatankuasa. Dia tahu sekarang kita bincangkan tajuk yang spesifik. Bila dia menyentuh hal polis ini yang kita minta \$4 juta ini untuk pilihanraya Sarawak, tidak ada kena-mengena dengan polis secara dasar sama ada SSB atau gaji, tetapi dia sudah cakap begitu banyak. Saya ingat adalah adil kalau dia sudah membuat macam-macam tuduhan, saya kena jawab, jadi saya jawab (*Tepuk*) walaupun dia sudah out of point, dengan izin.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, apa yang telah saya jawab pada masa itu ialah saya telah mengatakan Kerajaan telahpun mengambilkira pandangan dari pihak polis. Itu adalah satu kenyataan fakta yang benar-benar sampai hari ini, saya tidak pernah berbohong. Apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dalam jawapannya beliau telahpun mengatakan Jawatankuasa Kabinet itu telah buat satu keputusan supaya SSB, iaitu Sistem Saraan Baru yang telah dikemukakan pada masa ini yang berdasarkan relativiti dalam struktur perkhidmatan awam dikekalkan. Dia tidak kata gaji pihak polis itu sudah dengan muktamadnya tidak akan ditimbangkan langsung, dia tidak pernah cakap macam itu. Jadi, bagaimana saya telah disebut sebagai pembohong, itu saya boleh faham, bukan tak faham. Saya faham motif dia. Dia tidak petikkan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan juga pada hari yang sama yang menyatakan sebarang anomali yang berbangkit ekoran pelaksanaan SSB hendaklah ditimbang di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam dan usul pindaannya dibentang dalam.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Tak beri. Saya ada banyak lagi, nanti masa tak cukup.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, dia cakap benda lain, tak faham antara SSB dengan masalah dalam polis.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Ong Ka Ting: Tak payah berucaplah.

Tuan Ahmad bin Nor: Ini cakap keliru.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Tuan Ong Ka Ting: Dia tanya sesuatu, dia pun tak faham apa yang dia tanya. (*Ketawa*)

Jadi apa yang penting, saya tidak setuju dengan pandangan yang mengatakan anggota polis ini macam tertekan, tak boleh bersuara langsung kalau dia ada apa-apa pandangan, tidak benar. Sebenarnya dalam organisasi polis ini, mereka mempunyai persatuan-persatuan masing-masing. Ada tiga persatuan yang mewakili semua peringkat polis telah mengemukakan memorandumnya.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tak berilah. Tak payahlah, cukuplah, saya belum habis.....telah mengemukakan memorandum, telah menyuarakan pandangannya Secara teratur, secara berdisiplin. Sebab polis ini sangat berdisiplin, dia tidak macam setengah-setengah DAP ini dia cakap dahulu, tak tahu betul atau tidak, pergi kepada akhbar dahulu, bantai dahulu baru kira kemudian. (*Tepuk*) Sikap itu tidak ada langsung pada pasukan polis beruniform yang berdisiplin. Mereka sudah puji-puji polis Malaysia merupakan satu pasukan yang baik pada masa dia hendak memperkecilkan Kerajaan dari segi gaji, tetapi apabila polis ambil tindakan untuk menjaga ketenteraman dalam sesuatu pilihan-raya kecil atau apa, dia akan kata polis tidak adil.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri, saya belum habis. Tadi saya tidak pernah ganggu siapa-siapa dari sana, jadi minialah jangan ganggu saya untuk menjawab.

Tuan Pengerusi, mengenai Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia juga kata mengenai bayaran ini. Tadi saya sudah terangkan bayaran ini \$5 tetapi dia sengaja katakan kita kenakan \$6 lebih untuk kad yang lama. Saya rasa dia tak bcrapa faham apa tujuan bayaran itu. Kalau sekiranya seseorang mempunyai kad pengenalan yang begitu lama sampai sudah tak jelas untuk dibaca butiran maklumatnya ataupun sudah rosak, jadi dia kena gantikan dengan satu yang baru. Bila untuk gantian kad baru, dia kena bayar \$10. Kalau secara percuma, siapa-siapa sahaja suka dia pergi ganti kad, kita kena beri percuma. Kalau begitu percuma, Kerajaan kita hendak dapatkan wang iuu dari mana? Katau naikkan cukai, nanti dia marah pula. Kalau kenakan kutipan sesuatu yang munasabah, dia pun kata tak boleh. Jadi datang dari mana wang itu? Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sendiri faham.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau sudah bangkitkan berbagai perkara tetapi dia sendiri sudah beri jawapan. (*Ketawa*) Tetapi apa yang saya tertarik dengan satu kenyataan yang dibangkitkan itu apabila Yang Berhormat dari DAP sudah membalas mengatakan bahawa pihak DAP tidak setuju dengan hukum hudud. Tetapi kalau hukum hudud itu dikenakan kepada orang Islam, dia kata, Okay. Jadi, di sini saya tak faham, saya memang sudah confused, dengan izin, oleh stand DAP ini sebab mereka sudah berulang kali issue statement, dia kata Perlembagaan ini tak boleh pinda dan MCA cuba mahu pinda, UMNO cuba mahu pinda Perlembagaan,....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun pula.

Tuan Ong Ka Ting: Tak payah, saya belum cakap. Dia belum tahu apa saya hendak cakap. (*Tepuk*) Tuan Pengerusi.....

Dr Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat 36(1), Tuan Pengerusi. Tidak ada hukum hudud di sini, macam mana?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi, sungguhpun tidak ada di situ tetapi dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong, cukuplah. Biarlah beri dia habiskan. Berkenaan dengan hudud tadi, saya pun dengar di dalam, semua bercakap. Arau bercakap berkenaan hudud, biarlah, dia hendak jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Mengapa Arau diberi peluang untuk berucap ke atas hukum hudud dan kemudian pihak Setiausaha Parlimen pun hendak melanjutkan kesilapan tersebut?

Tuan Pengerusi: Masa Arau bercakap tadi tidak ada siapa pun bangkitkan 36(1)?

Dr Tan Seng Giaw: Ada!

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seremban, tak boleh berucap melainkan dapat kebenaran dahulu. (*Ketawa*) Nanti dahulu, jangan lajak sangat ya! (*Ketawa*) Teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, dia kata dia takut sangat saya jawab. Kalau takut sangat saya jawab, janganlah bangkitkan perkara itu. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tak

payah bangun, dia bangun saya kena jawab. Apa yang dia kata itu, kalau hukum hudud itu kena pada orang Islam sahaja, okay, dia cakap tadi. Itu yang dia kata, tetapi.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Ipoh bangun Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan, penjelasan. Hendak minta penjelasan ya.

Tuan Pengerusi: Dia tak bcri Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu menyemak rekod adakah saya cakap okay alau tidak okay? Kalau saya cakap okay, saya letak jawatan sekarang, (*Disampuk*) kalau tidak cakap okay, you letak jawatan. Okay? (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Sudahlah! Yang Berhormat-Yang Berhormat, silalah teruskan. Apa yang cabar sini suruh letak jawatan di sana? (*Disampuk*) Sila teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, dia hendak mainkan perkataan 'okay', asalkan ada maksud itu, DAP terima, bukan sebab kalau dia hendak mainkan 'okay' itu ada atau tidak, tetapi dia sudah buat satu kenyataan bahawa DAP itu tidak akan bantah sekiranya hukum hudud itu akan dilaksanakan untuk orang Islam (*Disampuk*) itu maksud yang dia bangkitkan. Jadi, saya hendak tanya pihak DAP, bagaimana statement pendirian itu sama dengan pendirian DAP yang rasmi, ataupun laku atau tidak, saya hendak lahu?

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Kalau laku...., nanti, kalau laku, apa yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang—Ahli Yang

Berhormat dari Tanjong selama ini dalam Dewan ini dan di luar Dewan, dia kata MCA cuba hendak pinda Perlembagaan. Saya hendak tanya kalau DAP dia tidak setuju pinda Perlembagaan, bagaimana dia boleh terima hukum hudud itu dilaksanakan untuk orang Islam, kalau tidak pinda Perlembagaan? (*Tepuk*) Adakah itu bermakna mereka sudah terima pendirian bahawa Perlembagaan itu kena dipinda untuk selaras dengan pendirian dia itu? Kalau tidak dia larik balik pendirian ini. Jadi, yang mana satu betul?

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan?

Tuan Ong Ka Ting: Tak payah, tak payah, nanli, saya belum habis. (*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Dla takut! (*Disampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Saya tidak takut, dipersilakan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini pembohongkah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, jangan, janganlah!

Tuan Lim Guan Eng: Dia berilah, dia beri. Tuan Pengerusi, saya amat kesal Yang Berhormat dari Pontian memutarbelitkan. Dia ini memang jaguh putar-belil. (*Disampuk*) Pendirian parti DAP; saya rasa daripada pendirian parti DAP adalah amat tegas sekali. Kita menentang pindaan Perlembagaan yang membenarkan pelaksanaan hukum hudud (*Tepuk*) bukan sahaja di Kelantan, tetapi di mana-mana tempat di Malaysia kerana melanggar aspek secularism, dengan izin, Tuan Pengerusi khususnya kaum bukan Muslim dan saya hendak tanya apakah pendirian MCA? Apakah pendirian MCA dalam hal ini? Pendirian yang

rasmi sama ada akan menentang cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Berani tak? Jangan pular-belitkan. Pendirian DAP sudah tegas sekali. Kita menenangi berhabis-habisan dan saya harap...

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat. Kota Melaka, cukuplah! Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat membuat ucapan itu, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, cukuplah.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi, ini ucapan! Saya hendak memberi...., (*Disampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Seremban, sila duduk ya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, kalau saya berani beri dia cakap, walaupun saya tahu perangnya macam iuu, scbab saya tahu apa MCA buat ini benar. Berani kerana benar (*Tepuk*) dan baru saya sudah sentuh, jadi sekarang tengok, dua pendirian. Ipoh, Kota Melaka, siapa yang betul? Siapa mewakili DAP sekarang? (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Ya!

Tuan Ong Ka Ting: Saya hendak beritanya siapa mewakili sebab Ipoh sudah kata bolch terima sekiranya terhadap orang Islam sahaja, tetapi Tuan Pengerusi.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.....

Tuan Ong Ka Ting:....iak payah buang masa lagi. Saya pun tak mahu cerila panjang perkara ini, tetapi saya hendak betulkan satu kenyataan di sini di mana DAP.....

Seorang Ahli: Duduk, duduklah!

Tuan Ong Ka Ting: Duduk, duduk, saya cakap tadi....

Tuan Pengerusi: Dia tak beri jalan Yang Berhormat Ipoh, dia tak beri jalan (*Disampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Tak beri jalan. Ini kali yang terakhir saya sentuh perkara ini, saya pun lahu, saya faham isu hukum Hudud ini sensitif sedikit. Sebenarnya kita jangan politikkan perkara ini, tetapi apabila dia sudah memutar-belitkan dalam Dewan ini, saya rasa kita kena adakan satu kebenaran atau satu perkara yang benar-benar belul sebelum kita berhentikan isu ini dan selepas ini saya tidak akan cerita lagi perkara ini. Jadi, sudah jelas Tuan Pengerusi, siapa-siapa berada pada petang ini sudah dengar dua pandangan yang berlainan, Ipoh dan Kota Melaka. Satu kata tak mahu pinda Perlembagaan, satu kata kalau kena kepada orang bukan Islam, okay, itulah sudah timbul satu konflik dan pandangan yang sama....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh, dia tak beri jalan itu!

Tuan Ong Ka Ting: Tak beri jalan, saya belum habis. Pandangan yang sama itu telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong di Dewan ini juga. Dia telah bangkit mengatakan dia menyokong pendirian Pengerusi Semangat 46. Itu pendirian

DAP. Saya boleh check *Hansard* dan semua boleh check *Hansard*. Dia sudah cakap itu, hari ini Ipoh cakap itu, tetapi Kota Melaka cakap lain. Inilah kita hari ini dapat dengar....,

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta jalan.

Tuan Pengerusi: Dia minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tak beri jalan, Tak beri jalan!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Ong Ka Ting: Tak payah!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, duduk dahulu!

Tuan Pengerusi: Point of order, Yang Berhormat (*Disampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Tapi dia tidak bolch suruh saya duduk!

Seorang Ahli: Duduklah, budak!

Tuan Lim Guan Eng: 36(6), Tuan Pengerusi. "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli lain" (*Disampuk*).Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan bahawa beliau menyokong pendirian Presiden Semangat 46, Yang Berhormat dari Gua Musang. (*Disampuk*) Ya, dia menyokong pendirian Yang Berhormat dari Gua Musang bahawa hukum hudud tidak bolch dilaksanakan....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kota Melaka beri ucapan itu.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka, jangan kata dia bohong, tak boleh. Ikut peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi: Okay, baiklah. Yang Berhormat Kota Melaka.... Yang Berhormat Kota Melaka, (*Disampuk*) Yang Berhormat dah Kota Melaka, saya akan keluarkan Yang Berhormat dari Kota Melaka daripada Dewan ini. (*Disampuk*) Saya beri ruling iaitu point of order itu tidak boleh diterima kerana di sini tuduh-mcnuduh itu semuanya berlaku. Jikalau sekiranya satu parti tidak boleh cakapkan kepada parti yang lain seperti itu, maka Udak berguna kita ada Parlimen! (*Tepuk*) Sila teruskan.

Seorang Ahli: Sila teruskan. (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya sudah jelaskan pandangan, sebab mereka bangkitkan perkara ini pada masa membahaskan Kementerian Dalam Negeri. Jadi, sudah cukup jelaslah, tak payah kita cerita panjang.

Untuk Yang Berhormat dari Arau yang telah membangkitkan beberapa perkara, gaji saya sudah terangkan tadi, saya rasa sudah cukup jelas. Kita tunggu Mcmorandum daripada pihak Polis itu dan disampaikan kepada JPA dan akan masuk kepada Tribunal. Kita akan kaji semua pandangan secara menyeluruh, secara khusus, kita akan beri satu keadilan. Itu yang penting sckali.

Jadi Tuan Pengerusi, kalau skiranya ada apa-apa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kalau tidak scmpat saya jawab dengan lengkap, saya memberi jaminan bahawa Kementerian Dalam Negeri akan mcngambil perhatian dengan jujur dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,000,000 untuk Maksud B.36; \$1,125,900 untuk Maksud B.39; dan \$8,583,400 untuk Maksud B.40 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,000,000 untuk Maksud B.36; \$1,125,900 untuk Maksud B.39; dan \$8,583,400 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.42 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,000,000 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1992.

*Maksud B.43 (Jadual Pertama)—
Maksud P.43 (Anggaran Pembangunan
(Tamb.) (Bil. 3) 1991—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Undang-undang terbuka untuk dibahas.

6.57 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Maksud B.43—Kementerian Kehakiman dengan secara ringkas kerana Yang Berhormat Menteri Undang-undang ada di sini iaitu dari segi tambahan yang diperlukan

sebanyak \$6,005,000 untuk bayaran emolumen bagi mengisi jawatan-jawatan kosong, yang saya kira sudah barang tentu mempercepatkan dan meningkatkan lagi preslasi kehakiman apabila bertambahnya Hakim-hakim di semua peringkat.

Saya ingin bangkitkan di sini, Tuan Pengerusi, sewaktu saya berucap membahaskan Titah Ucapan Diraja saya ada menyentuh mengenai dengan peranan kehakiman dalam mendaulatkan undang-undang negara.

Saya percaya undang-undang negara akan dapat didaulatkan apabila bertambahnya kakitangan ataupun mengisi jawatan-jawatan yang kosong bagi menambahkan lagi tenaga kerja dalam Kementerian Undang-undang. Dalam konteks mendaulatkan undang-undang negara ataupun keluhuran Perlembagaan, satu kes yang saya kira belum lagi dijawab oleh Kementerian Undang-undang mengenai dengan peristiwa-peristiwa penghinaan terhadap mahkamah ataupun penghinaan terhadap Kehakiman....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan pembayaran ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini kakitangan, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Tidak bersangkutan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya cuba cari jalan hendak sangkut ini.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita tidak cukup masa ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Seminit sahaja, Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengenai dengan masalah apabila jawatan-jawatan yang kosong ini diisi dan bertambah kakitangan

supaya dari segi proses mendaulatkan undang-undang negara, saya sebutkan lagi, Tuan Pengerusi, akan ditingkatkan lagi termasuk mengambil tindakan yang sewajarnya kepada masalah-masalah yang berbangkit sebelum ini, seperti ada pihak yang melanggar injunction mahkamah dan menghinakan sistem kehakiman seperti yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan dan perisliwa-perisliwa yang berlaku sebelum ini. Oleh itu saya ingin mendapat jawapan daripada Menteri Undang-undang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.55 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas, mana-mana kes yang melibatkan penghinaan terhadap mahkamah atau ada keengkaran atau melanggar mahkamah, perintah-perintah mahkamah, jika ada laporan yang khusus, tindakan-tindakan tertentu boleh diambil terhadap mereka yang terlibat. Selain daripada itu saya tidak ada lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$6,005,000 uniuik Maksud B.43 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kemcnerian Kehakiman hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$6,005,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.43 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1991.

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1991—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 disebutkan dalam Maksud P.44 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1991.

Maksud B.45 (Jadual Pertama)—

Maksud B.45 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas.

6.58 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, berhubung dengan Maksud B.45, saya ingin

menyentuh pada tambahan sebanyak \$11 juta yang dikehendaki untuk sumbangan Kerajaan kepada Endowment Fund dan Geran Pelancaran Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Adalah didapati bahawa perkara berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja selama ini hanya tertakluk di bawah Akta Kilang dan Jentera, dan ini memperlihatkan bahawa Kementerian atau Kerajaan telah gagal untuk mengawal hal-hal yang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja secara keseluruhannya.

Akta Kilang dan Jentera tidak memberi jaminan kepada hal-hal yang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja bagi pekerja-pekerja yang tidak bekerja di dalam kilang-kilang ataupun pekerja-pekerja yang tidak mengendalikan kerja mereka dengan jentera-jentera. Dan saya rasa \$11 juta ini yang diperuntukkan akan tidak membawa makna, cuma sekadar untuk menjalankan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan memerlukan satu langkah yang lebih berkesan dan lebih efektif dalam memelihara dan mengawal hal-hal yang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja. Kita tidak mahu melihat kilang seperti peristiwa kilang mercun di Sungai Buloh berlaku dan kemudian baru siasatan dan tindakan akan diambil, lebih-lebih lagi negara ini mempunyai beribu-ribu kilang perusahaan yang didirikan atau yang dikendalikan secara haram. Dan saya percaya oleh kerana kilang-kilang ini didirikan secara haram tanpa lesen dan kebenaran daripada pihak berkuasa, maka Kementerian Sumber Manusia tidak ada kawalan ke atas mereka dan ini akan membahayakan keadaan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Selagi Kerajaan tidak memperkenalkan akta khas yang mengawal ataupun menitikberatkan soal keselamatan dan

kesihatan pekerja, selama itulah masalah keselamatan pekerja atau kesihatan pekerja di negara ini tidak akan dikawal dengan secara sempurna. Oleh yang demikian saya berharap dan saya memohon kepada pihak Kementerian untuk menimbang supaya Kementerian memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja bagi melindungi hal-hal yang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja dengan sepenuhnya, tidak kira sama ada pekerja-pekerja itu bekerja di kilang-kilang atau yang menggunakan jentera, tetapi meliputi kaum-kaum pekerja yang bekerja dalam bidang-bidang dan sektor-sektor yang lain, tidak terlibat di bawah Akta Kilang dan Jentera.

Tuan Pengerusi, masalah keselamatan dan kesihatan pekerja ini bukan sekadar melihat apa yang berlaku dari jangka pendek, kesan-kesan dari hal keselamatan dan kesihatan pekerja juga berlaku dari jangka masa yang panjang. Oleh yang demikian selain daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang disebutkan di sini, maka pihak Kementerian juga perlu menimbang untuk mengesan segala penyakit, segala akibat-akibat buruk daripada kesan-kesan pekerjaan yang dijalankan di merata tempat di tempat kerja.

Misalannya saya beri satu contoh pekerja-pekerja yang bekerja dalam kilang tekstil ataupun pekerja-pekerja yang bekerja dalam kilang perkayuan yang mana terdapat berbagai kesan-kesan sampingan kepada kesihatan mereka seperti habuk-habuk daripada kilang tekstil, habuk-habuk daripada kilang-kilang plywood ataupun kayu-kayu pclapis. Ini semua akan membawa kesan-kesan buruk kepada kesihatan pekerja pada jangka masa yang panjang. Mungkin tidak dapat dilihat dalam masa sebulan, setahun ataupun dua tahun, tetapi mereka akan menerima akibat yang buruk dari segi kesihatan apabila setelah bekerja

selama 10 ataupun 15 tahun. Dan ini langsung tidak diambilkira oleh Kementerian dalam soal keselamatan dan kesihatan pekerja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat mengulangi ucapan Yang Berhormat dalam masa Tilah Ucapan.

Tuan Ahmad bin Nor: Sebab ini berhubung dengan \$11 juta, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat....

Tuan Ahmad bin Nor: Saya hendak menckankan lagi....

Tuan Pengerusi: Ada satu Peraturan Mesyuarat yang mengatakan tidak boleh mengulang-ulangkan ucapan. Ucapan itu telahpun dibuat pada tarikh sekian....

Tuan Ahmad bin Nor: Walaupun demikian, saya ingin mengingatkan bahawa yang pentingnya saya hendak tegaskan di sini tentang wujudnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, kerana itu tidak ada dalam ucapan saya. Dan dengan ada akta sedemikian, saya percaya, maka masalah keselamatan dan keselamatan pekerja pada amnya akan dapat dilindungi secara sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan peruntukan sebanyak \$309,900 yang dikehendaki untuk membiayai pclatih-pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP). Saya berharap Kementerian Sumber Manusia pada masa akan datang tidak lagi memerlukan sebarang peruntukan daripada pihak Kerajaan oleh kerana kita ada mencadangkan dan akan bentangkan di dalam Dewan yang mulia Ini melalui bil yang baru berhubung dengan pembangunan sumber manusia dengan penubuhan Tabung ataupun Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Saya

berharap segala perbelanjaan bagi menjalani segala latihan-latihan dalam Institut Latihan Perindustrian (ILP) hendaklah digunakan peruntukan-peruntukan yang disumbangkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Kita berharap Kerajaan tidak akan lagi terpaksa menanggung segala perbelanjaan di Institut Latihan Perindustrian di dalam negara ini.

Dato' M. Mahalingam: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, ucapan di sini kod mana?

Tuan Pengerusi: 45.

Tuan Ahmad bin Nor: B.45.

Tuan Pengerusi: 45, 3(A), Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia ada dua. Saya ingat Timbalan Menteri pun tidak sedar tentang hal ini.

Jadi, ini satu perkara yang penting kerana kita tidak mahu Kerajaan terus-menerus menanggung perbelanjaan untuk membiayai segala kos yang terlibat dalam Institut Latihan Perindustrian. Kita berharap Insitut Latihan Perindustrian ini bukan hanya ditubuhkan di dalam kawasan perindustrian tertentu. Saya menyarankan di sini supaya Kemencirian Sumber Manusia menimbang supaya tiap-tiap negeri di Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak didirikan Institut Latihan Perindustrian kerana kita bukan hanya menumpu kepada kilang pembuatan yang besar-besar, Tuan Pengerusi. Kita juga perlu melihat tentang kedudukan perusahaan ataupun industri-industri kecil dan sederhana yang ada terdapat dikebanyakan Negeri. Bukan kita hendak tunggu kilang elektronik baru kita hendak ada ILP. Di Sabah dan Sarawak pun ada juga perusahaan-

perusahaan kecil dan mereka ini juga memerlukan pekerja-pekerja yang terlatih. Maka kita perlu ILP ditubuhkan di semua negeri-negeri di seluruh Scmenanjung Malaysia, bukan hanya di beberapa negeri yang tertentu yang ada pada hari ini. Olch yang demikian, walaupun apa jua perbelanjaan yang melibatkan Institut Latihan Perindustrian ini, kita berharap dengan adanya Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia maka segala peruntukan untuk membiayai ILP-ILP di seluruh negara akan dipcrolehi daripada Kumpulan Wang tersebut. Sckian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.04 *mlm.*

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru memang ada bentang perkara-perkara seperti dengan Dewan yang mulia beberapa kali perkara yang serupa, walaupun saya ada jawab sebagai Timbalan Mentcri di perkara-perkara tersebut, tetapi dua, tiga perkara boleh saya sebut di sini, Periamanya, Jabatan Kilang dan Jentera, undang-undang yang mencukupi memang ada. Sebab itu Kementerian Sumber Manusia ada gubal satu undang-undang yang baru yang dinamakan Undang-undang 'Occupational Hazards Act'. Undang-undang itu, saya fikir tidak lama lagi Kementerian saya membentangkan di Dewan yang mulia ini. Bila undang-undang itu dikuatkuasakan mcmandang itu boleh termasuk semua, dcngan izin, economic activity di negara kita. Walaupun Kementerian saya membentang akta baru dinamakan Human Resource Development Fund, tetapi itu

memang yang lain terlibat dalam sektor swasta, tetapi Institut Latihan memang ada. Sekarang di dalam negara kita ada 10 Institut Latihan, di tempat-tempat yang ada sekarang iaitu industri. Di Labuan pun ada satu, tetapi capacity 405 orang, tetapi tidak cukup orang masuk. Inilah yang terjadi, sebab itu kita tidak ada institut seperti di Sabah dan Sarawak. Itu yang jadi masalah. Oleh itu, memanglah cadangan-cadangan perlu, Kerajaan Barisan Nasional memang ada ambil tindakan dan kalau perlu ada memang boleh cadang untuk diadakan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$309,900 untuk Maksud B.45 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan 511,000,000 untuk Maksud B.45 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Sumber Manusia hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$309,900 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$11,000,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud B.47 (Jadual Pertama)—
Maksud P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)) 1992—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, B.47, P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

7.06 mlm.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.47, Butiran 01000—Permohonan untuk tambahan \$2 juta

untuk program meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan pengguna jalan raya. Jadi, dalam segi jalan raya ini ada berbagai-bagai perkara yang bersangkutan. Yang penting sekali tiap-tiap kali keselamatan jalan raya dibincangkan mesti ada tiga perkara, iaitu jalan raya itu sendiri, kereta-kereta dan manusia yang memandu kereta-kereta. Jadi, salah satu perkara ini adalah menjadi faktor tidak ada keselamatan di jalan raya.

Yang pertama iaitu dari segi pembinaan jalan raya dan design jalan raya itu sendiri. Yang kedua, tingkahlaku pemandu jalan raya dan yang ketiga, kereta itu sendiri sama ada selamat ataupun tidak selamat. Jadi, saya tahu kita mempunyai Majlis-majlis Keselamatan Jalan Raya daripada peringkat Negeri ke peringkat Pusat. Soalan yang penting bagi saya ialah sama ada rumusan ataupun cadangan yang dibuat oleh pihak keselamatan jalan raya ini diambil kira oleh pihak Kementerian sama ada Kementerian Pengangkutan berhubung dengan kerja-kerja dan pemandu-pemandu, juga kepada Kementerian Kerja Raya semasa membina jalan raya. Kerana tiga faktor ini mesti ada dalam tiap-tiap kali berlakunya kemalangan di jalan raya. Jadi, kalau di jalanraya itu walaupun pandai macam manapun pemandunya, walaupun baik macam mana pun kualiti keretanya itu, kalau jalan raya—apa yang berlaku dahulu di Miri, orang kata Jalan Pujul 9 di Miri, kalau jalan kereta di sana selalunya kereta terbabas. Kita kena tanya kenapa kereta selalu berlaku kemalangan di sana. Tidak payah tanya sebab saya di sini, sebab sudah tercatat dalam irafik Polis, selalu accident di sana. Kita beri cadangan dan rumusan kepada pihak tertentu supaya menghindarkan minyak itu keluar ke atas jalan. Tetapi malangnya sedikit sangat cadangan-cadangan yang diberi pihak Polis mencrusi keselamatan jalan raya diambil kira oleh pihak-pihak

tertentu kerana tidak ada perubahan berkenaan dengan jalan itu—bertahun-tahun tidak ada perubahan.

Jadi, saya pernah menduduki dan menghadiri mesyuarat Majlis Keselamatan Jalan Raya, Peringkat Pusat, dahulu lagi—sudah lama, kita membuat banyak rumusan. Sebaliknya pula sedikit sangat rumusan dan cadangan kita itu diterima. Jadi, soalan saya, bagaimanakah analisa Kementerian berhubung dengan cadangan-cadangan Majlis Keselamatan Jalan Raya sama ada daripada segi perlesenan, pclulusan pemandu-pemandu bukan sahaja daripada segi skill driving tetapi lebih penting lagi attitude pemandu ataupun perangai pemandu itu sendiri. Mungkin kita terpaksa mencari family history ataupun history pemandu ini, dengan izin, supaya lebih tahu lagi sama ada cepat marahkah. Kadang-kadang ada orang gaduh dengan isteri di rumah, bila memandu kereta dengan marah tetapi orang lain yang dilanggar bukan isteri dia kena langgar. Macam itu juga kalau isteri gaduh dengan suami, buat macam itu juga.

Jadi, mungkin apa yang saya pandang, tidak berapa banyak sangat di Kuala Lumpur, di Sarawak pun selalunya kalau di Kuching, pemandu yang habis tidak pandai sekali kalau dibawa memandu di Kuala Lumpur, saya kata dalam satu bulan mungkin 20 orang mati satu hari kalau 100 dibawa. Oleh kerana pemandu di Kuching itu memang teruk sangat. Memang teruk pemandu di Kuching itu. Siapa yang laju lagi, dia hendak tanding siapa laju di jalan raya. Jadi, ini mungkin ada pokok pangkalnya berlandaskan kepada orang yang mengajar dan pihak yang membuat ujian kepada pemandu-pemandu ini.

Kebanyakan pemandu ini menunjukkan kepandaian bahkan keganasan mereka bila masa berada di jalan raya dan adakah program-program yang

tertentu untuk bukan sahaja daripada segi program-program yang ada sekarang ini. Program sekarang ini memang baik tetapi apa yang pada pandangan saya kekurangan sedikit ialah kajian latar belakang orang yang hendak memohon jadi pemandu itu, sama ada latar belakang mungkin daripada peringkat sekolah lagi, kita hendak tahu budak ini sebelum dia diberi peluang memandu kereta. Kalau dalam televisyen kita nampak peluru itu keluar daripada hujung pistol, kereta dengan peluru tidak jauh beza. Bahkan dalam dua, tiga tahun ini banyak mangsa yang mati oleh kereta daripada yang mati oleh peluru.

Jadi, dengan sendrinya kereta ini lebih bahaya daripada peluru tetapi it is a necessary evil kereta ini. Terpaksa ada juga macam peluru. Jadi, saya memintalah pihak Kementerian, apakah sama ada kita membuat kajian yang lebih mendalam lagi untuk bukan sahaja memberi latihan kepada pemandu tetapi yang penting sekali memberi latihan yang berlebihan. Yang" lebih lagi kepada pengajar-pengajar pemandu ini, sekolah-sekolah memandu ini, bukan harap daripada segi praktikal sahaja, tahu undang-undang jalan raya atau tahu cara memandu dengan skill, skillful driver is not necessarily a good driver, dengan izin.

Jadi, ada perbezaan kerana saya mungkin boleh memandu macam Evel Knievel tetapi kalau saya jalan kereta macam Evel Knievel di jalanraya mungkin habis dilanggar orang di jalanraya. Jadi, yang penting sekali attitude orang jadi pemandu itu. Kita bolehlah reject orang jadi pemandu dengan berlandaskan satu-satu sebab yang tertentu. Orang-orang yang tua, umur 70 tahun, jangan biar dia memandu lagi. Di Kuching kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri datang, dia bolehlah tengok. Jalan kiri, kanan tidak kira lagi. Kalau hendak belok kiri, belok kanan, setengah second

sahaja, bila sudah belok baru beri signal. Kalau dekat sini, mampus kena langgar tetapi di Sarawak tidak berlaku perkara macam itu. Dia angkat tangan macam ini, gaduh belum,

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Jadi, orang design jalan raya ini pula macam-macam cerita. Dia memang ada satu cara design. Itu mungkin menggalak pelanggaran. Jadi, saya berharaplah oleh kerana banyak implikasi keselamatan jalan raya iaitu implikasi sosial, implikasi ekonomik dan bahkan keruntuhan rumah tangga pada siapa sahaja yang tertibat dan ditekankan, bahkan dari dahulu lagi saya menekankan cerita ini sebab saya lama terlibat dengan perkara-perkara macam ini.

Jadi, saya haraplah supaya dapat mengurangkan beban yang berlaku ataupun kemalangan yang berlaku di jalan raya. Saya harap, Kementerian mencari cadangan ataupun satu program yang konkrit yang melatih dari muda lagi dan beri penekanan terutama sekali negeri-negeri yang mempunyai pemandu-pemandu yang kurang baik di jalan raya, bukan skill, skill ini banyak. Jadi, dengan itu sahajalah, terima kasih. Saya menyokong, bahkan lambah peruntukan pun boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong.

7.16 mlm.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyokong peruntukan sebanyak \$2,000,000 yang dikehendaki untuk melaksanakan beberapa program meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan pengguna jalan raya.

Sebagai seorang yang datang dari negeri Johor, saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ataupun Timbalannya, dalam kebanyakan kes kemalangan jalan raya, berapa peratuskah yang melibatkan pemandu-pemandu dari negara asing khususnya dari negara jiran atau paling spcciHe sekali dari Singapura. Oleh kerana kalau kita adalah orang Johor, kita sclalu amat terancam dengan cara orang-orang Singapura, pemandu-pemandu Singapura di tanah Johor. Oleh kerana mereka ini scolah-olah melepaskan satu rasa gram oleh kerana di dalam negaranya, sebuah pulau yang terlalu kecil dengan undang-undang yang memang dipatuhi sepenuhnya, apabila keluar ke tanah besar Malaya, tanah besar Semcnanjung, mereka seolah-olah tidak mahu lagi menghormati masalah undang-undang jalan raya, dan ini telah banyak kali melibatkan kemalangan-kemalangan khususnya di banyak kawasan-kawasan di negeri Johor.

Yang keduanya, di sini walaupun nampaknya program-program keselamatan jalan raya ini dan kcsedaran yang diadakan adalah berkesan, saya ingin mendapat tahu mengapakah sebilangan besar kemalangan-kemalangan yang fatal, yang membawa maut adalah kemalangan yang melibatkan kenderaan besar dengan kereta dan motorsikal. Adakah ini satu sikap di kalangan pemandu-pemandu lori, lori-lori balak khususnya, yang mereka sebagai raja jalan raya, king of the road, dengan izin. Oleh kerana kita amat sedih sekali, banyak nyawa yang trkorban; 12 orang, 6 orang, satu keluarga, anak beranak, yang sebilangan besarnya merupakan kemalangan antara satu kenderaan besar dan satu kenderaan kecil, umpamanya kereta dan lain-lain.

Adakah tidak pernah dilakukan dan saya pernah bertanya satu soalan di dalam Dewan, apakah Kerajaan tidak mahu menghubungi syarikat-syarikat kenderaan-kenderaan, syarikat-syarikat pengangkutan supaya mereka sendiri menjalankan satu program kesedaran supaya pemandu-pemandu mempunyai satu kesedaran sivik, civic consciousness supaya mereka juga bukan sahaja sayang kepada nyawa mereka tetapi juga harus sayang kepada nyawa pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Kcadaan ini, Tuan Pengerusi, saya rasa Timbalan Menteri Pengangkutan ini amat arif oleh kerana beliau sendiri pernah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya di negeri Johor, kalau tidak silap, sewaktu satu lawatan ke negeri Johor pada tahun lalu.

Jadi di sini, Tuan Pengerusi, saya amat sedih sekali sedangkan lesen pengangkutan kita keluarkan, lesen lori kita keluarkan, lesen bas kita keluarkan tetapi apakah tidak boleh dikenakan satu bentuk kawalan supaya mereka ini menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh kasih-sayang kepada umat yang lain. Bukan memandangkan diri mereka sendiri.

Saya telah membuat satu kajian secara rambang. Tahun lalu sahaja sebanyak sebilangan besar kemalangan yang membawa maut dan melibatkan jumlah yang besar adalah merupakan lori ataupun pengangkutan besar yang lain. Mengapa ini berlaku? Jadi, apa hendak kita lakukan untuk menyekat supaya perkara ini berkurangan ataupun tidak terus berlaku pada masa akan datang? Pada saya, ini aspek yang penting dan saya harap pihak Kementerian akan meminta operator-operator pengangkutan di seluruh negara supaya mengadakan satu kursus kesedaran di kalangan pemandu-pemandu mereka. Kalau mereka memang adalah orang yang terlatih dan penuh disiplin supaya mereka

mempunyai lebih banyak disiplin, tingkatkan lagi disiplin mereka. Oleh kerana kalau penalti-penalti yang ada, dari segi kewangan mereka boleh bayar. Dan yang keduanya, mengapakah diizinkan kenderaan-kenderaan ini ada setengahnya kalau hendak masuk RIMV check, dia betulkan tayar semua baik, tayar semua ada bunga. Tetapi lepas itu, dia tukar balik.

Perkara ini pernah didedahkan oleh banyak akhbar. Saya rasa perkara ini di samping penguatkuasaan, di samping kempen dari segi meningkatkan kesedaran, dari segi membuka mentality rakyat yang telah dan sedang berlaku ini juga harus diatasi. Saya amat merasa sedih satu sahaja kemalangan jalanraya, 5-6 orang menjadi anak yatim piatu. Khusus sekali sewaktu perayaan di mana kita sering menjalankan kempen-kempen. Walaupun saya amat menghargai, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri duduk di tol beri leader, beri makalah-makalah, ucapkan "pandu baik-baik", siaran Radio Ibukota—macam-macam kempen. Tetapi kalau mentality ini tidak dibetulkan, kalau yang sebilangan besar menyebabkan kemalangan itu sendiri tidak dibetulkan mentality mereka, apa sahaja Kerajaan buat, perkara ini akan tetap berterusan. Dan orang-orang macam kita yang setiap minggu balik ke kampung akan menjadi mangsa bila-bila masa sahaja terdedah kepada ancaman "king of the road" ini.

Jadi, tanpa mengambil masa yang lebih banyak, saya menyokong sekali lagi peruntukan sebanyak \$2 juta yang dipinta untuk menampung duit yang telah dibelanjakan di samping saya menghargai perkara-perkara kempen dan program keselamatan jalan raya yang telah dianjurkan. Saya harap perkara ini akan diberi satu perhatian yang amat serius yang harus didetailkan masalah-masalah ini supaya menjadikan satu program tindakan di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau.

7.22 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin menyokong tambahan sebanyak \$2 juta di bawah B.47 untuk melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalanraya di kalangan pengguna-pengguna jalanraya.

Yang pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang saya rasa kempen-kempen untuk pengguna-pengguna supaya timbul kesedaran betapa penlingnya keselamatan jalanraya sampai ke tahap yang cukup baik—cukup baik tetapi walau bagaimanapun, kita lihat Malaysia masih lagi merupakan di antara negara yang paling banyak sekali menghadapi kemalangan jalanraya. Kita ada undang-undang, All clear. Jalan raya pun, kita di antara yang terbaik dalam dunia, highway kita. Tetapi kemalangan masih berterusan.

Tuan Pengerusi, semua orang tahu sebab-sebab kemalangan-kemalangan jalanraya ini ada hubungkait dengan jalan. Sahabat saya dari Batang Lepar telah sentuh, kemudian fasal kereta. Kawan saya juga sentuh dan juga fasal pemandu sendiri. Ini fasal kereta sedikit sebanyak. saya hendak senuih. Saya bersetujulah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berbahagia, bahawa soal kenderaan daripada negara jiran yang masuk ke sini, cuma mematuhi kalau sekiranya berlaku apa-apa, dia cuma terlibat berhubung dengan apa yang dikatakan undang-undang jalanraya sendiri, Tetapi undang-undang kenderaan itu saya belum pasti. Saya hendak sentuh ini fasal cermin gelap yang ditimbulkan dan saya belum lagi sampai melihat di mana-mana yang telah diubah

peraturan. Yang bercermin gelap daripada kenderaan-kenderaan daripada negara jiran ini mesti mematuhi peraturan yang terdapat di negara kita.

Oleh kerana kita dapai bahawa kenderaan-kenderaan daripada Thailand masih dengan berleluasa menggunakan cermin gelap dan saya pernah' mengikut di belakang kenderaan cermin gelap dari Thailand ini, sampai ke sekatan jalanraya, saya tengok dia tidak ada apa-apa dan berjalan terus. Saya pun berjalan terus seperti biasa. Jadi, daripada situ saya memerhatikan bahawa cermin gelap untuk kenderaan luar ini belum lagi dikenakan apa-apa undang-undang sampai sekarang yang boleh mereka mesti mematuhi peraturan yang terdapat di negara kita. Sebab ini bukan sahaja berhubung dengan keselamatan kenderaan itu tetapi juga berhubung dengan keselamatan yang sebenarnya. Kita belum tahu apa yang terdapat dalam cermin gelap yang berkenaan dan mungkin banyak dia smuggle wanita-wanita dan sebagainya kerana cermin gelap dan sebagainya.

Kemudian fasal kenderaan, umur kenderaan. Umur kenderaan, mungkin juga saya terlupalah. Yang Berhormat, saya lupa yang ada undang-undang yang meletakkan kenderaan sampai ke tahap mana yang kii boleh pakai. Sebab baru-baru ini saya beli, saya seronok tengok kereta antik yang berumur 20 tahun dan saya mcmakainya dan saya tidak menghadapi masalah, maknanya belum ada undang-undang yang mensyarkan kenderaan sampai umur berapa yang kita boleh pakai. Dan saya lihat apabila semalam saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan, dia jawab dengan perli saya sedikit, dia kata pengguna bukan bodoh, nak beli kenderaan second-hand. Kalau begitu, siapa yang pakai second-hand Mercedes semua bodohlah. Termasuk saya sendiri dan termasuk banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan

Menteri-menteri yang pakai kenderaan second-hand. Semua bodohlah. Setiausaha Parlimen semua kebanyakan beli kenderaan yang menggunakan AP, kenderaan-kenderaan import yang sudah berumur 2-3 tahun daripada luar negeri. Ini jawapannya, saya kecil hati sedikit.

Saya bertanya mengapakah tidak dibuatkan undang-undang atau syarat boleh mengetatkan sedikit-banyak supaya kita tidak mengimport kenderaan-kenderaan terpaksa ini, sehingga Malaysia ini sudah jadi junkyard, tempat kenderaan terpaksa. Di antara negara yang paling banyak dalam dunia—kita kira dunia—sebab Malaysia sekarang sudah menghadapi dunia, yang paling banyak pakai kenderaan terpaksa kereta jenis mewah ini ialah Malaysia, berdasarkan jumlah APs yang telah dikeluarkan. Itu saya hendak katakan semalam, jangan sebut perkataan "pengguna itu, dia bukan bodoh nak beli kenderaan". Kalau begitu yang beli bodohlah. Saya bodoh, semua orang yang beli itu bodoh. Jangan-jangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin beli sama juga, dia kata Perdana Menteri bodoh. Saya kecil hati, tetapi saya tidak dapat beritahu. Sekarang saya hendak beritahu balik jangan cagak begiitu.

Yang saya hendak sebut ini, sebab dia marah sebab saya lanya bilakah hendak tukar kepada Kementerian lain kuasa AP ini. Kalau boleh diberi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya. Kalau bolch, hari ini saya hendak cadangkan supaya AP ini diberikan kepada Kementerian ini pula. Saya ingat Kementerian ini yang patut jaga AP. Sebab apa? Dia boleh menentukan umur kenderaan itu—15 tahun tak boleh pakai lagi. Di antara sebab kemalangan ini kenderaan rosak di tengah jalan pun kina pandu laju, "bum" bantai dari belakang dan sebagainya. Ini kita mesti beri syarat sebab banyak negara-negara maju

sekarang beri syarat. Semasa saya duduk di Belanda dulu, saya hendak beli kenderaan bcrumur 10 lahun, dia tak benarkan beli. Kalau nak beli, dia kata 3 tahun bolch. Jadi, akhirnya saya terpaksa beli kenderaan yang umur 3 tahun, itu jadi syarat pula. Orang asing mesti beli kenderaan umur 3 tahun dan sebagainya. Tetapi sekarang ini, dengan pengeluaran APs yang berleluasa untuk kenderaan terpaksa, kita lihat kenderaan yang berumur 7 tahun pun ada yang diimport dan sebagainya. Kita mesti bagi syarat. Bagi syarat tertentu dan juga pengguna kereta-kereta tempatan bagi syarat. Selepas 14-15 tahun tak boleh pakai. Besi-besi ini kita hendak hantar ke Perwaja buat balik secara besi pula.

Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat, oleh sebab di antara satu yang menyebabkan kemalangan oleh kerana kenderaan itu tersendiri, supaya kita memikirkan umur kenderaan sampai ke tahap mana. Saya ingin bertanya dan mencadang kepada Yang Berhormat.

Yang keduanya, ini fasal pemandu. Masalahnya dia ada stress, berkelahi dengan bini, kita susah nak tanya. Tetapi pemandu mabuk kereta boleh check. Soal pemandu mabuk ini, dia ada peraturan bahawa pemandu mabuk tak boleh memandu apabila dia mabuk. Tetapi sekarang ini, kita belum lagi ada, walaupun Yang Berhormat mengatakan—saya tengok dalam masa kempen itu ada buat percubaan alat baru yang boleh menyukat jumlah alkohol yang telah dipakai ataupun diminum oleh seseorang. Tetapi saya belum lagi tengok ada sekatan jalanraya dekal mana-mana disko ataupun dekat bar dan sebagainya untuk kita boleh check pemandu mabuk. "Raja-raja jalan" ini juga ada yang berhenti lama-lama, minum dan mabuk. Kita belum tahu. Kita kena check ini. Sebab kita lihat "san tong wong", orang panggil pemandu lori ini "san tong wong" maknanya "raja jalan"

ini, lori-lori yang besar-besar ini, kita belum tahu. Pemandunya mungkin mabuk dan kita lihat mereka yang keluar mabuk daripada tempat-tempat hiburan di tengah malam, mcrcka yang cukup seronok untuk berlcluasa di jalanraya. Jadi, apakah bolch sekali-sekala sekatan jalan raya bolch dibuat, berdekatan dengan mana-mana tempat hiburan selepas pukul 2.00 pagi, 3.00 pagi untuk memastikan scjauh mana alkohol yang telah mereka minum. Dan dengan sekaligus Yang Berhormat telah menolong semua orang Islam dan juga PAS dia cuma kempen telapi dia tak boleh buat apa-apa. Tciapi Yang Berhormat telah menolong supaya orang iak banyak minum sangat alkohol. Jadi, kuranglah dosa. Ini kita hendak check supaya alat Yang Berhormat tunjukkan dahulu sejauh mana kebenaran yang membolehkan mereka minum alkohol sampai ke tahap kc mana.

Di negara-negara maju perkara ini telah dibuat. Siapa yang minum lebih alkohol, sekian-kian banyak tak bolch memandu. Kalau dia memandu juga dia akan dikenakan hukuman dan scbagai-nya. Itulah cadangan saya kepada Yang Berhormat dan saya ucapkan Lcrima kasih dan saya menyokong serta mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana telah bcrjaya membuat kempen-kempen kc arah untuk memberi kesedaran kepada pemandu-pemandu supaya lebih berwaspada. Kcrana kita kena ingat bahawa di antara sebab utama yang mcnyebabkan kemalangan yang kita tak dapat elakkan bahawa pemandu itu sendiri lah yang mcnyebabkan kemalangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, selepas ini Timbalan Menteri menjawab.

730 mlm.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang lebih panjang kerana saya pun hendak balik menyaksikan badminton di televisyen.

Tuan Pengcrusi, mengenai keselamatan jalan memang saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menonjolkan diri di tol-tol di seluruh negara dan juga di kaca televisyen pun banyak menunjukkan aksi dan reaksi dengan tindakan yang dibuat untuk mempopularkan langkah-langkah yang disarankan untuk kesclamatan jalan kiia.

Yang pertamanya saya hendak mengetahui apakah kajian yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Jalan Nasional untuk mengharamkan kenderaan-kenderaan berat seperti lori-lori dan tanker-tanker ketika musim raya seperti Idil Fitri. Kajian itu termasuk aspek ckonomi mengenai pengharaman terscbut. Apakah kajian laporan yang didapati setakat ini? Adakah kajian sepcrti ini akan mengambil masa yang panjang? Saya percaya kajian seperti ini adalah perlu kerana sepertimana yang disebulkan olch Yang Berhormat Timbalan Menteri, kes kcmalangan jalanraya telah meningkat dan lebih daripada 96,000 kes pada tahun yang lepas, pertambahan hampir 10% berbanding dengan tahun 1990 dan yang paling banyaknya berlaku di Kuala Lumpur, Selangor dan Perak. Saya pun teriarik dcngan kenyataan Yang Bcrhormat mengenai hampir 96% kes kemalangan ini disebabkan kelalaian pemandu dan kesalahan atau kelemahan manusia yang memandu kereta, yang menjadi maharaja semasa memandu kercta.

Tuan Pengerusi, saiu lagi mengenai Akademi yang telah diwujudkan di Shah Alam Molorsport Paradise di mana-adanya Liir Shah Alam yang mana berlakunya salu perbuatan yang

lidak betul. Bukan kerana Akademi, tetapi di tempat yang sama ada berlaku perkara yang lidak sepalunya berlaku di mana pihak Kerajaan Persekutuan telah melaburkan \$1 juta dan juga satu tabung Kumpulanwang Amanah telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Selangor untuk Grand Prix yang telahpun saya sentuh pada....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong sebentar, Timbalan Menteri bangun.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, duit \$1 juta daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri tidak ada kenamngena di bawah peruntukan B.47 dan P.47 ini. Janganlah Yang Berhormat mengambil kesempatan oleh kerana Akademi Keselamatan Jalanraya itu terletak di sebelah racing circuit itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila ikut tajuk.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bukan hendak salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dia orang yang baik, cuma saya hendak tanya sama ada Akademi ini dikendalikan oleh syarikat Shell yang melaburkan \$4.5 juta ke atas Akademi tersebut. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah yang dimaksudkan sebagai Akademi di Shah Alam Moirspon Paradise dan sama ada pihak yang terlibat bukan sahaja syarikat Shell bahkan juga orang ramai untuk mendapat faedah daripada akademi seperti ini. Adakah akademi-akademi seperti ini akan juga diubuhkan di negeri-negeri yang lain?

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai Compulsory Defensive

Driving Classes. Kelas-kelas seperti ini untuk pemandu-pemandu yang sering terbabit di dalam kemalangan. Adakah kajian telah dibuat untuk kes seperti ini dan apakah keulusannya?

Yang keempat, mengenai Molor Vehicles (Driving Schools) Rules 1992, saya nampak ada kontroversi atau pertikaian mengenai peraturan-peraturan tersebut berbanding dengan peraiuran-peraturan yang dikenakan pada tahun 1959. Saya belum baca lagi Motor Vehicles (Driving Schools) Rules 1992, Apakah daripada peraturan yang baru ini yang diertikan sebagai "institut pemandu" dan "sekolah pemandu?" Adakah perbezaan di antara kedua-dua istilah ini? Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kontroversi atau pertikaian ini dapat diselesaikan untuk melicinkan langkah-langkah yang telah diambil bagi keselamatan jalanraya?

Tuan Pengerusi, mengenai techograph meters, saya pun tidak pernah tengok macam mana meter ini dipasang di atas lori-lori ataupun lanker-lanker dan juga on-board computer. Apakah peraturan sekarang untuk techograph meters dan juga on board computer dari segi keselamatan jalanraya? Adakah meter seperti ini diperlukan untuk tujuan tersebut?

Salu lagi mengenai kajian mata. Satu cadangan telah dikemukakan oleh Ophthalmologists Society of Malaysia (OSM) bahawa satu peraluran baru hendaklah dibuat untuk kajian penglihatan pemandu. Apakah kajian ataupun pertimbangan yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk kajian penglihatan ini?

Akhir sekali, mengenai penyelenggaraan jalan. Sepertimana yang diketahui umum, baru-baru ini ada seorang peniaga yang kembali ke rahmalullah kerana ada kemalangan disebabkan oleh lubang jalan.

Walaupun ini bukan di bawah bidang Kementeriannya, tetapi ini salah satu faktor yang menyebabkan kemalangan. Saya berharap pihak Yang Berhormat dapat membuat cadangan kepada Kementerian Perumahan dan Ketajaaan Tempatan ataupun Pihak-pihak Berkuasa Tempatan supaya penyelenggaraan jalan dapat dipertingkatkan. Jangan kita biarkan sahaja lubang-lubang dan bahu-bahu jalan yang rosak dan sebagainya sehingga berlaku kemalangan yang menyebabkan maul. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

7.40 *mlm.*

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat untuk membincangkan peruntukan Perbekalan Tambahan yang dipohon oleh Kementerian Pengangkutan dan juga sokongan-sokongan mereka.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyentuh mengenai tiga faktor bagi keselamatan jalan raya iaitu jalan rayanya sendiri, kereta dan manusia iaitu pemandunya. Dan beliau menyatakan bahawa sebab-sebab tidak selamat ialah design jalanraya itu sendiri, tingkah laku dan kereta tidak selamat.

Sebenarnya, dalam Majlis Keselamatan Jalanraya di peringkat pusat dan di peringkat negeri memang diwujudkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Kejuruteraan dan Jawatankuasa Penguatkuasaan. Iaitu ketiga-tiga bidang ini diambil tindakan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya di peringkat

pusat dan juga di peringkat negeri-negeri. Melalui ketiga-tiga jawatankuasa ini jugalah kempen-kempen dijalankan untuk memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalanraya sejak dari kanak-kanak lagi. Jawatankuasa Pendidikan ini juga telah dua tahun dahulu (1989) mengeluarkan Kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Bagi Pra-Sekolah dan Sekolah Rendah untuk menentukan bahawa semua pengguna jalan raya iaitu daripada kanak-kanak sampailah kepada orang dewasa memahami dan menyedari serta mengamalkan amalan-amalan yang baik untuk menyelamatkan diri mereka dari terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Begitu juga dari segi kejuruteraan. Di dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam ketiga-tiga bidang ini semuanya menduduki Majlis Keselamatan Jalan Raya menjadi ahli jawatankuasa. Dan apa-apa juga aduan, apa juga isu, perkara yang ditimbulkan, yang sampai kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya ianya dibincang dan akan diambil tindakan oleh tiap-tiap Kementerian dan Jabatan yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, bukanlah bererti bahawa kementerian-kementerian tidak mengambil tindakan bahkan kementerian-kementerian mendapat maklumat ini daripada Majlis-Majlis Keselamatan Jalan Raya dan juga pihak-pihak lain daripada orang ramai dan sebagainya.

Saya kurang arif sangatlah mengenai keadaan design jalan-jalan di Sarawak ataupun di Sabah. Tetapi pada pendapat saya bahawa design jalan-jalan sudah tentulah tidak dibuat menyebabkan kemalangan. Dan kalau ada pun jalan-jalan ini yang kita telah kenal pasti di Semenanjung yang saya tahu yang dikatakan black spots, dengan izin, iaitu 200 black spots yang kita ketahui di mana terdapat banyak kemalangan

berlaku di tempat-tempat berkenaan telahpun diambil tindakan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya dan pihak-pihak yang bertanggungjawab memperbetulkan jalan ini dengan peruntukan pinjaman daripada Bank Dunia supaya keadaan jalan-jalan ini selamat.

Oleh yang demikian, kita melihat bahawa rangkaian jalan raya dan lebuhraya di negara kita ini adalah sangat baik kalau dibandingkan dengan banyak negara-negara jiran.

Mengenai pemandu, kemahiran dan sikap. Memang kami sangat menyedari bahawa sebilangan besar pemandu-pemandu mempunyai sikap yang kurang menyenangkan dan tidak menyelamatkan mereka. Iaitu, pemandu-pemandu ini biasanya memandu secara bahaya, memandu terlalu laju, salah letak kereta, memotong jalan dua garis dan sebagainya. Ini semua adalah sebab-sebab yang dikatakan kecuaihan di pihak pemandu ataupun human errors itu yang menyebabkan 94% daripada jumlah kemalangan mengikut analisa statistik yang dibuat oleh pihak Jabatan Polis menyebabkan kemalangan. 94% daripada kemalangan disebabkan oleh kecuaihan pemandu-pemandu. Dan saya percaya apa Yang Berhormat Batang Lupar katakan tadi iaitu di Kuching katanya teruk sekali sikap pemandu-pemandu ini, insya Allah, rasa saya setelah kita melaksanakan KBSM sepenuhnya di Sarawak mungkin agaknya sikap ini akan bertukar. Itulah sebabnya kita melancarkan KBSM (Kurikulum Baru Sekolah Memandu) di mana dalam Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini kita menekankan kepada pemanduan berhemat iaitu untuk melatih pemandu-pemandu supaya berhemat atau berhati-hati supaya mengelakkan diri daripada terlibat dalam kemalangan. Dan dalam pemanduan berhemat ini kita hendak mendisiplinkan pemandu supaya mereka mempunyai sikap seimbang

rasa juga di jalan raya. Mereka diajar juga sedikit sebanyak mengenai enjin kenderaan yang mereka pandu supaya mereka mengetahui apa benda yang rosak apabila terjadi kerosakan. Bahagian pertama ujian Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini ialah mengenai highway code, dengan izin, iaitu tanda-tanda lalulintas yang mereka mesti lulus. Dengan menghadiri lima jam sekurang-kurangnya ceramah mengenai pemanduan berhemat ini, kita berharap mereka dapat kemahiran yang sepatutnya ada pada tiap-tiap pemandu dan juga mempunyai sikap yang bebiul.

Yang Berhormat kata tadi hendaklah dikaji latar belakang tiap-tiap pemandu itu, saya tidak sangguplah. Kerana untuk mengkaji latar belakang sampai berapa belas juta pemandu, ini agak sukar. Tetapi kita cuba menentukan sedaya-upaya membetulkan sikap tadi daripada anak-anak kita masih di sekolah lagi seperti saya katakan tadi daripada pra-sekolah dan sekolah rendah. Dan di banyak sekolah telahpun diwujudkan Kelab-kelab Keselamatan Jalan Raya untuk mendidik anak-anak kita dari segi bagaimana mereka patut berjalan, di mana patut menyeberang, apa patut mereka buat kalau menaiki basikal dan sebagainya atau apabila berjalan kaki.

Di sekolah-sekolah juga ada diwujudkan Traffic Warden iaitu pasukan murid-murid sekolah diberikan tanggungjawab untuk mengetahui dan juga mengajar murid-murid lain dalam sekolah berkenaan. Saya harap skim Traffic Warden ini dapat diperluaskan di sekolah-sekolah seluruh negara. Begitu juga traffic games. Traffic games ini diadakan kerap kali di sekolah-sekolah di semua peringkat dan diadakan pertandingan-pertandingan sebagai satu galakan untuk anak-anak kita ini memahami cara-cara mereka mesti bertindak sebagai pengguna jalan raya.

Mengenai analisa kajian-kajian yang dijalankan, memang kita dari masa ke semasa menjalankan kajian-kajian untuk menentukan bahawa hasil rumusan daripada kajian itu dapat membantu kita dalam membuat dasar dan juga menjalankan tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Mengenai umur 70 tahun yang disebut oleh Yang Berhormat tadi masih memandu, sebenarnya saya berpendapat bahawa kalau matanya terang lagi dan tenaganya cukup untuk memandu dan tidak membahayakan dirinya dan tidak membahayakan pemandu-pemandu jalan raya yang lain, rasa saya tidak menjadi masalah. Dalam Akta Pengangkutan Jalan pun tidak ada ditetapkan mengenai umur dan sebagainya.

Tetapi, saya inginlah menasihatkan mercka yang agaknya sudah lama tidak memandu; tetapi ada peraturan. Kalau lesen memandu kita sudah mati lebih dari 3 tahun, kita tidak boleh memandu lagi, tidak boleh membarui lesen itu, kena pergi ujian semula. Jadi kadang-kadang orang tua-tua ini ada juga dia lama lesennya disimpan, dia tidak memandu, selepas itu dia teringin hendak memandu lagi. Jadi saya suka mcngingatkanlah bahawa lesen memandu itu sepanjang masa mestilah dibaharui sebelum habis tempohnya.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat kata tadi ada keruntuhan rumahtangga, apa semua itu—ini tidak termasuk antara sebab-sebab berlakunya kemalangan jalan raya. Tetapi saya pernah dan kerap kali menasihatkan supaya pemandu-pemandu kalau hendak pergi berjalan jauh, kenalah siapkan kenderaan itu baik-baik supaya dalam keadaan leknikal yang sempurna, nani breknya mungkin tidak makan dan sebagainya. Ini adalah tanggungjawab sctiap pemandu apabila dia hendak memandu kenderaannya.

Di samping itu kalau hendak berjalan jauh mestilah cukup tidur, tidak letih dan tidak dalam keadaan emosional, agak baru lepas bergaduh dan sebagainya kerana ini didapati adalah unsur-unsur yang boleh .menyebabkan kemalangan jalanraya.

Dan begitu juga semasa memandu kita menasihatkan supaya semasa memandu, konsentrasi mestilah terhadap pemanduan kita, terhadap yang di hadapan, tidak usah yang di sebelah kiri. Kalau kita konsntrasi pula berbahagi kepada orang yang di sebelah kiri, itu juga yang menyebabkan kemalangan boleh berlaku.

Yang Berhormat dari Parit Sulong.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, yang concentrate di sebelah kanan, there is a knowledge when to kcep right and.when to keep left, Yang Berhormat. Jadi, salu soalan sahaja yang sebenarnya, Saya dahulu sebelum masuk kerja sebagai Polis, I was a Technical Assistant dalam JKR. Jadi, ada involve dengan road designing sedikit. Jadi, soalan saya ada kena-mengena dengan jalan. Adakah cadangan Kementerian membuat kreta di mana kalau kita jalan laju, sampai di saiu peringkat, umpamanya, 100 kilometer—macam kereta Jepun di negeri Jepun, mereka buat sound bell ataupun buat satu stricking sound dalam kereta itu, supaya driver itu tahu dia sudah sampai kepada had laju dan dia berhenti apabila laju daripada itu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, tidak berapa lama dahulu

ada arahan supaya kenderaan-kenderaan mernasang alat amaran had laju tetapi telah didapati bahawa alat itu tidak begitu sempurna dan boleh di'temper' oleh scsiapa dan sebagainya, maka kita berhentikannya buat sementara. Kita fikirkan cara-cara lain untuk kita mclaksanakannya.

Yang Berhormat dari Parit Sulong, terima kasih atas sokongan dan meminta penjelasan - adakah kemalangan jalan raya daripada pemandu-pemandu dari negara jiran, khususnya dari Singapura. Saya minta maaf, sebab saya tidak ada angka analisa sampai sbcgitu, iaitu pecahan yang detail begitu, mungkin saya boleh dapatkan kemudian untuk Yang Berhormat.

Kata beliau, mengapa kereta yang mengalami kemalangan maut ini mclibatkan kenderaan besar seperti lori balak dan sebagainya yang dipanggil "raja jalan" dengan kenderaan yang kecil. Itulah satu perkara yang sangat-sangat kita risaukan, iaitu kenderaan berat ini apa juga yang terjadi, dia tidak ada apa-apa. Paling-paling dia cedera sedikit sahaja—out-patient. Penumpang-penumpang dan juga pemandu dalam kenderaan yang lebih kecil yang terlibat dalam kemalangan yang menjadi mangsa. Inilah yang kita sepanjang masa nasihatkan supaya pengusaha-pengusaha kenderaan pengangkutan awam khasnya mencari jalan atau membuat sesuatu supaya pemandu-pemandu mcrcka ini disiplin-kana.

Saya pernah mencadangkan juga supaya mereka menghantar untuk dikursuskan semula dari segi pemanduan berhemat kepada pemandu-pemandu mcreka ini dan saya nampak ada beberapa syarikat pcngangkutan yang besar-besar telahpun mcjalankan berbagai-bagai usaha untuk menentukan bahawa pemandu-pemandu mcrcka dalam keadaan selesa semasa memandu dan tidak panjang sangat waktu kerjanya memandu itu dan mcgadakan

kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, dengan techographnya, dengan on-board computernya, dengan air-conditionnya, dengan black-box dan sebagainya.

Sndah ada beberapa syarikat pengangkutan yang besar yang telah menyediakan semua alat-alat ini dan mengadakan juga ciri-ciri keselamatan di luar kenderaannya, misalannya mengadakan side-guardnya, behind-guardnya, supaya motosikal tidak masuk di bawah lori. Saya memang mengucapkan tahniah kepada Syarikat Shell yang pertama mewujudkan Akademi Keselamatan Jalan Raya di negara kita ini dan Shell juga ialah yang pertama mewujudkan "traffic game" di negara kita sejak lahun 1950an lagi dan kita harap bahawa pihak-pihak yang scpatulnya menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada seperti di Akademik Keselamatan Jalan Raya ini menggunakannya untuk disiplin dan latihan dan juga kemahiran dan menukar sikap pemandu-pemandu mreka.

Yang Berhormat tadi mcnyebut juga kemalangan yang melibatkan ramai orang kclika di musim-musim perayaan trcutamanya, oleh kerana itulah Kementerian Pengangkutan telah menguatkuasakan pada lhb April yang baru lalu ini beberapa sekatan bagi van-van yang kita tahu sebelum ini memang banyak terlibat dalam kemalangan maut yang meragut banyak nyawa. Dengan adanya penguatkuasaan ini kita nampak bahawa dalam musim perayaan Hari Raya yang baru lalu ini telah berkurangan, iaitu 8.8% kurang bilangan van yang terlibat dalam kemalangan semasa musim perayaan iaitu seminggu sebelum dan seminggu sesudah..

Satu lagi golongan yang banyak menjadi mangsa dalam kemalangan jalan raya yang meragut nyawa begitu banyak iaitu sebanyak 1,608 orang meninggal tiap-tiap tahun adalah

penunggang-penunggang dan pembonceng motosikal. Kerana motosikal ini kecil dan ia kadang-kadang tidak ternampak oleh kenderaan berat yang besar-besar—sama ada ianya dilanggar dari belakang ataupun ianya dihipit oleh kenderaan, maka mereka itu menjadi golongan mangsa yang terbesar dalam kemalangan di jalan raya. Oleh kerana itulah saya pada Hari Ibu yang baru ini melancarkan satu kempen "MAMA" - "Mother Againsts Motorbike Accident"—kerana saya berpendapat bahawa ibu-ibu dengan rasa kasih sayangnya dapat menasihatkan anak-anak mereka dan satu unsur yang dilihat yang menyebabkan kemalangan ialah motosikal ini saya katakan tadi tidak dinampak oleh pengguna-pengguna kenderaan jalan raya yang lain dan itu sebabnya kita menasihatkan supaya pemandu-pemandu motosikal ini atau pembonceng-pembonceng ini memakai jaket yang bersinar apabila dipancar oleh cahaya daripada kenderaan lain dan di samping itu lampu kecil yang di belakang motosikal, iaitu harganya hanya 80 sen agaknya, ini yang biasanya mereka tidak ganti. Jadi, bererti nyawa boleh terkorban kerana tidak membeli 'bulb' yang 80 sen itu.

Saya sangat berharaplah, iaitu apabila saya telah melancarkan kempen "MAMA", tidak mama sahajalah, papa pun diharap juga bersama-sama menasihatkan anak-anak mereka, kerana jumlah motosikal yang terlibat dalam kemalangan tiap-tiap tahun tidak kurang daripada 29,000 dan nyawa yang terkorban 1,600 lebih.

Yang Berhormat dari Arau, terima kasih atas sokongan dan mengalakan bahawa kempen berjalan dengan baik. Tetapi beliau mengatakan mengenai kereta dari negara jiran dan cermin gelap. Kita mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai cermin gelap dan kita ada kategori-kategori orang yang boleh meng-

gunakan cermin gelap dan yang lain-lain atas sebab-sebab keselamatan menggunakan cermin gelap. Tetapi sesiapa juga, sama ada dalam negeri ataupun daripada luar negeri yang menggunakan cermin gelap tanpa kebenaran daripada Menteri, maka mereka ini apabila dijalankan kuatkuasa, mereka itu boleh diambil tindakan.

Keduanya, Yang Berhormat dari Arau menyatakan mengenai umur kenderaan. Dalam Akta kila juga lidak menghadkan umur kenderaan tetapi kita melihat daripada keadaan kenderaan itu sama ada ia 'road-worthy', dengan izin, atau tidak dan bagi kenderaan-kenderaan awam, mereka ini ditentukan sama ada road-worthy atau tidak, apabila mereka datang diperiksa 6 bulan sekali di Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menentukan keadaan mereka.

Tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong, kalau tidak silap saya ada menyatakan bahawa apabila hendak periksa ini, katanya, dia ganti tayar, dia cat keretanya baik-baik, ini kemungkinan—saya tidak menafikan. Tetapi kita tidak dapat bukti-bukti yang jelas yang menunjukkan keadaan itu benar, kerana setelah mereka datang di periksa dan didapati keadaannya baik, mereka akan diluluskan.

Tetapi selepas itu kita tidak ada kemampuan untuk mengikuti pula mereka ini, mengekori mereka ini selepas itu, untuk menentukan sama ada mereka itu berbuat demikian atau tidak.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Bagi kenderaan-kenderaan per-sendirian, biasanya semasa tukar milik, kenderaan ini akan diperiksa, tetapi itupun terpulang kepada tuan yang hendak membeli itu. Kalau dia rasa tidak payah diperiksa untuk ditentukan keadaannya, itu terpulang kepadanya.

Dan pemandu mabuk. Memang, salah satu sebab kemalangan ialah pemandu mabuk. Dan kita mempunyai alat breath analyzer ini di hospital-hospital. Jadi, kalaulah kita dapati, kita syaki dalam penguatkuasaan bahawa pemandu itu mabuk, mereka ini boleh dibawa ke hospital untuk diuji.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi telah menyebut mengenai 'saya menonjolkan diri', katanya. Tidak sedap benar saya dengar. Bukan saya hendak menonjolkan diri tetapi tugas dan tanggungjawab saya untuk tampil memberikan nasihat, memberikan pandangan, memberikan pendapat. Nasib baik Ahli Yang Berhormat kata: "mempopularkan langkah-langkah keselamatan." Kalau tidak saya rasa tidak seronok sedikit, nanti orang kata saya pula hendak mempopularkan diri saya. Memang, kajian dijalankan oleh MKJR dari satu masa ke satu masa mengenai berbagai-bagai isu. Mengenai design jalan raya, mengenai golongan-golongan atau kumpulan-kumpulan tertentu menggunakan jalan raya dan kajian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu di atas saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor supaya mengharamkan kenderaan berat di musim hari raya, saya telah meminta. Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Bahagian Darat di Kementerian untuk mambual kajian yang saya beri tempoh tiga bulan bagi mereka untuk mengkaji implikasi-implikasinya.

Sebenarnya semasa musim perayaan yang baru lalu ini, iaitu musim hari raya kita dapati bahawa keseluruhan kemalangan jalan raya menurun, alhamdulillah. Dan kemalangan van-van saya sudah sebutkan tadi juga, bilangannya menurun. Dan memang kita sedar bahawa kelalaian manusia itu masih lagi ada berlaku.

Mengenai Akademi Keselamatan Jalan Raya, saya telah jelaskan tadi iaitu akademi ini terbuka kepada

sesiapa sabaja sama ada individu ataupun kumpulan-kumpulan atau syarikat-syarikat mana-mana sahaja boleh menggunakannya, sudah tentu dengan bayaran.

Mengenai compulsory defensive driving classes, kita belum lagi ada kajian dan maklumat mengenai sama ada mereka yang lelah mendapat lesen memandu setelah melalui defensive driving classes ini terlibat dalam kemalangan ataupun tidak, itu saya belum ada.

Mengenai motor vehicle driving schools, Ahli Yang Berhormat tanyakan tadi itu, perbezaan institut memandu dengan sekolah memandu, kalau institut memandu ialah satu tempat atau satu institut dengan ada litar circuit memandu, dengan ada bilik-bilik darjahnya, dengan alat-alat TV, video dan sebagainya untuk kemudahan mengajar. Sekolah-sekolah memandu yang diwujudkan sebelum wujudnya institut memandu ini, yang ada juga sampai hari ini adalah sekolah-sekolah memandu sama ada kecil atau besar, yang mungkin tidak mempunyai litar circuit untuk berlatih dan juga mungkin tidak mempunyai kelas-kelas pemanduan berhemat iaitu bilik-bilik darjah dengan alat-alat yang saya sebutkan tadi. Tetapi sekolah-sekolah memandu ini mesli pergi atau menggunakan perkhidmatan institut sekolah memandu ini. Dan banyak-banyak tempat ada beberapa sekolah-sekolah memandu bergabung di antara mereka, mewujudkan kelas-kelas pemanduan berhemat ini dengan bilik darjahnya, dengan alat-alat kemudahannya dan juga dengan pengajar-pengajarannya.

Mengenai tachograph Ammeier dan juga on board computer, saya telah jelaskan tadi, sebenarnya ianya tidaklah compulsory, tidak ditcniukan dalam Akta mengatakan ianya compulsory tetapi ianya digalakkan kerana alat-alat ini dapat memberi

panduan kepada pengusaha itu sendiri, the operator, the owner, dengan izin, bagaimana perjalanan kenderaan yang dibawa oleh pemandu-pemandu tertentu sama ada dia berhenti berapa lamakah, semua akan didaftarkan dalam komputer itu. Dan sebagai quality control, ini adalah bermanfaat kepada pengusaha-pengusaha sebagai panduan untuk menentukan sama ada dijadikan maklumat untuk apabila terjadi kemalangan di jalan raya misalnya, alat ini juga boleh memberikan panduan.

Mengenai kajian mata, kami belum lagi membuat apa-apa cadangan alaupun apa-apa kajian mengenai ini, saya ambil perhatianlah cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu. Dan mengenai penyenggaraan jalan yang menyebabkan kemalangan, yang ada berlubang dan sebagainya, ini seperti yang saya katakan tadi dalam MKJR iaitu semua agensi-agensi yang berkenaan ada di sana, apabila ada kes-kes tertentu kita bawa kepada pengetahuan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan.

Rasa saya itu sahaja yang telah dibawa, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,000,000 untuk Maksud B.47 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,000,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,175,000 yang disebutkan dalam Maksud P.47 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,175,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1992.

Maksud B.51 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Maksud Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.08mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya akan singkatkan ucapan saya kerana saya bersama-sama berhasrat dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyaksikan badminton. Sibuk dengan badminton sekarang—"Thomas Cup".

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, berucap terus.

Dr Tan Seng Giaw: "Saya tidak boleh sibuk dengan badminton", dia kata.

Seorang Ahli: Dia buang masa.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak buang masa, saya buat cadangan sedikit di sini, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, dia memang datang ke sini untuk menjawab soalan-soalan, dia hendak menjalankan tugasnya. Tetapi satu perkara yang penting kerana memandangkan peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri alaupun luar negara, satu perkara yang hendak saya bangkitkan mengenai promosi perdagangan dan peranan untuk memajukan ekonomi Malaysia di dunia kerana nampak dengan tamatnya perang dtngin dunia dan dengan

perdagangan di Asia ataupun Pacific Reams kian hari kian berkembang, maka dengan order yang baru ini memang Kementerian Luar Negeri perlu memainkan peranan yang lebih positif.

Tuan Pengerusi, saya berharap dengan order baru di dalam tahun-tahun 90an ini, pihak Kementerian dapat mempertingkatkan usaha untuk membolehkan kakitangannya di seluruh dunia mempunyai kepakaran di dalam ekonomi, dalam bidang perdagangan antarabangsa.

Kerana di dalam tempoh 5 tahun ini saya diberitahu bahawa pihak Malaysia akan memerlukan pelaburan sebanyak \$80 billion dalam tempoh 5 tahun ini.

Kalau kita kira tahun lepas kita dapat \$16 billion dan tahun ini mungkin dapat \$15 billion. Kalau kita kira \$16 billion kali 5, tak sampai \$80 billion, terutamanya di negara-negara seperti Jepun kerana ekonomi dalam negara sendiri sekarang ada pelbagai masalah. Itu tentu boleh berlaku kerana seperti dalam perlawanan badminton atau bolasepak dan sebagainya, ada turun dan ada naik. Itu satu trade cycle, di Jepun pun begitu juga. Kalau pertumbuhan ekonomi yang begitu baik di dalam satu dua dekad tidak semestinya akan berterusan. Jadi sekarang negara itu pun mengalami kesusahan, bukan hendak bankrap, jauh daripada bankrap. Saya percaya negara Jepun akan pulih semula dengan cepat. Walau bagaimanapun, kita di Malaysia ini mesti mempelbagaikan pelaburan di seluruh dunia, bukan bertumpu kepada Jepun sahaja. Ini satu usaha yang penting, yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian "Luar Negara" yang patut kita tukar daripada 'Negeri' kepada 'Negara', itu sejajar dengan perkembangan bahasa di Malaysia.....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan mengenai pendirian Ahli dari Kepong. Kelmarin dia marah kepada Kerajaan kerana mclabur di Vietnam dan Kambodia, tetapi hari ini dia suruh labur lagi banyak. Jadi apakah pendiriannya? Adakah ini mencerminkan apa yang dikalakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, dia tidak ada pendirian yang tetap—hari ini sokong, esok bangkang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu menunjukkan Yang Berhormat dari Padang Terap itu yang cuma masyhur dengan gelah terap sahaja.....

Seorang Ahli: Jawablah!

Dr Tan Seng Giaw: ...hendak tangkap burung boleh, tangkap pelaburan susah. Maksud saya ialah kita jaga dengan baik mengenai getah. Dia tidak dengar semalam apakah kita bincangkan mengenai getah.....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, apa yang dibincangkan semalam ataupun kelmarin adalah mengenai pelaburan dari getah apabila kita menghantar ahli-ahli kaji getah kita ke Vietnam dan ke Kambodia. Itu adalah pelaburan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya mencadangkan kita sentiasa berwaspada, jangan teknologi kita itu beri kepada orang semua seratus peratus, itulah maksud saya. Kita sudah tidak ada masa, hendak balik pergi menonton badminton pun tak boleh. Saya ada banyak lagi hendak sentuh, tetapi dia ganggu sahaja sekarang ini.

Tuan Pengerusi, untuk tahun lepas (1991) perdagangan Malaysia ada totalnya \$196 billion dan ini saya

berharap dapat ditingkatkan lagi. Walau bagaimanapun, cadangan saya ialah yang periaman, lingkarkan lagi profesionalisme di dalam perkhidmatan luar negara supaya kita dapat mcnyaksikan kakilangannya memainkan peranan yang lebih positif. Yang kedua, usaha-usaha hendaklah ditambahkan untuk memajukan ekonomi Malaysia di dunia. Bukan sahaja penting bagi pihak Kementerian Luar Negara untuk diplomasi bahkan juga diplomasi ekonomi yang semakin hari semakin menjadi lebih penting. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lumar, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Memeri diminta menjawab.

8.15 mlm.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit sahaja. Pada masa pemilihan Scitiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu dahulu, Mr. Boutros Boutros-Ghali ialah salah seorang daripada calon yang mana Malaysia tidak ada bantahan. Jadi soalnya sama ada dia dipilih oleh pihak Malaysia ataupun menyokong dia pada masa pemilihan, saya kurang lahu. Tetapi kita berasaskan apa yang telah dibuat selama ini dan macam mana pandangan Malaysia atas prestasi yang dicapai oleh Scitiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ini? Adakah ianya tidak selaras dengan kehendak-kehendak dasar luar negara Malaysia? Macam mana pandangan Kementerian atau negara kita pada masa sekarang berlandaskan kenyataan yang dilaporkan telah disebut oleh Mr. Boutros Boutros-Ghali ini yang mengatakan, "There is no obligation on the pari of Israel to rcturn the Arab land which was taken by Israel". Jadi macam mana pandangan Kementerian dan pandangan negara kita tentang kenyataan yang telah dilapor dibuat oleh pihak Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.17 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih lerutamanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyarankan dua perkara yang saya nampak perlu saya sentuh, pertamanya untuk mempertingkatkan usaha kita hendak mempromosikan perdagangan antarabangsa dcngan negara-negara di seluruh dunia dan menambahkan kepakaran kita berkenaan dengan perdagangan antarabangsa dan sebagainya. Itulah hajat Kerajaan juga yang mana kita semua sedar bahawasanya kini usaha-usaha Kementerian Luar Negeri lebih menumpukan untuk kita menambahkan peningkatan daripada segi perdagangan antarabangsa serta juga untuk menarik pelaburan ke negara kita. Maka seluruh anggota prwakilan kita di luar negara, dari masa ke semasa, diberi kursus-kursus penerangan serta berbagai-bagai jenis kemudahan untuk mempertingkatkan ilmu dan pengctahuan mercka tentang benda-benda yang perlu diketahui dalam memperlingkatkan perdagangan di peringkat antarabangsa. Malahan akhir-akhir ini juga kcsemua Kelua-ketua Prwakilan kita yang bakal dihantar ke luar negeri terpaksa menghadiri suatu kursus di Institut Diplomasi dan Penerangan Luar Ncgara yang baru ditubuhkan di Kuala Lumpur ini dalam beberapa minggu, khusus untuk kita dedahkan tentang pcntingnya perdagangan kepada Malaysia. Maka, Yang Berhormat dari Kepong jangan khuatir-lah tentang penekanan Kerajaan kini lentang tugas wakil-wakil kita ke luar negara untuk memastikan yang Malaysia scntiasa mendapat pasaran dan juga mendapat pelaburan untuk memastikan kita terus mencapai matlamat untuk mewujudkan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Mengenai dengan taraf profesionalisme yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat ini juga ditekankan oleh kerana kini pun hampir seratus peralus daripada Ketua-ketua Perwakilan kita datangnya daripada career diplomats, dengan izin. Sudah tentu mereka sebagai career diplomats begitu mahir tentang kerjaya mereka sebagai wakil kita di negara-negara yang mereka ditugaskan.

Saya tertarik juga untuk hendak menyentuh apa yang telahpun ditanya tadi oleh Yang Berhormat dari Padang Terap yang mengatakan bahawasanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini bertukar-tukar pendapat, tukar-tukar pendirian, Dia kata hendak balik cepal, tetapi tanya juga soalan. Kalau hendak balik cepat, kita boleh habis cepat. Bukankah begitu, Yang Berhormat dari Padang Terap? Tetapi beliau ini begitulah keadaannya, cakap begini, buat yang lain.

Yang Berhormat dari Batang Lupar menyentuh tentang cara PBB mclantik Setiausaha Agungnya. Biasanya sebagai amalan, jawatan Setiausaha Agung itu diberikan ikut bergilir-gilir mengikut bcnu. Pada kali ini tiba giliran unluk Benua Afrika menghantarkan wakil untuk dipertimbangkan sebagai Seliusaha Agung ke Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia telah menunggu akan konsensus di antara negara-negara Afrika untuk siapa yang mereka ingin menonjolkan. Pada mulanya tak dapat konsensus. Tetapi kita tengok mana yang paling popular sekali dan kita dapati dan sctclah kita meninjau pendapat-pendapat lain-lain anggota PBB yang mana Mr. Boutros Boutros-Ghali ini yang paling popular sekali, maka kita pun menurut memberi sokongan kiia kepada calon yang mewakili Benua Afrika yang dalangnya daripada negara Mcsir.

Setakai ini kita boleh mengatakan Kerajaan Malaysia puashati tentang peranan dan tugas-tugas yang telah dimainkan oleh Mr. Boutros Boutros—

Ghali ini sebagai Setiausaha Agong, walaupun dalam masa yang singkat, tetapi telah nampak menunjukkan suatu prestasi yang boleh kita percaya, yang boleh kita menaruh setinggi-tinggi harapan. Berilah beliau masa sedikit lagi untuk menunjukkan kewibawaan b liau sebagai seorang pemimpin antarabangsa yang kita nampak dan kita percaya dan kita tahu lelah cukup pengalaman untuk mengendalikan sebuah badan seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam kes di Timur Tengah bersabit dengan masalah Israel, kini pun usaha sedang dibuat untuk mencari suatu pendekatan untuk mendapatkan penyelesaian dalam masalah di Timur Tengah. Maka, kita tunggulah dahulu oleh kerana kini buat pertama kalinya mereka dapat berbincang antara pihak Arab dcngan pihak Yahudi, maka kita mesti -beri peluang dahulu untuk mereka berbincang. Jangan dengar sangat apa yang diutarakan dari masa ke masa melalui akhbar dan sebagainya, tetapi kita mahukan mereka terus berbincang. Selagi mereka berbincang, kita percaya ianya akan membawa kepada satu keadaan yang mana pada salu masa kelak penyelesaian juga akan dapat kita hasilkan.

Itulah sahaja. Saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$29,954,800 untuk Maksud B.51 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah distctjukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$29,954,800 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B.52 (Jadual Pertama) —
Maksud B.52 (Jadual*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas sekarang. Sungai Besi.

8.23 mlm.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan bantahan kepada cadangan untuk meluluskan sejumlah \$405 juta sebagai bayaran bagi syarikat konsesi bagi projek pemswaan jalan dan persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur,

Pada asalnya, Tuan Pengerusi, kos pembesaran jalan dan pembinaan persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur hanya bernilai \$269 juta sahaja, iaitu semasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menawarkan kontrak ini kepada syarikat K.G. Teratai. Setelah berlaku bantahan besar-besaran oleh penduduk kawasan Cheras akibat pembinaan plaza tol di Cheras, PLUS di bawah anak syarikatnya, Metramac Corporation diberikan tawaran menguruskan plaza tol Cheras dan harga pembelian konsesi itu menjadi \$823 juta—ini satu amaun yang raksaksa. Kadar tambahan yang melebihi dua kali kos asal ini amat mengejutkan. Bukankah ini satu skim cepat kaya yang direka oleh Kerajaan sendiri?

Saya telah diberitahu bahawa peningkatan kos projek ini adalah disebabkan oleh skop kerja yang telah diperluaskan. Penjelasan ini tidak jelas. Apakah yang dimaksudkan dengan skop kerja yang telah bertambah dan diperluaskan? Tanpa memberikan keterangan yang jelas tentang keperluan untuk meluluskan peruntukan \$405 juta, Dewan hari ini seolah-olah terpaksa meluluskan suatu jumlah wang yang tidak jelas maksudnya.

Rakyat bimbang sebenarnya perbezaan harga yang sekarang dipikulkan ke atas bahu mereka ialah merupakan amaun transaksi atau urusan antara syarikat konsesi asal dengan Metramac, iaitu hasil keuntungan jual beli antara dua syarikat tersebut. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan, setakat ini berapakah tclahpun dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat Metramac? Adakah peruntukan \$405 juta ini merupakan angka terakhir dan tidak akan ada perminiaan peruntukan tambahan di belakang hari sepertimana projek Lebuhraya Utara-Selatan yang bertambah dan menyebabkan Lembaga Lebuhraya Malaysia memohon peruntukan tambahan tidak lama dahulu. Jika ada bakinya yang belum dijelaskan, juga harap Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan jumlahnya.

Rakyat amat menginginkan supaya isi kandungan perjanjian antara Kerajaan dan Metramac Corporation ini diumumkan bagi pengelahuan orang ramai dan mengapa Kerajaan begitu berselindung sehingga menjadikannya di bawah Akla Rahsia Rasmi. Angka \$823 juta bukan satu jumlah yang kecil dan oleh kerana ianya satu projek yang besar, mengapa tidak diserahkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia yang berkemampuan menjadikannya projek awam?

Tuan Pengerusi, saya suka mengingatkan Kerajaan, rakyat membanlah kutipan tol dalam Kuala Lumpur sebab kutipan tidak dapat menyelesaikan masalah ksesakan lalu-lintas, sebaliknya semakin membebankan rakyat seperti membuang masa, wang ringgit kerana bayaran tol dan penggunaan petrol yang berlebihan. Contoh yang jelas ialah di Cheras, setiap pagi kndcraan terpaksa mcrangkak melalui Jalan Cheras walaupun jalan pilihan sudah disediakan.

Dengan kata lain, kutipan tol wajib dibatalkan sama sekali. Kerana hendak mengurangkan kesesakan di plaza, kenderaan terpaksa dihalakan ke jalan-jalan lain yang kerap menimbulkan kesesakan. Penggunaan helikopter bagi mengawasi aliran lalu-lintas tidak memberikan apa-apa kelegaan, sebaliknya, rakyat terpaksa memikul belanja yang besar semata-mata. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

8.27 mlm.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya cuma ingin membangkitkan satu masalah iaitu masalah Kontraktor kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia iaitu PLUS yang mengendalikannya pakej pembinaan lebuhraya di antara Pagoh dan Yong Peng dan banyak harga pembangunan yang terpaksa dibayar oleh pengundi-pengundi saya di kawasan Parit Sulong. Oleh kerana itu sebagaimana yang telah saya bangkitkan pada tahun yang lalu menerusi perbincangan di bawah Kementerian Kerja Raya, iaitu di dalam proses pembangunan pakej Lebuhraya Pagoh-Yong Peng, telah banyak tanah-tanah sama ada pekebun kecil ataupun estet yang ditenggelami air akibat lembah Sungai Simpang Kiri Parit Sulong banyak yang telah ditambak dan tidak ada saluran alternatif kepada air yang mengalir. Ini menyebabkan banjir kepada kebun-kebun yang menyebabkan kehilangan hasil dan juga mata pencarian bagi masyarakat setempat.

Yang keduanya, sewaktu sebilangan besar rakyat negara atau seluruh dunia merayakan Tahun Baru dan Hari Krismas lahun lalu, sebilangan besar rakyat di Parit Sulong menderita oleh kerana banjir kilat yang terlalu besar.

Ini juga adalah akibat pembinaan jambatan yang saya diberitahu di mana engineering designnya tidak mengambilkira keadaan setempat, tidak mengambilkira persekitaran kampung-kampung dan seterusnya sehingga terpaksa lebih kurang setengah bulan air menenggelami rumah-rumah setinggi lebih kurang 4 kaki. Di kawasan Yong Peng khususnya, kawasan yang akan dijadikan satu interchange yang paling besar di dalam pakej Pagoh-Yong Peng, amat menyedihkan oleh kerana rakyat yang berpendapatan rendah, rakyat yang menjadi penyokong setia kepada Kerajaan terpaksa membayar harga yang terlalu tinggi di dalam proses pembinaan lebuhraya itu.

Yang saya harapkan, kita tidak mahu mengeneipkan pembangunan, tetapi pada waktu yang sama diharapkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata jangan diketepikan dalam kita membina engineering design mana-mana projek-projek pembangunan sekalipun. Itu harapan saya. Hingga ke hari ini, sehingga pada hari Ahad yang lalu, sewaktu saya pulang ke kawasan saya, masih lagi terdapat kampung-kampung di kawasan Yong Peng yang ditenggelami air sebanyak 3 kaki akibat pembinaan lebuhraya yang merintanginya bebrapa sungai dan anak sungai, yang tidak mengambilkira untuk memberi saluran alternatif.

Perkara ini amat menyedihkan. Jadi saya mohon pembelaan yang disegerakan, dan perkara ini saya harap diberhentikan di masa-masa akan datang, oleh kerana Tuan Pengerusi, kita amat berterima kasih, kita tidak bersikap sebagaimana Pcmbangkang mempolitisaikan masalah pembinaan Lebuhraya semata-mata untuk membangkang.

Kita di dalam Barisan Nasional amat bersyukur kerana Kerajaan memang sentiasa memandang berat dan memberikan pembinaan infrastruktur,

dan kemudahan perjalanan kepada rakyat jelata, tetapi pada waktu yang sama, saya harapkan oleh kerana dalam waktu sekarang ini proses pembinaan itu belum tamat, dan saya tahu package daripada Yong Peng dan seterusnya akan terus dijalankan di masa-masa akan datang, diharapkan di samping kita memberi pembelaan kepada masyarakat di Parlimen Parit Sulong yang telah didatangi oleh banjir akibat mungkin dengan izin, oversight, overlook ataupun kita kurang memerhati kepada masalah detail, saya harap perkara ini juga akan dijadikan pengajaran di dalam proses pembinaan lebuh raya di seluruh negeri Johor sehingga membawa ke Singapura. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.32 *mlm.*

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Pengerusi, saya cuba memberi satu jaminan dahulu kepada Yang Berhormat yang menyentuh Lebuh raya dari Pagoh-Yong Peng kerana ini adalah pendek.

Tuan Pengerusi, saya akan mengambil ketetapan iaitu selepas ini saya akan berhubung dengan Lembaga Lebuh raya Malaysia iaitu satu badan di bawah Kementerian Kerja Raya, supaya LLM dapat mengambil perhatian berkenaan dengan banjir.

Mengikut Yang Berhormat tadi sehingga hari Ahad yang lalu iaitu dua hari yang lepas kawasan Yong Peng di bawah kawasan Yang Berhormat masih ditenggelami air setinggi 3 kaki. Jadi, ini saya akan mengambil perhatian dan memberitahu kepada LLM dengan secepat mungkin.

Perkara lain saya tidak menyentuh apakah sebabnya, tentu sekali sedikit-sebanyak memang ada lindakan daripada pembinaan Lebuh raya ini, oleh PLUS. Jadi, saya tidak mahu menyentuh perkara planning ataupun perkara lain, cuma kalau dapat banjir ini kita akan kurangkan supaya perkara ini tidak terjadi lagi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peruntukan yang diminta dari Dewan Rakyat pada masa ini sebanyak \$405 juta, dan saya akan cuba memberi sedikit-sebanyak penjelasan dengan seberapa boleh mengikut keadaan dan mengikut apa yang sebenar berlaku. Daripada apa yang telah diketahui iaitu Kerajaan telah bersetuju meluluskan pemberian subsidi sebanyak \$405 juta kepada Metramac Corporation Sdn. Bhd. sebagai pampasan bagi shortfalls, kutipan dalam kutipan hasil akibat dari arahan Kerajaan supaya kadar Tol diturunkan di antara 75%-100% bagi semua kategori kenderaan. Sebagai contoh kadar Tol bagi kereta diturunkan dari \$1 menjadi 50 bagi setiap haluan. Di samping itu sebagai pembayaran pampasan, pembayaran subsidi adalah bertujuan mengadakan satu skim "Traffic Disposal" yang lebih komprehensif di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, dan lebih banyak komponen telah ditambahkan kepada skop projek asal yang hanya meliputi pembinaan persimpangan Jalan Pahang, persimpangan Jalan Cheras dan pembinaan jalan sebahagian East-West Link Express Way dari Bandar Tun Razak ke Jalan Cheras.

Skop projek yang diperluaskan di bawah Perjanjian Konsesi Baru di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Metramac Corporation juga melibatkan selain dari skop kerja yang asal seperti disebut di atas tadi, projek-projek seperti yang berikut:

- (a) meluaskan Jalan Pahang dari persimpangan Gombak.

- (b) membina persimpangan Gombak.
- (c) meluaskan Jalan Cheras lama dari Kilometer 5 1/2 ke persimpangan Jalan Chan Sow Lin/Jalan Tun Razak.
- (d) membaiki Jalan Loke Yew dan persimpangan Bulatan Merdcka.
- (e) membina jalan alternatif, Jalan Cantik ke Jalan Kuari.
- (f) membina jalan alternatif Taman Connought Link.
- (g) meluaskan East-West Expressway bagi menghubungkan Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban sehingga Jalan Cheras-Taman Connought.
- (h) melebarkan Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dari Tol Plaza Sungai Besi ke persimpangan Jalan Lapangan terbang, dan melebarkan Lebuh raya Salak dari persimpangan bertingkat Salak ke persimpangan Jalan Kelang Lama.

Tuan Pengerusi, bagi bayaran yang disebut oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi tadi, saya suka memberi penjelasan mengenai bayaran iaitu mechanism pembayaran subsidi \$405 juta ialah seperti berikut:

- (i) Pembayaran subsidi \$405 juta juga adalah diuruskan melalui satu perjanjian tambahan di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Metramac yang dipanggil Subsidy Accounts Agreement. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 13hb Pebruari, 1992. Subsidi \$405 juta ini telah dibayar ke dalam akaun subsidi Syarikat Metramac pada 2hb April, 1992.
- (ii) Subsidi akaun bank ialah Bank of Commerce Berhad berdasarkan kepada Seksyen 5(1) iaitu

kepada Subsidy Accounts Agreement. Metramac hanya boleh mengeluarkan amaun wang yang seimbang dengan value of works performed, dengan izin. Apabila hendak membuat pengeluaran withdrawal di bawah Seksyen 5(1), Syarikat Metramac hendaklah memberi 14 hari notis kepada Auditor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan disokong oleh dokumen-dokumen tertentu seperti Certified Construction Payment; dan yang akhir sekali,

- (iii) Mengikut Seksyen 11 dan Seksyen 12 kepada Perjanjian Konsesi kedua-dua pihak DBKL dan Syarikat Metramac hendaklah melantik seorang auditor masing-masing untuk mengeluarkan joint certificate berkaitan dengan operasi Tbl seperti kutipan tol, hasil tol dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya dapat jelaskan berkenaan dengan peruntukan yang saya fikir perlu bagi pihak Kementerian Kerja Raya untuk diluluskan oleh Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$215,820,000 untuk Maksud B.52 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$405,000,000 untuk Maksud B.52 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$215,820,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$405,000,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B.53 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala B.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas sekarang, (Tiada perbincangan)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,317,300 untuk Maksud B.53 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,317,300 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B.54 (Jadual Pertama)—
Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3)) 1991—*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.54 dan Kepala Pembangunan P.54 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas sekarang. (Tiada perbincangan)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$720,000 untuk Maksud B.54 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$720,000 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,651,400 yang disebutkan dalam Maksud P.54 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,651,400 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1991.

Maksud B.56 dan B.57 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.56 dan B.57 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas sekarang. (Tiada perbincangan)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$550,900 untuk Maksud B.56; dan \$538,600 untuk Maksud B.57 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$550,900 untuk Maksud B.56; dan \$538,600 untuk Maksud B.57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua ratus empat puluh satu juta, enam ratus dua puluh empat ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$241,624,870) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh juta, Lima ratus sembilan puluh sembilan ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$120,599,870) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh satu juta, dua puluh lima ribu ringgit (\$121,025,000) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan/i dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah

Maksud-Maksud dan Buliran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesebelas dan kedubelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang setmula.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Abli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan

kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Setcrusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua ratus empat puluh satu juta, enam ratus dua puluh empat ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$241,624,870) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh juta, lima ratus sembilan puluh sembilan ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$120,599,870) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh satu juta, dua puluh lima ribu ringgit (\$121,025,000) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan

Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Dipuluskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua ratus empat puluh satu juta, enam ratus dua puluh empat ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$241,624,870) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh juta, lima ratus sembilan puluh sembilan ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$120,599,870) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1992 yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-

Projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh satu juta, dua puluh lima ribu ringgit (\$121,025,000) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1992 yang di-

bentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.47 malam.